



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.A.B. Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud (Samarahan)
[Ruangan 1849]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 1849]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN

MESYUARAT 18 [Ruangan 1926]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) [Ruangan 1946]

Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit
(Pemerbadanan) (Pindaan) [Ruangan 1965]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988)

Jawatankuasa—

Maksud B.30 [Ruangan 1930]

Maksud B.34 [Ruangan 1932]

Maksud B.36 dan B.42 [Ruangan 1933]

Maksud B.49 [Ruangan 1937]

Maksud B.51 [Ruangan 1938]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.33 [Ruangan 1932]

Maksud P.49 dan P.50 [Ruangan 1937]

Maksud P.51 [Ruangan 1938]

Maksud P.54 [Ruangan 1943]

Maksud P.56 [Ruangan 1943]

MALAYSIA

PARLIMEN KETUJUH DEWAN RAKYAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., PLS. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.;, D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., PLS. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P, S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.L.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat),
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menten Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menten Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., DJ.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI UUS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUI (UIU Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Senan).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
 „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULAH (Kimanis).
 „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
 „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
 „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
 A.M.N. (Saratok).
 „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
 „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
 S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
 „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
 S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
 „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
 „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 s.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.L (Parit Sulong).
 „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
 „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
 „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
 „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN' (Julau).
 „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
 „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
 „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K. J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Perolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 21hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG
DI-PERTUA**

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:
Y.A.B. Tan Sri Datuk Patinggi
Haji Abdul Taib Mahmud

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, Ahli Parlimen bagi kawasan Samarahan dari 6hb Mac, 1989 hingga 24hb Mac, 1989.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir)

**PETRONAS—SYARIKAT
USAHASAMA LUAR NEGERI**

3. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Perdana Menteri menyatakan bilangan syarikat-syarikat usahasama di antara Petronas dengan syarikat-syarikat luar negeri dalam aktiviti hiliran pada masa kini. Berapakah jumlah modal yang dilaburkan oleh Petronas dan oleh syarikat-syarikat asing dalam setiap projek? Bagaimanakah prestasi syarikat-syarikat usahasama ini?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat empat buah syarikat usahasama di antara PETRONAS dengan pelabur-pelabur luar negeri di dalam aktiviti hiliran. Syarikat-syarikat tersebut ialah:

- (i) Malaysia LNG Sdn Bhd (MLNG),
- (ii) ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn Bhd (ABF),
- (iii) MTBE Malaysia Sdn Bhd (MTBE), dan
- (iv) Polypropylene Malaysia Sdn Bhd (Polypropylene).

Mengenai jumlah modal yang dilaburkan oleh PETRONAS dan pelabur-pelabur asing serta prestasi-prestasi syarikat-syarikat berkenaan adalah seperti berikut:

(i) *Malaysia LNG Sdn Bhd (MLNG)*

Modal berbayar syarikat ini sekarang adalah \$600 juta di mana PETRONAS melabur sebanyak 60%, Shell Gas BV 17.5%, Mitsubishi Corporation 17.5% dan Kerajaan Sarawak 5%. Melainkan pada tahun 1983, syarikat berkenaan memperolehi keuntungan sepanjang operasinya. Keuntungan terkumpul dari tahun-tahun 1984 hingga 31hb Mac, 1988 ialah berjumlah \$1,344 juta. Prestasi syarikat MLNG dijangka bertambah baik di masa hadapan berikutan dengan kenaikan harga minyak yang sememangnya mempengaruhi harga gas asli cecair.

(ii) *Asean Bintulu Fertilizer Sdn Bhd (ABF)*

Modal berbayar syarikat ini sekarang berjumlah \$300 juta di mana PETRONAS melabur sebanyak 63.5%, P.T. Pusari (Indonesia) 13%, Kementerian Kewangan (Kerajaan Thailand) 13%, National Development Company (dari Filipina) 9.5% dan Temasik Holding (iaitu Kerajaan Singapura) 1%.

Prestasi ABF sejak ianya mula beroperasi dalam tahun 1986 adalah kurang memuaskan akibat daripada kejatuhan teruk harga urea dan peningkatan kos pembayaran pinjaman berpunca dari peningkatan nilai matawang Yen. Kerugian terkumpul syarikat ini sehingga 31hb Mac, 1988 ialah berjumlah \$192.3 juta. Walau

bagaimanapun nilai jualan urea dan amonia telah meningkat daripada \$29.9 juta bagi tahun 1986 kepada \$140.6 juta pada tahun kewangan berakhir 31hb Mac, 1988 dengan peningkatan sebanyak 370%. Adalah dijangkakan prestasi syarikat ABF akan bertambah baik pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya berikutan dengan kenaikan harga urea di pasaran dunia pada masa ini. Jualan urea dan amonia bagi tahun kewangan berakhir 31hb Mac, 1989 dijangka meningkat kepada \$205.6 juta (iaitu peningkatan 46%) manakala kerugian ABF dijangka akan berkurangan sebanyak \$24.1 juta berbanding prestasi tahun kewangan 1987 dan tahun 1988.

(iii) *MTBE Malaysia Sdn Bhd (MTBE) dan Polypropylene Malaysia Sdn Bhd (Polypropylene)*

Kedua-dua syarikat ini baru sahaja ditubuhkan selepas PETRONAS dan pelabur-pelabur asing iaitu Neste Oy dan Idemitsu menandatangani perjanjian usahasama dalam bulan Februari 1989. Modal berbayar syarikat MTBE yang dicadangkan berjumlah \$150 juta, di mana PETRONAS akan melabur sebanyak 60%, Neste Oy 30% dan Idemitsu 10%. Bagi syarikat Polypropylene pula modal berbayar yang dicadangkan ialah \$90 juta di mana PETRONAS akan melabur sebanyak 55%, Idemitsu 35% dan Neste Oy 10%. Kedua-dua syarikat ini akan mengendalikan projek-projek petrokimia, mengeluarkan Methy Tertiary Butyl Ether dan Polypropylene dan dijangka akan beroperasi menjelang tahun 1992.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah justifikasi kepada usahasama yang dijalankan di antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat luar.

Yang kedua, misalnya diambil dari perusahaan urea, mungkin ianya berasaskan kepada spirit negara-negara ASEAN. Kenapakah penyertaan Singapura begitu nominal, dengan izin, yang hanya 1% sahaja. Dan yang ketiga. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Viyandran): Sudah Yang Berhormat, dua sahaja.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya minta penjelasan mengenai soalan yang pertama iaitu mengenai usahasama syarikat yang mana, sebab ada empat syarikat.

Tuan Zubir bin Embong: Keempat-empat sekali Yang Berhormat. Justifikasi bagi keempat-empat syarikat, apakah kerana technology transfer ataupun apa-apa.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, justifikasi untuk usahasama dalam keempat-empat syarikat ini adalah pertamanya bagi MLNG ialah technology transfer.

Yang keduanya, kerana pelabur asing itu telah pun memberi kesanggupannya untuk memasarkan semua hasil yang dikeluarkan daripada logi itu.

Bagi Syarikat Asean Bintulu Fertilizer itupun begitu juga kerana syarikat usahasama kita adalah sama juga dengan Syarikat MLNG itu tadi.

Mengenai dengan syarikat yang ketiga iaitu MTBE Malaysia Sdn Bhd dan Syarikat Polypropylene Malaysia

Sdn Bhd, usahasama yang mengambil bahagian dalam usaha ini adalah Imeditsu dan juga Neste Oy dan justifikasinya adalah kerana kedua-dua syarikat ini mempunyai pakar-pakar yang boleh membantu dalam usaha petro-kimia ini dan kedua-dua juga telah memberi cadangan-cadangan yang begitu menarik sekali kepada pihak PETRONAS.

Mengenai dengan soalan mengapa Singapura hanya mengambil nominal share iaitu 1%, ini adalah merupakan satu usaha ASEAN dan kita tidak boleh memaksa mana-mana Kerajaan supaya mereka itu mengambil bahagian yang besar, jadi oleh kerana hasrat Kerajaan Singapura hanya 1% maka kita pun berterima kasih juga kerana kita tidak boleh memaksa mereka untuk mengambil saham yang lebih daripada itu. Terpulanglah kepada masing-masing.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Syarikat-syarikat luar yang bekerjasama dengan PETRONAS tentang perjanjian dibuat, adakah perjanjian terhad kepada beberapa tahun yang tertentu ataupun perjanjian yang tidak terhad. Kalau misal kata minyak, sampai habis minyakkah, itu satu.

Yang kedua, syarikat-syarikat kerjasama ini adakah kepada yang bersangkutan kepada perkara-perkara petrol ataupun minyak sahaja ataupun syarikat-syarikat ini boleh bekerja apa-apa sahaja projek-projek besar dalam negara ini. Sekiranya boleh apa pula peranjaniannya tentang perkara yang lain daripada perkara-perkara hal minyak, bagaimana perjanjian pula dengan syarikat-syarikat ini.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur asing yang datang ke negara kita ini boleh melabur di mana-mana bidang mengikut perundangan dengan syarikat-syarikat yang didaftarkan di Malaysia ataupun kepunyaan

Malaysia. Mengenai sama ada had telah ditetapkan atau tidak mengenai dengan kerjasama ataupun perkongsian dalam usaha petro-kimia ini, tiap-tiap syarikat kalau ditubuhkan tidak mempunyai had kerana kita mahu mereka itu untuk berusahasama di negara kita ini sehinggalah bila-bila masa asalkan perniagaan itu akan membawa manfaat kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tiap-tiap perkongsian adalah tertakluk kepada Memorandum and articles of association, dengan izin, dalam tiap-tiap penubuhan syarikat usahasama itu. Ertinya adalah tertakluk kepada Undang-undang Pertubuhan negara Malaysia.

Mengenai dengan sama ada usahasama ini iaitu syarikat-syarikat yang telah mengambil bahagian dalam usahasama petro-kimia di Malaysia ini sama ada kita hadkan kepada petrol sahaja ataupun syahkat-syarikat lain, suka saya menjelaskan bahawa seperti saya katakan mulanya tadi, kita akan menerima apa juga perniagaan yang dibincangkan oleh syarikat-syarikat luar dengan syarikat-syarikat di Malaysia asalkan perniagaan itu akan membawa manfaat kepada negara dan juga kepada pelabur-pelaburnya dan memang hasrat Kerajaan adalah untuk membuka semua bidang dalam apa jua untuk pelabur-pelabur asing datang ke negara kita.

KBSR DAN KBSM— PELAKSANAAN DI SEKOLAH

4. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan taraf matapelajaran Matematik, Sains dan tulisan Bahasa Inggeris di bawah KBSR dan KBSM; dan apakah faedah yang diperolehi oleh murid-murid dari KBSR dan KBSM apabila setiap matapelajaran hanya mengambil masa 30 minit sahaja dan setiap kelas

terdapat 40 hingga 50 murid-murid. Berikan alasan-alasan mengapa Kementerian gagal untuk memberikan bilik darjah yang mencukupi untuk menempatkan lebih ramai murid-murid.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bertujuan untuk mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di negara ini. Semua sukatan pelajaran termasuklah sukatan pelajaran matapelajaran-matapelajaran yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu, digubal semula dengan tujuan untuk memperbaiki, mengemaskini dan menyesaikannya agar relevan dengan cabaran semasa dan kehidupan seharian.

Di samping itu, semua guru yang mengajar Matematik dan Sains serta Bahasa telah diberi kursus bagi membolehkan mereka memahami penekanan-penekanan baru dalam matapelajaran-matapelajaran tersebut, kaedah pendekatan baru dan strategi pengajaran-pembelajaran yang berkesan. Buku-buku teks baru dan bahan-bahan pengkayaan disediakan untuk semua mata-pelajaran KBSM dan KBSR.

Dari segi peruntukan masa, jumlah masa yang disediakan bagi satu waktu sama ada di peringkat rendah mahupun menengah adalah mencukupi.

Walaupun bilangan murid dalam kelas ialah di antara 40 hingga 50 orang, ini tidak bermakna pengajaran yang berkesan tidak dapat dijalankan. Di peringkat rendah khususnya, tumpuan ialah kepada pengajaran melalui kumpulan iaitu berdasarkan kebolehan dan kemampuan muhd. Di peringkat menengah pula tumpuan pengajaran ialah kepada pelajar

melalui aktiviti dan projek. Ini adalah untuk memastikan keberkesanan pengajaran-pembelajaran.

Dan adalah sukar untuk menerima kebenaran dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian Pendidikan gagal untuk memberikan bilik-bilik darjah yang mencukupi bagi keperluan KBSR dan KBSM. Perancangan dan pembinaan bilik-bilik darjah adalah merupakan usaha yang berterusan selaras dengan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Agensi Pusat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini Yang Berhormat, guru-guru yang dilatih untuk KBSR itu bilangannya bolehkah Yang Berhormat menyatakan di sini dan adakah pihak Kementerian masih melatih guru-guru untuk mengajar KBSR dan dengan tiada cukupnya guru-guru yang terlatih dalam KBSR bagaimana Kerajaan dapat melaksanakan KBSM yang nampaknya mengikut Yang Berhormat tadi ada subjek-subjek yang digolong di dalam amalan Bahasa Malaysia ABM dan sebagainya dengan kekurangan isi kandungan matematik. Bagaimana Kerajaan dapat mempertingkatkan subjek matematik dan pelajaran murid-murid, pelajar-pelajar dapat memahami matematik dengan subjek yang begitu kecil yang dipendek dan sebagainya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Guru akan meneruskan untuk memberi latihan kepada guru-guru untuk menjadi guru terlatih. Jumlah melalui tahun ini, pengambilan akan dikurangkan sebab bilangan guru di sekolah rendah tidak dapat kekurangan yang sangat buruk ataupun kita sudah tanpa lebih ramai guru-guru terlatih di sekolah rendah. Dan berkaitan dengan Amalan Bahasa Malaysia, isi kandungan matematik

ada dipelajari di dalam Amalan Bahasa Malaysia itu dan maksud untuk kita menjalankan kursus ataupun matapelajaran Amalan Bahasa Malaysia ialah untuk memberi amali dan tekanan kepada pelajar-pelajar untuk lebih bekesan untuk memakai dan menggunakan Bahasa Malaysia apabila mereka memasuki Tingkatan Satu dan ini sudah dijalankan di sekolah mulai tahun ini. Dan sekarang melalui laporan yang kita dapat dari guru-guru pakar-pakar yang sentiasa pergi ke sekolah untuk menyiasat perkara ini kita belum dapat satu kesan yang buruk dan laporan itu adalah baik.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita pun sedia maklum bahawa Kerajaan Malaysia mempunyai matlamat untuk mencapai 70 juta penduduk dalam tahun 2000. Adakah Kerajaan atau Kementerian Pendidikan memperolehi pelan induk khususnya untuk infrastruktur pendidikan dan juga para guru-guru yang terlatih pada masa itu kerana nampaknya kalau kita sudah ada 70 juta penduduk mungkin ada 70% yang kalangan remaja ataupun kalangan penuntut?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, apabila bilangan penduduk-penduduk di negara kita akan bertambah, kita buat rancangan untuk membuat lebih banyak bilik darjah dan memberi latihan kepada lebih ramai guru. Dan sebab murid-murid yang masuk ke sekolah itu adalah murid yang lebih dari 6 tahun, ini bererti Kementerian Pendidikan adalah 5 tahun atau 6 tahun untuk membuat rancangan dan menyediakan kemudahan yang cukup untuk memberi peluang kepada mereka untuk belajar, dan sebab itu kita tidak bimbang. Apa yang bimbang ialah bolehkah semua pemimpin-pemimpin kita menasihatkan kepada rakyat kita untuk melahirkan lebih banyak bayi. (Ketawa)

FELDA—PEMBANTU HAL EHWAL AGAMA ISLAM

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah jumlah kakitangan agama di rancangan-rancangan FELDA setakat ini mencukupi; jika tidak, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan pengajaran agama di kalangan pegawai-pegawai dan peneroka-peneroka rancangan FELDA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua kakitangan agama di FELDA dikenali dengan nama Pembantu Hal Ehwal Agama. Memanglah pada waktu ini Pembantu Hal Ehwal Agama kurang daripada jumlah yang FELDA perlui. Sekarang jumlah mereka ialah 163 orang, sedangkan yang diperlui ialah 189 orang. Sebenarnya berbagai langkah sedang dan akan diambil bagi terus meningkatkan pengajaran agama di kalangan pegawai dan peneroka di rancangan-rancangan FELDA. Langkah-langkahnya ialah:

- (i) mendapatkan khidmat guru-guru agama yang bertauliah untuk mengajar Fardhu Ain dan mengaji Al-Quran di Rancangan-rancangan FELDA;
- (ii) mendapatkan bantuan Pejabat Agama Negeri untuk meluaskan aktiviti meliputi Rancangan-rancangan;
- (iii) meningkat aktiviti-aktiviti agama yang dikendalikan sendiri oleh Pembantu Hal Ehwal Agama Islam di Rancangan-rancangan;
- (iv) memberi keutamaan untuk menempatkan Pembantu Hal Ehwal Agama Islam di gugusan

yang meliputi 3 atau 4 Rancangan dan di Rancangan-rancangan FELDA yang baru.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen mengenai Pembantu Hal Ehwal Agama Islam di FELDA iaitu adakah Pembantu Hal Ehwal Agama Islam ini termasuk imam-imam yang bertugas di mesjid-mesjid di Rancangan FELDA.

Yang kedua, adakah perlantikan imam-imam di Rancangan FELDA itu mendapat kerjasama dengan Majlis Hal Ehwal Agama Islam bagi negeri-negeri berkenaan kerana Hal Ehwal Agama Islam adalah tertakluk di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menegaskan di sini bahawa kelayakan untuk menjadi Pembantu Hal Ehwal Agama Islam ialah 3 iaitu umur tidak melebihi 28 tahun, mempunyai sijil 4 Senawi dan memiliki sijil SPM dan kepujian dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya mereka ini diambil sebagai kakitangan Pembantu Hal Ehwal Agama Islam dan bertugas serta bertindak sebagai imam, itu merupakan satu perkembangan yang lojik sahaja. Tidak semestinya PHEAI itu menjadi imam atau sebaliknya. Jadi, yang satu lagi sama ada perlantikan imam itu mendapat kerjasama daripada Majlis Agama, jawapannya pada keseluruhannya saya diberitahu setakat ini mendapat kerjasama, melainkan kalau Ahli Yang Berhormat dapat memberikan kes yang terkecuali daripada itu.

PENGANGGUR

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja yang menganggur dan diberhentikan kerja sehingga 1-1-1989 berkaitan dengan setiap sektor yang terlibat.

Sejauh mana Kerajaan berupaya mengatasi masalah ini dan bilangan kerja yang diwujudkan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

Tuan Yang di-Pertua, bilangan penganggur di negara ini pada 31hb Disember, 1988 adalah dianggarkan seramai 536,400 orang atau 8.1% daripada tenaga buruh. Walau bagaimanapun, bilangan penganggur yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat dan masih aktif mencari pekerjaan pada akhir tahun 1988 ialah seramai 93,783 orang. Bilangan pekerja yang diberhentikan kerja dan dilaporkan kepada Kementerian Buruh ialah 3,172, bagi tahun 1988. Jumlah ini melibatkan 99 majikan. Pecahan perberhentian kerja ini mengikut sektor adalah seperti berikut: '

Pertanian ..	599 orang
Perlombongan..	250 orang
Pembuatan ..	1,924 orang
Pembinaan ..	47 orang
Perdagangan ..	71 orang
Pengangkutan ..	158 orang
Kewangan ..	99 orang
Perkhidmatan ..	24 orang

Dengan pemulihan ekonomi negara, jumlah pemberhentian kerja telah banyak berkurangan, sementara bilangan jawatan kosong yang telah diiklankan dalam akhbar-akhbar tempatan oleh pihak yang mencari kerja juga telah bertambah dengan banyaknya iaitu dari 14,141 jawatan pada bulan Mei sehingga Julai 1988 kepada 25,268 jawatan dari bulan Ogos sehingga Disember 1988.

Untuk mengurangkan pengangguran, Kerajaan sedang giat berusaha untuk menggalakkan pelaburan di negara ini sama ada dari dalam ataupun luar negeri untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan.

Jabatan Tenaga Rakyat akan juga meningkatkan usahanya membantu para penganggur untuk mendapatkan pekerjaan. Jabatan tersebut telah berjaya menempatkan seramai 20,366 orang pada tahun 1987 dan seramai 27,858 orang pada tahun 1988.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita dengar pemimpin negara berkata yang menganggur terus menganggur kerana mereka pilih-memilih kerja. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa penganggur yang tidak memilih kerja pun tak dapat pekerjaan, misalnya para siswazah yang sedia bekerja untuk gaji \$400-\$500 sebulan pun tak dapat pekerjaan. Jika beliau sedar, apakah langkah-langkah tertentu yang disediakan oleh Kerajaan untuk membantu kategori yang ingin bekerja ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa bukan semua penganggur ini memilih pekerjaan tetapi walau bagaimanapun ada juga penganggur ini yang memitih kerja misalnya kita terdapat banyak kekosongan di sektor perladangan dan pembinaan tetapi sebahagian rakyat negara kita tidak berminat. Ada juga penganggur yang tidak memilih pekerjaan ini, umpamanya seperti yang Ahli Yang Berhormat sebutkan iaitu di kalangan siswazah yang sedang menganggur.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan, seperti saya sebutkan tadi, ialah kita mengharap sektor swasta akan banyak menyediakan peluang pekerjaan kepada para penganggur kita kerana sektor awam telah penuh—jawatan-jawatan yang ada ini semua telah dipenuhi. Oleh yang demikian, saya telah sebutkan, Kerajaan pada hari ini menggalak dan memesatkan pelaburan dari dalam dan

dari luar negeri sebagai langkah untuk mewujudkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang seterusnya akan membuka peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, adakah benar bahawa sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mencari ikhtiar atau jalan bagi mengatasi masalah pengangguran dan sekiranya ini benar, maka saya suka mendapat tahu daripada Kementerian berkenaan tentang apakah perakuan-perakuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet tersebut untuk mengatasi masalah pengangguran dan juga tentang masalah pemberhentian kerja itu?

Yang kedua ialah berkenaan dengan para graduan yang menganggur, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini tentang bilangan graduan yang masih menganggur dan apakah langkah-langkah spesifik yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah itu?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan pengangguran ini tidaklah dipengerusikan oleh Menteri Buruh. Oleh yang demikian, saya tidak dapat menjawab soalan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan perakuan-perakuan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, soal pengangguran negara secara umumnya dikendalikan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri, tidak oleh Kementerian Buruh.

Berkenaan dengan pemberhentian kerja, sebenarnya perkara ini sangat berkurangan seperti yang saya sudah sebutkan tadi pada tahun 1988 hanya

lebih kurang 3,000 orang sahaja lagi jumlah pemberhentian kerja kalau dibandingkan beberapa tahun yang lepas, kita terdapat kes di mana 10,000-15,000 setahun pemberhentian kerja. Ini adalah kerana pemulihan ekonomi negara seperti saya sebutkan tadi.

Soalan yang kedua, berkenaan dengan siswazah menganggur, saya sudah jawab bahawa langkah Kerajaan yang utama ialah memesatkan pelaburan dari dalam dan luar negeri untuk mewujudkan aktiviti ekonomi dan pelaburan supaya dapat peluang-peluang pekerjaan diwujudkan oleh sektor swasta, peluang-peluang pekerjaan ini akan wujud apabila sektor swasta membuka kilang-kilang perusahaan dan perniagaan-perniagaan dan peluang-peluang pekerjaan ini bukan sahaja untuk kalangan siswazah tetapi juga untuk semua bentuk pekerjaan peringkat rendah, menengah dan juga peringkat pengurusan.

LAPANGAN TERBANG LAHAD DATU, SABAH—PEMBESARAN

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak membesarkan landasan lapangan terbang Lahad Datu di Sabah untuk membolehkan pendaratan B. 737. Adakah beliau sedar bahawa bangunan terminal lapangan terbang tersebut sudah usang dan menjadi sempit dan tidak lagi boleh menampung keperluan penumpang yang semakin bertambah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk memperbesarkan lapangan terbang Lahad Datu untuk menampung operasi pesawat Boeing 737. Ini memandangkan pertumbuhan trafik

penumpang lapangan terbang Lahad Datu adalah sederhana sahaja.

Namun demikian, Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah Bangunan Terminal Baru di satu tapak yang telah dikenalpasti dalam kawasan lapangan terbang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, permohonan untuk projek ini yang dikemukakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima yang melibatkan anggaran kos sebanyak \$13.5 juta telah tidak dapat dipertimbangkan oleh kerana masalah ke-melesetan ekonomi. Permohonan bagi mengadakan bangunan terminal baru ini akan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Keenam kelak.

Kerajaan memang sedar keadaan bangunan terminal memang tidak begitu memuaskan. Untuk tujuan ini, kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian ke atas bangunan terminal tersebut telah pun dijalankan pada tahun 1986 dan April 1987. Di samping itu juga bagi tempoh baki Rancangan Malaysia Kelima, kerja-kerja pembaikan akan dijalankan sementara menunggu pelaksanaan projek ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

CHOGM—MENYAMBUK KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI LANGKAWI

8. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah persediaan yang telah dibuat untuk menyambut Ketua-ketua Kerajaan Komanwel bermesyuarat di Langkawi tahun ini. Apakah agensi-agensi yang terlibat dan apakah penyaluran yang telah dirancangan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Pulau Langkawi telah dipilih sebagai tempat perhentian bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel

(CHOGM) yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 18hb hingga 24hb Oktober, 1989. Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ditemani oleh isteri dan seorang pembantu masing-masing akan dibawa ke Pulau Langkawi dari 20hb hingga 22hb Oktober, 1989.

Segala usaha sedang giat diatur dan dilaksanakan bagi menjadikan Pulau Langkawi sesuai sebagai tempat perhentian Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Bagi memastikan segala persiapan berjalan dengan lancar, licin dan teratur, Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Langkawi dan Urusetia CHOGM, Kementerian Luar Negeri telah ditugaskan untuk menyelaraskan semua kerja-kerja persiapan yang sedang dijalankan oleh agensi-agensi Persekutuan dan Negeri di Pulau Langkawi.

Kerja-kerja persiapan termasuk program pengindahan dan kebersihan di Pulau Langkawi yang sedang dipertingkatkan sempena dengan Mesyuarat CHOGM tersebut. Sebuah hotel yang mengandungi beberapa buah chalet telah juga dipilih sebagai tempat penginapan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel tersebut dan sekarang ini sedang diubahsuai bagi maksud tersebut.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah Pulau Langkawi ini dipilih sebagai tempat penginapan. Itu satu, Kedua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah Yang Berhormat, terlalu banyak yang berminat, saya benarkan satu soalan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Dua perkataan sahaja itu. Satu lagi. Oleh kerana kita sekarang pun bercakap mengenai integrasi nasional di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung; sudahlah mesyuarat itu diadakan di Kuala Lumpur, kenapa tidak untuk memberi peluang kepada mereka ini

diadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah supaya dapatlah Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Sabah itu naik sedikit nama (*Ketawa*).

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Pulau Langkawi dipilih oleh kerana kita mahu memperkenalkan Pulau Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa; lagi pun Pulau Langkawi telah pun mempunyai kemudahan-kemudahan yang tertentu dan terpilihlah yang mana kita fikirkan ianya amat sesuai bagi dibuat sebagai tempat atau pun pusat perhentian bagi Ketua-ketua Kerajaan Komanwel.

Untuk soalan kedua, tentunya setengah daripada Ketua-ketua Kerajaan Komanwel selepas bersidang di Kuala Lumpur akan juga digalakkan untuk melawat ke negeri-negeri seluruh Malaysia ini, termasuk juga ke negeri Sabah dan Sarawak. Insya Allah, saya kira ramai di antara perwakilan yang menghadiri CHOGM akan turut serta melawat Sabah dan Sarawak.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu setakat manakah keputusan-keputusan yang telah dicapai dalam mesyuarat-mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel yang telah lalu itu dilaksanakan. Sekiranya tidak, kenapa, dan apakah manfaat yang dicapai selain daripada hanya dapat bertemu mesra dan bertukar-tukar fikiran sahaja sedangkan perbelanjaan banyak.

Soalan kedua, sempatkah Kerajaan mencuci pantai-panlai dan kedai-kedai yang hanya dengan itik-itik angsa sahaja sekarang ini. (*Ketawa*)

Dato' Dr Abdullah Fadzi bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, di antara keputusan-keputusan yang kita

nampak mendapat kejayaan dari segi persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ialah berkenaan dengan sanction terhadap regim Afrika Selatan, itu pertama. Kedua, tentang keputusan kita untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Namibia, juga merupakan satu tindakan ataupun keputusan yang dibuat bersama oleh Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Ada banyak lagi keputusan-keputusan yang telah dibuat yang mana telah pun memanfaatkan negara-negara yang menjadi anggota kepada Komanwel. Tetunya tidak semua keputusan dapat diterima dengan baik, lebih-lebih lagi di antara negara-negara kecil dalam Komanwel. Tetapi Malaysia memikirkan lebih baik kita memperjuangkan nasib negara-negara kecil daripada dalam Komanwel daripada kita perjuangkan nasib kita luar daripada Komanwel. Tentang tempat-tempat di Pulau Langkawi itu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi selain daripada kita memperelok dan membersihkan tempat-tempat yang berkenaan, kedai-kedai yang sedemikian juga merupakan tempat-tempat yang agak luar biasa yang unik kepada Malaysia di mana walaupun ianya mungkin nampak biasa sahaja di kalangan kita di sini, tetapi kalau kita ubahsuai, kita bersih dan perelokkan, ianya juga boleh menjadi daya penarikan kepada pelancong-pelancong ke pulau itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan hendak membersihkan pantai-pantai dan lain-lain untuk menyambut CHOGM. Di sini saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan hendak membersihkan rekod hak asasi manusia di negara kita, ini sangat mustahak. Membersihkan pantai bukan mustahak (*Tepuk*). Membersihkan hak asasi di negara kita itu lebih mustahak. Kalau mahu membersihkan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat. . . .

Dr Chen Man Hin: . . . mesti bebaskan Tuan Lim Kit Siang dan anaknya. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah jawab Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Ratu Elizabeth yang dianggap sebagai simbol keutuhan Komanwel diundang untuk datang ke Langkawi bagi menyerikan Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel memahdangkan beliau biasa hadir di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di tempat-tempat lain.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, jemputan sudah pun dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap Queen Elizabeth; dan setakat ini laporan yang kita dapat ialah Queen Elizabeth, insya Allah, akan menghadiri Persidangan CHOGM di Kuala Lumpur pada Oktober tahun ini.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keputusan Persidangan Wanita di Nairobi pada tahun 1985 telah diputuskan bahawa sebelum setiap Persidangan Komanwel, terlebih dahulu hendaklah diadakan Persidangan Wanita. Adakah keputusan yang telah dipersetujukan itu akan diadakan di persidangan di Malaysia nanti?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sila ulang semula Yang Berhormat.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Ulangan. Dalam keputusan Persidangan

Wanita-wanita Komanwel di Nairobi 1985 telah pun diputuskan bahawa sebelum setiap Persidangan Komanwel terlebih dahulu hendaklah diadakan persidangan khas berhubung dengan kaum wanita. Adakah keputusan yang telah dipersetujukan itu akan diadakan di persidangan yang akan diadakan di Malaysia nanti?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, di masa CHOGM masalah berkenaan isu wanita ini tidak akan dibincangkan tetapi diletakkan dalam satu jawatankuasa yang mungkin akan berbincang sebelum Persidangan CHOGM di Kuala Lumpur.

LESEN RADIO DAN TV—DINAIKKAN

9. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan menyatakan keuntungan yang dicatatkan oleh RTM melalui pengiklanan untuk tahun 1986, 1987 dan 1988 dan nyatakan kadar-kadar yang dikenakan untuk iklan di RTM dan RTM 2 dan sekiranya RTM berjaya dengan begitu banyak dari segi komersial maka mengapakah bayaran lesen radio dan TV dinaikkan yang hanya akan membebaskan mereka yang miskin.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa RTM adalah sebuah jabatan Kerajaan dan bukan badan perniagaan. Oleh yang demikian, tidaklah timbul masalah untung atau rugi yang ditanggung oleh RTM. Dan sebagai sebuah jabatan Kerajaan, RTM membantu Kerajaan untuk meningkatkan hasil negara demi kepentingan rakyat jelata.

Bagi maksud itu jumlah hasil yang diperoiehi oleh RTM bagi pihak Kerajaan bagi tahun-tahun 1986, 1987

dan 1988 adalah seperti berikut: Tahun 1986, \$73,940,880; 1987, \$73,971,813; 1988, \$119,177,341 sedangkan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi mengendalikan Jabatan Penyiaran baik Radio mahupun TV adalah sekadar \$130 juta pada tiap-tiap tahun.

Mengenai bayaran lesen radio dan TV saya mohon memaklumkan bahawa soalan ini telah pun dijawab di Dewan ini pada 13-3-1989 yang lalu dan saya tidak bercadang untuk menambah pada jawapan yang telah diberikan itu.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada disebutkan bahawa RTM adalah sebuah agensi pembangunan Kerajaan, bukan sebuah badan perniagaan. Oleh itu, sehubungan dengan usaha RTM untuk meningkatkan iklan-iklan sedikit masa yang lalu, RTM dikatakan mencampur-adukkan objektif pembangunan dan penyebaran dengan objektif mencari wang yang pasti adalah bertentangan. Jadi di sini soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah Yang Berhormat Menteri bersedia memilih satu daripada dua objektif ini atau seterusnya mempertahankan *status quo* dan terus menenma kritikan-kritikan yang dilempar kepada RTM pada masa ini.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tugas Jabatan Penyiaran untuk memberikan maklumat, pendidikan dan hiburan kepada orangramai akan diteruskan. Sambil itu didapati bahawa kos operasi yang meningkat dari masa ke semasa dan RTM telah dimaklumkan oleh Kerajaan bahawa perbelanjaan untuk pembaikan RTM akan hanya dapat ditimbang sekiranya RTM dapat meningkatkan hasilnya melalui iklan daripada semasa ke semasa.

Kalau hasil tidak bertambah kemungkinan Jabatan ini tidak akan dapat peruntukan daripada Kerajaan dari masa ke semasa untuk memperbaikinya. Maka oleh kerana ada peraturan yang baru ini RTM tidak dapat lari daripada hakikat selain untuk memberi penerangan, pendidikan dan hiburan kepada rakyat jelata untuk terus meningkatkan hasilnya. Sambil itu tujuan kita mengadakan iklan ini bukan sahaja untuk mendapatkan hasil tetapi juga untuk membantu di dalam mengembangkan barangan yang dikeluarkan oleh industri-industri dalam negara dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang ada untuk kemajuan ekonomi negara.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dua soalan. Yang pertama, saya ingin tahu apakah iklan-iklan jangkamasa dalam satu jam berapa minitkah iklan yang dibenarkan disiarkan melalui RTM, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, RTM bukan satu pertubuhan untuk berniaga. Mesti ada satu tahap sehingga iklan itu tidak boleh melebihi beberapa minit.

Kedua, baru-baru ini saya dengar dalam Dewan yang mulia ini ada orang-orang, pemimpin-pemimpin mengadakan satu "grand design" untuk menggulingkan Perdana Menteri melalui mediamassa. Adakah RTM memainkan peranan ini atau ada sesiapa, ataupun Yang Berhormat sendiri ada memainkan peranannya? Itu yang saya hendak tahu (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan yang akhir itu tidak payah dijawab.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan jawab soalan yang pertama sahaja. Jumlah minit yang diizinkan untuk iklan pada satu jam setakat ini ialah sepuluh minit sahaja. Dahulu

tujuh minit tetapi sekarang kita bataskan kepada sepuluh minit sahaja. Ada peraturan-peraturan yang dibuat mengenai jumlah iklan yang dibolehkan bagi rancangan-rancangan RTM menurut waktu-waktu yang tertentu.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, sebab ini adalah soalan asal saya. Saya ingin hendak tahu, sejak beliau menjadi Menteri Penerangan, banyak kejadian anih telah terjadi. (*Ketawa*) Misal kata ialah satu kejadian membatalkan rancangan-rancangan sukaramai seperti rancangan Drama PELANGI, rancangan Gusti Wanita dan sebagainya dan baru-baru ini bersabit dengan pengiklanan yang disiarkan melalui RTM, Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri pernah membuat satu pengumuman bahawa pelakun-pelakun dengan muka "Mat Salleh" ataupun menyerupai "orang putih" tidak boleh dibenarkan memainkan peranan dalam pengiklanan. Saya ingin tahu apakah logik itu sebab di dalam negara Malaysia kita ini adalah merupakan satu masyarakat berbilang kaum. Ada banyak orang sudah menjadi warganegara Malaysia. Sehingga hari ini kita tidak tahu siapakah dia orang Malaysia sebab Melayu pun kelihatan seperti orang Cina dan orang Cina kelihatan seperti Melayu dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu apakah logiknya tidak membenarkan orang Malaysia yang mempunyai feature "Orang Putih" tidak dibenarkan ditunjuk dalam pengiklanan melalui RTM itu?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat menyatakan saya orang anih, saya bukan anih dan keputusan pun bukan keputusan yang anih tetapi nampaknya Yang Berhormat cukup minat tentang TV ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, Yang

Berhormat ada lesen TV atau tidak? (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Ini sangkaan jahat, Tuan Speaker. Saya cabar Yang Berhormat Menteri melawat rumah saya dan saya akan tunjukkan lesen TV saya. Ini sangkaan jahat, minta tarik balik. (*Ketawa*) Saya cabar Menteri sekarang untuk pergi ke rumah saya dan saya boleh tunjukkan lesen TV saya itu. Ini satu kenyataan yang menghina bersabit dengan maruah saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh tarik balik dan selepas itu baru meneruskan jawapan kepada soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri tidak boleh soal dia, (*Ketawa*) hanya boleh menjawab soalan dia.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Yang Berhormat saya tumpang tanya sahaja, sebab saya nampak minat Yang Berhormat tentang TV ini cukup baik, dengan izin, you must be an ardent viewer of RTM and I am very pleased, saya berterima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Especially Gusti.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Terutama "Gusti Wanita". Saya bukan bermaksud untuk menghina, tidak. Saya tidak hendak menjatuhkan maruah Yang Berhormat, saya hendak menjelaskan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat terus menjawab.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, memang keputusan-keputusan terpaksa dibuat dari masa ke semasa. Keputusan-keputusan yang kita buat ini berasaskan kepada pandangan umum. Katakan soal "Gusti Wanita", kita mencuba bentuk mempelbagaikan rancangan-rancangan yang dapat ditonton melalui RTM, tetapi nampaknya sebahagian besar daripada masyarakat kita mengeluarkan bantahan-bantahan yang amat besar juga mengenai rancangan-rancangan "FLAIR" atau "Gusti Wanita" itu. Kita terpaksa menghormati pandangan umum sebab kita terdedah kepada masyarakat umum dan untuk menghormati pandangan umum itu, keputusan telah dibuat untuk tidak menyiarkan lagi rancangan "FLAIR" itu. Sambil itu pihak pengedarnya tidak dapat membekalkan secara terus dan ini ada dua sebab, bukanlah anih keputusan itu.

Masalah keputusan yang baru, apa yang kita nampak pada iklan-iklan sekarang ini ialah cuba mewujudkan satu nilai yang kita anggap dari segi jangka panjang boleh merbahaya. Masalah sekarang ini orang hendak menunjukkan siapa yang muka macam "Mat Salleh" ini untuk menggunakan perkataan Yang Berhormat dari Rasah, bahawa mereka itu adalah orang yang amat berjaya dalam hidup, orang-orang yang jenis itu sahaja yang bijak, yang boleh kaya, yang boleh mewah. Ini satu gambaran yang salah seolah-olah hendak menunjukkan bahawa orang-orang yang berbentuk baratlah orang-orang yang boleh berjaya. Apakah tiada orang-orang yang berbentuk Malaysia yang terjadi dari berbagai-bagai kaum ini, baik orang keturunan Melayu, atau India ataupun Cina tidak juga boleh berjaya, atau tidak boleh menikmati hidup yang sempurna seperti orang barat? Ini satu perkara yang harus kita tekankan juga. Kita ambil contoh-Sudirman, dia tidak bermuka "Mat Salleh". Boleh jadi dia menyanyi

macam "Mat Salleh". Kita bangga Sudirman dapat kejayaan yang besar dalam pertandingan di London baru-baru ini. Kita mesti menunjukkan bahawa kita ada kemampuan, kita ada kebolehan. Kita tidak boleh menjadikan masyarakat kita ini masyarakat kelas dua atau kemampuan kita, kita tidak sehebat seperti mana kemampuan yang dibuat oleh orang lain.

Maka menimbangkan hal-hal ini keputusan telah dibuat agar iklan-iklan dapat menggunakan nilai-nilai yang betul dan yang benar yang terdapat di Malaysia ini. Kita tahu rakyat Malaysia sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang yang kulitnya agak kekuningan seperti Yang Berhormat dari Rasah sendiri atau yang kulitnya coklat seperti Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa boleh jadi (*Ketawa*) atau kulitnya agak kehitam-hitaman sedikit seperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh (*Ketawa*). Ini telah memang alamnya begitu, Jadi haruslah digambarkan perkara-perkara yang benar.

Tadi Yang Berhormat dari Rasah mengatakan kalau ada orang Cina kahwin dengan orang Melayu, dia tak akan berubah. Boleh jadi kalau gene pada orang Cina itu kuat maka anak yang lahir daripada kahwin cantum itu akan lebih putih sedikit, tetapi kalau gene yang ada pada yang warnanya gelap sedikit mungkin anaknya akan lebih gelap lagi (*Ketawa*). Ini sudah memang keadaan sebenar. Saya memberi gambaran sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Dato' Mohamed bin Rahmat: I am not a doctor.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia bukan ahli geneticist di sini tetapi hendak mengajar pula.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Saya faham itu, Honourable doctor!

Tuan Hu Sepang: Apa jawapan itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, nanti Yang Berhormat. Biar dia sudahi.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Takkanlah kalau satu orang Melayu kahwin dengan orang Cina, anak dia macam "Mat Salleh", melainkan "something wrong", dengan izin. (*Ketawa*) Itu sahaja.

Jadi maksud kita ialah supaya nilai-nilai yang sebenar di Malaysia ini kita kembangkan dan jangan ada pihak yang cuba hendak menonjolkan sesuatu perkara yang bertentangan dengan muslihat-muslihat yang tertentu. Terima kasih.

JALAN LUAR BANDAR PALING SIBUK

10. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) mengenalpasti jalan-jalan luar bandar yang paling sibuk di negara ini;
- (b) apakah kriteria-kriteria dan ukuran tertentu bagi mengklasifikasikan kesibukan sesebuah jalan itu; dan
- (c) adakah rancangan Kementerian hendak memperbaiki dan membesarkan jalan-jalan tersebut bagi mengelakkan kemalangan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kerjaraya ingin menjelaskan iaitu definasi jalan luar bandar yang di bawah bidang kuasa Kementerian ini, yang digunakan oleh JKR ialah jalan-jalanraya yang menghubungkan di antara dua bandar atau bandar-bandar

yang melalui kawasan-kawasan di luar bandar. Jika inilah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka jalanraya luar bandar yang paling sibuk di negara kita itu ialah jalan-jalanraya utama yang menghubungkan bandar-bandar besar seperti ibu-ibu negeri dengan kawasan-kawasan bandar atau pekan di sekitarnya. Sebahagian besar jalan-jalan tersebut adalah Jalan Persekutuan.

Di antara jalan yang paling sibuk ialah Jalan Persekutuan 2, yang menghubungkan Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur. Jalanraya ini juga menghubungkan dan berakhir di Kuantan, Negeri Pahang Darul Makmur.

Jalan kedua yang didapati sibuk adalah Jalan Persekutuan I, yang bermula daripada Bukit Kayu Hitam di Negeri Kedah Darul Aman ke Johor Bahru di Negeri Johor Darul Takzim.

Jalan Persekutuan I ini juga melalui kawasan-kawasan luar bandar dan juga semua bandar-bandar besar di Pantai Barat Semenanjung Malaysia seperti Alor Setar, Butterworth, Ipoh, Tanjung Malim, Kuala Lumpur, Seremban, Melaka, Muar dan Johor Bahru.

Jalan ketiga yang juga didapati sibuk adalah Jalan Persekutuan 3, yang bermula daripada Johor Bahru di Negeri Johor Darul Takzim, melalui bandar-bandar di Pantai Timur Semenanjung, iaitu Mersing, Kuantan, Kuala Terengganu dan ke Kota Bharu, Negeri Kelantan Darul Naim.

Jalanraya keempat sibuk adalah Jalan Persekutuan 5, iaitu jalanraya yang melalui persisiran Pantai Barat, yang

bermula daripada Johor Bahru melalui Pontian, Batu Pahat, Muar, Melaka, Port Dickson, Kelang, Kuala Selangor, Sitiawan dan berakhir di Ipoh.

- (b) Kerajaan menggunakan kriteria tahap keupayaan jalanraya memberikan khidmat yang selesa atau "level of service", dengan izin, kepada pengguna-pengguna jalanraya, sebagai pengukur kesibukan jalanraya. Kriteria ini ditentukan berdasarkan beberapa faktor, di antara lainnya ialah jenis jalanraya, ukuran geometrik jalanraya, pengelasan jenis trafik yang menggunakan jalanraya dan bandingan tahap penggunaan jalanraya oleh sejumlah kenderaan yang mengguna jalanraya dalam tempoh masa yang tertentu.
- (c) Kerajaan sememangnya sentiasa meneliti tahap kesibukan jalanraya-jalanraya tersebut setiap masa. Bagi jalanraya yang telah mencapai tahap keupayaannya, pengguna-pengguna akan mengalami keadaan kesesakan yang teruk dan pada kebiasaannya kadar kemalangan dan kerosakan jalan akan bertambah tinggi. Jika keadaan ini berlaku, tindakan akan diambil bagi melebarkan jalan-jalan tersebut ataupun membina satu jalan alternatif yang baru kepada jalan tersebut, seperti projek penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dilaksanakan pada masa ini bagi mengelakkan kesesakan lalu-lintas dan juga kemalangan di jalanraya-jalanraya yang telah mencapai tahap keupayaannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2 dan 11 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).

PEGAWAI PENERANGAN— KURSUS KE PENGAJIAN TINGGI

1. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Penerangan menyarakan bahawa Jabatan Penerangan adalah satu-satunya agensi yang penting di Kementerian Penerangan dan bagi meningkatkan tahap profesionalisme para pegawai adalah penting. Sila nyatakan sudah berapa ramai pegawai-pegawai Penerangan yang telah diberi peluang mengikuti kursus di Pusat-pusat Pengajian Tinggi sehingga mendapat Ijazah Sarjana Muda Komunikasi. Adakah mereka yang berjaya mengikuti kursus tersebut diberi cuti bergaji, separuh gaji atau biasiswa. Jika tidak, kenapa.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Jabatan Penerangan adalah satu-satunya agensi yang penting di Kementerian Penerangan dan berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh Jabatan Penerangan untuk meningkatkan tahap profesionalisme para pegawainya baik secara menganjurkan kursus-kursus dalam perkhidmatan mahupun menghantar pegawai-pegawai ke Pusat-pusat Latihan dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi.

Dewasa ini sejumlah 14 orang pegawai Jabatan Penerangan sedang mengikuti Kursus Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Kursus Ijazah yang berkaitan dengan kerja-kerja Jabatan ini iaitu di Universiti Sains Malaysia dan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mereka yang mengikuti kursus tersebut diberikan kelulusan cuti belajar tanpa gaji, tanpa biasiswa. Kelayakan Ijazah Pertama yang akan

diperolehi nanti dalam bidang tersebut akan membolehkan mereka memohon jawatan yang lebih tinggi di dalam perkhidmatan Kerajaan umpamanya jika mereka, semasa meninggalkan jawatan untuk mengikuti kursus, menjawat jawatan Pembantu Penerangan Tingkatan Biasa atau Pembantu Penerangan Tingkatan Kanan, setelah memperolehi Ijazah Pertama mereka akan melayakkan diri untuk memohon jawatan Pegawai Penerangan (A22).

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai kakitangan yang mengikuti kursus di Pusat Pengajian Tinggi untuk memohon biasiswa dari mana-mana pihak Kerajaan untuk membiayai dirinya di Pusat Pengajian Tinggi.

MALNUTRITION DI LUAR BANDAR SARAWAK— KAJIAN

2. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada kajian mendalam telah dibuat oleh Kementerianya terhadap masalah "malnutrition" yang ada di kawasan luar bandar, Negeri Sarawak;
- (b) jika ya, sila menyatakan angka-angka spesifik untuk menunjukkan betapa seriusnya masalah "malnutrition" itu di Negeri Sarawak, khasnya di kalangan kanak-kanak luar bandar; dan
- (c) sebab-sebab kenapa masalah ini wujud di Negeri Sarawak; dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Kajian Sistem Pengawasan Pemakanan Kebangsaan yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bersama

Bahagian I.C.U. (Jabatan Perdana Menteri) dari tahun 1983 hingga 1986, adalah termasuk Negeri Sarawak.

- (b) Kajian ini menunjukkan bahawa taraf pemakanan di Negeri Sarawak pada amnya adalah baik. Tetapi sebanyak 35% dari kanak-kanak bawah umur 6 tahun yang dikaji didapati mempunyai kekurangan zat makanan yang ringan yang kebanyakannya hanya dapat dikesan dengan ukuran berat badan, tetapi tidak mempunyai apa-apa tanda klinikal.
- (c) Sebab-sebab utama yang membawa kepada kejadian ini ialah:
 - (i) kurang pendapatan serta kurang menghasilkan pengeluaran makanan untuk keluarga di sekeliling rumah atau di peringkat tempatan;
 - (ii) kurang kesedaran dan pengetahuan mengenai makanan berzat yang didapati di peringkat tempatan;
 - (iii) amalan pemakanan dan kepercayaan yang tidak mengutamakan keperluan makanan kanak-kanak dan ibu-ibu.

Langkah-langkah Mengatasinya

Sejak awal tahun tujuh puluhan lagi, Kerajaan telah mengadakan Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan khusus untuk mengatasi masalah kekurangan zat makanan serta meninggikan taraf pemakanan di kalangan masyarakat luar bandar. Program ini merupakan rancangan bersepadu yang disertai oleh pelbagai Kementerian dan agensi yang terlibat dan kini diselenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Usaha-usaha yang sedang dijalankan dalam program ini ialah berasaskan strategi meninggikan

taraf sosio ekonomi penduduk melalui projek-projek meninggikan pendapatan serta pengeluaran hasil makanan, meningkatkan pendidikan kesihatan, meningkatkan bekalan air, air bersih, membaiki keadaan sanitasi, pencegahan penyakit berjangkit serta rancangan makanan tambahan.

Bagi kanak-kanak yang dikesan dengan kekurangan zat makanan, Kementerian Kesihatan memperuntukkan bantuan khas dengan pemberian susu tepung bagi kanak-kanak kecil. Bagi kanak-kanak sekolah, rancangan makanan tambahan dengan makanan panas atau susu sekolah diberi melalui peruntukan Kementerian Pendidikan. Di samping itu, pendidikan kesihatan dan pemakanan di kalangan masyarakat dipertingkatkan supaya kejadian seperti ini dapat dicegah di peringkat keluarga.

ORANG ASLI—HASIL ROTAN

11. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerianya sedar bahawa pencarian rotan adalah satu sumber hutan yang penting kepada ekonomi dan kehidupan masyarakat Orang Asli. Jika ia, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi melindungi hak masyarakat Orang Asli supaya mempunyai hak berterusan ke atas sumber hutan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Kerajaan sedar bahawa hasil rotan adalah satu sumber hutan yang penting kepada ekonomi dan kehidupan masyarakat Orang Asli di negara ini. Hak berterusan masyarakat Orang Asli ke atas sumber hutan tersebut sentiasa dilindungi dan terjamin seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 19 (1) (h), Akta Orang Asli 1954 yang mana membenarkan Orang Asli mengambil keluaran hutan dalam kawasan Orang Asli.

Jaminan ini diperkukuhkan lagi dengan satu usaha yang sedang dijalankan dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi mengujudkan rancangan-rancangan pemulihan hutan dalam bidang penanaman rotan,

RELBAS KUALA KRAI— RANTAU PANJANG

12. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah sudah ada atau belum kajian di antara mengadakan perkhidmatan Relbas di antara Kuala Krai dan Rantau Panjang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Setakat ini KTM belum mengadakan sebarang kajian dan belum bercadang untuk mengadakan perkhidmatan Relbas di antara Kuala Krai dan Rantau Panjang.

PEJABAT POS BARU LAMBOR KANAN, PARIT

13. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Pejabat Pos Lambor Kanan, Parit hendak didirikan oleh kerana tapaknya telah lama disediakan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tender untuk membina bangunan Pejabat Pos Baru Lambor Kanan, Parit dijangka akan dikeluarkan pada bulan April tahun ini dan kerja pembinaannya dijangka akan bermula pada bulan Ogos, tahun ini.

PENGANGKUTAN AWAM

14. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah langkah-langkah yang sedang dirancang untuk

mengatasi sistem pengangkutan awam yang begitu lembab sekarang dan bolehlah dinyatakan bahawa masalah pengangkutan awam terutama di bandar-bandar akan dibersihkan dalam setahun Dasar Ekonomi Baru.

- (b) sistem pengangkutan rel telah wujud di negara sejak sebelum merdeka. Mengapa sistem tidak popular di kalangan rakyat dan apakah yang menyebabkan jalan rel baru hampir tidak ada selepas negara ini merdeka.
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menjalankan pengangkutan rel sebagai pengangkutan popular di masa akan datang.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) 1. Ingin saya maklumkan bahawa apa-apa langkah yang diambil untuk mengatasi masalah-masalah pengangkutan awam khususnya pengangkutan jalan di bandar-bandar besar, ianya tidak akan dapat mengatasi masalah dengan sepenuhnya ataupun seratus peratus. Walaupun tindakan-tindakan dan usaha-usaha telah dijalankan bagi mengatasi atau mengurangkan masalah kesesakan dan sebagainya, tetapi oleh kerana pertumbuhan pesat dan pertambahan penduduk, maka masalah-masalah pengangkutan awam masih lagi wujud.
2. Saya telah dimaklumkan oleh Kementerian Perusahaan Awam bahawa beberapa langkah-langkah berkaitan telah diambil oleh pihak Kementerian itu untuk mengatasi masalah yang dihadapi berhubung dengan pengangkutan awam.

- (b) Adalah tidak benar bahawa keretapi di negara ini tidak popular. Sistem keretapi merupakan satu mod pengangkutan utama semenjak 102 tahun yang lalu dan telah memainkan peranan yang besar dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara ini. Jumlah penumpang yang diangkut oleh KTM telah meningkat dalam 10 tahun kebelakangan ini.

Adalah benar bahawa selepas merdeka KTM tidak membuka Ealuan keretapi yang baru bagi pengangkutan penumpang. Walau bagaimanapun KTM telah membina landasan baru dari Kempas Baru ke Pelabuhan Pasir Gudang dan dari Subang Jaya ke Sri Subang bagi pengangkutan barangan sahaja.

- (c) KTM sentiasa berusaha untuk menjadikan perkhidmatan keretapi lebih popular, daripada segi keselesaan, keselamatan, kebersihan dan yang ber-ekonomi.

KTM menyediakan lapan perkhidmatan Ekspres dan empat perkhidmatan Senandung Malam yang menyediakan perkhidmatan tempat duduk ataupun tempat tidur yang terjamin. Tren-tren tersebut yang disediakan dengan koc bufe berhawa dingin bagi kemudahan penumpang. KTM telah melantik kontraktor pembersihan dan pencucian koc bagi menentukan koc-koc sentiasa bersih semasa dalam perjalanan. Bagi menentukan keselesaan penumpang sentiasa terjamin, setiap tren mempunyai Penyelenggara Koc sejak 1 Januari 1989 yang bertanggungjawab membaiki kerosakan-kerosakan kecil semasa tren dalam perjalanan.

Di samping itu, KTM juga telah sejak 1 Februari 1989 mewujudkan jawatan Penyelia Tren bagi layanan yang bermutu tinggi kepada para penumpang KTM.

Satu lagi kemudahan yang telah disediakan oleh KTM ialah kemudahan untuk menggunakan sistem telefon ATUR di dalam koc Kelas Pertama tren Ekspres Sinaran sebagai langkah percubaan mulai dari bulan Disember 1988. Semua langkah-langkah ini diambil untuk memastikan bahawa perkhidmatan rel adalah satu mod pengangkutan yang popular di kalangan rakyat Malaysia dan juga di kalangan pelancongan dari luar negeri.

PASAR TAMAN SELAMAT, BUKIT MERTAJAM

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kenapa beliau berkata Kementerianya belum lagi menerima sebarang permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi membina sebuah pasar di Taman Selamat, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah sedangkan mengikut Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pihak MPSP telah membuat permohonan tersebut. Adakah beliau sedar kecuaiannya ini telah menambah lagi keraguan rakyat terhadap kejujuran dan kewajipan Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat semakan dan mendapati bahawa tidak terdapat sebarang permohonan untuk membina sebuah pasar di Taman Selamat, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

ada menerima permohonan untuk membina pasar awam Alma yang merupakan salah sebuah daripada projek pasar yang dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima semasa Belanjawan RML (1986-1990) disediakan dulu. Tetapi disebabkan berlakunya kemelesetan ekonomi negara maka peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah sangat berkurangan iaitu \$20.68 juta sahaja. Oleh itu beberapa buah projek pasar termasuk pasar awam Alma ini terpaksa ditangguhkan pelaksanaan ke suatu masa di mana keadaan kewangan mengizinkan. Sukacita dimaklumkan bahawa penduduk-penduduk Taman Selamat boleh menggunakan Pasar Awam Bukit Mertajam yang jaraknya kira-kira 3 kilometer sahaja untuk mendapatkan barang-barang harian.

KURIKULUM BARU KBSM— PELAKSANAAN

16. Tuan Haji Mohamad Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian bercadang memberi peruntukan khas untuk dibina surau-surau di sekolah-sekolah menengah bukan asrama penuh kerana dengan pelaksanaan kurikulum baru KBSM tahun ini murid-murid Islam terpaksa mengadakan ko-kurikulum Agama di sebelah petang yang memerlukan surau untuk tatihan amali secara berkesan, sedangkan banyak lagi Sekolah Menengah yang tidak ada surau.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa ada memberi peruntukan bagi pembinaan surau-surau baru atau membesarkan surau yang sedia ada. Peruntukan tersebut adalah daripada pecahan kepala program-program Rendah dan Menengah. Buat masa ini Kementerian Pendidikan belum

bercadang untuk mengadakan peruntukan khas bagi tujuan tersebut.

PERKHIDMATAN AWAM— TINDAKAN TATATERTIB

17. Tuan Ong Tee Keat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) bilangan kakitangan Kerajaan yang dikenakan tindakan tatatertib sejak tahun 1981; dan
- (ii) jenis kesalahan yang kebanyakan mereka sabit.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul);

- (i) Bilangan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dikenakan tindakan tatatertib sejak 1981 hingga 1987 ialah seramai 8,222 orang. Tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan selainnya adalah dikendalikan oleh Lembaga Tatatertib masing-masing.
- (ii) Jenis-jenis kesalahan yang kerap dilakukan yang menasabkan mereka ialah tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran, datang lewat, melanggar peraturan pejabat, mabuk semasa bertugas, cuai, penyalahgunaan dadah, kesusahan berat kerana berhutang, mencuri, disabitkan di Mahkamah Syariah dan kerja yang tidak memuaskan.

PENOLONG PENGUASA POLIS BAHAGIAN KUDAT DITUKARKAN

18. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa pada 23-1-1989 Penolong Penguasa Polis (AOCPD) Bahagian Kudat bernama "En. Muin Topung"

yang telah bertindak atas resolusi Lembaga Bandaran Kudat untuk menangkap beberapa orang rakyat asing daripada Pakistan yang didapati saling bersaing dengan peniaga tempatan dalam menjalankan kegiatan berniaga di kawasan Pekan Kudat (atas sebab rakyat asing berkenaan hanya dibenar masuk ke negeri Sabah bagi tujuan melawat (social visit) dan bukannya berniaga. Bagaimanapun adalah cukup malang bagi Penolong Penguasa Polis berkenaan selepas saja melaksanakan tugas itu kerana mendapati dirinya diambil tindakan oleh pihak atasan untuk menukarkannya dengan serta merta ke Kepyayan meskipun ianya baru saja bertukar ke daerah Kudat (daripada Kota Kinabalu) tiga bulan yang lalu:

- (a) Mengapakah Penolong Penguasa berkenaan diambil tindakan sedemikian rupa walhal dia hanya menjalankan tugas selaras dengan resolusi Lembaga Bandaran berkenaan.
- (b) Mengapakah Penolong Penguasa Polis berkenaan tidak diberikan peluang untuk membersihkan namanya ataupun mempertahankan dirinya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pertukaran pegawai ini dari Balai Kudat ke jawatan Penolong Kem Komandan Ibu Pejabat Polis Sabah pada 4-2-89 dibuat adalah atas kepentingan perkhidmatan. Ini bersabit dengan aduan dari orang ramai dan demi untuk kepentingan perkhidmatan Polis beliau terpaksa ditukarkan. Bagaimanapun perkara ini masih dalam siasatan.

INDUSTRI KECIL DI KAMPUNG

19. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah rancangan Kementerian yang effective mengenai industri kecil di kampung-kampung dan apakah industri kecil ini

mendapat latihan dan pengawasan rapi dari Kementerian selain daripada memberi bantuan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sentiasa merancang, melaksana dan menyelaras dasar-dasar dan program-program yang berkaitan dengan semua aspek pembangunan industri luar bandar seperti dalam bidang teknologi, pengeluaran, pemasaran, pembangunan usahawan dan sebagainya.

Program yang paling berkesan dalam pembangunan Industri Kampung ialah program bantuan peralatan dan bengkel kepada perusahaan-perusahaan di luar bandar. Program ini telah berjaya memajukan 1,660 perusahaan terdiri dari 39% industri perabot, 36% makanan, 15% kraftangan dan 10% industri lain.

Program ini akan diubahsuai mengikut keadaan dan keperluan semasa. Umpamanya, kalau pada satu masa dahutu tekanan hanya diberi kepada industri kraf tetapi ini terbuka untuk semua industri pembuatan. Kalau dahulu pendekatannya ialah kuantitatif iaitu untuk mewujudkan lebih ramai usahawan dari luar bandar, tetapi sekarang pendekatan kualitatif dititikberatkan, yakni untuk meningkatkan keupayaan usahawan melalui modenisasi seperti dalam bidang teknologi, kemahiran, penyelidikan dan pembangunan (R & D).

Kementerian sentiasa menitikberatkan latihan kepada pengusaha-pengusaha luar bandar sebelum dan setelah bantuan diberi. Latihan yang diberi adalah bercorak pengurusan atau teknikal yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kementerian seperti MARA, KEMAS, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

(PKKM), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) ataupun oleh agensi-agensi luar Kementerian seperti MARDI, SIRIM, FRIM, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) dan lain-lain. Malah Kementerian pernah membawa pakar-pakar dari luar negara untuk melatih pengusaha-pengusaha tempatan dan juga menghantar pengusaha-pengusaha tempatan ke luar negeri. Kementerian juga menganjurkan seminar-seminar untuk faedah pengusaha-pengusaha luar bandar.

Kementerian sentiasa mengikuti perkembangan pengusaha-pengusaha luar bandar terutama mereka yang menerima bantuan, untuk memastikan bantuan yang diberi itu dipergunakan dengan sebaik-baiknya.

Jika Yang Berhormat mempunyai cadangan atau rancangan baru bagi meningkatkan perusahaan luar bandar, Kementerian ini amat menghargai dan bersedia menimbangkannya, memandangkan sekarang ini Bahagian Perusahaan Luar Bandar sedang dalam penyusunan semula akibat pemindahan Bahagian Perusahaan Kecil dari Kementerian ini ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mulai 1 Mac, 1989.

JALAN FELDA YANG DITARKAN

Tuan Haji Hashim bin Safin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa panjangkah jalan-jalan di dalam Rancangan FELDA yang telah ditarkkan sehingga 31 Disember 1988. Berapa panjangkah pula jalan di dalam Rancangan FELDA yang akan ditarkkan sepanjang tahun 1989 ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Sehingga 31 Disember 1988, sepanjang 1,804 km. jalan masuk dan jalan kampung di Rancangan-rancangan FELDA telah ditarkkan. Bagi tahun 1989, Kerajaan akan

mengetarkan jalan masuk dan jalan kampung sepanjang 759.32 km. lagi.

**PENGEDAR DADAH YANG
DIHUKUM MATI—
PENGAMPUNAN**

21. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat pengampunan atau pengurangan hukumam mati berhubung dengan kes-kes pengedaran dadah. Jika ya nyatakan butir-butir berkaitan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat hanya 5 (lima) kes pengedaran dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, yang diberi pengampunan atau dikurangkan hukumannya. Di antara kes-kes tersebut ialah seperti berikut:

- (i) 3 orang warganegara Malaysia yang telah ditangkap pada tahun 1980 dan dijatuhkan hukuman mati pada tahun 1982, telah diberi pengampunan oleh *Lembaga Pengampunan Kedah* dan hukuman mereka telah dikurangkan kepada hukuman penjara seumur hidup.
- (ii) Seorang warganegara Malaysia yang ditangkap pada tahun 1983 dan dijatuhkan hukuman mati pada tahun 1986, telah diberi pengampunan oleh *Lembaga Pengampunan Perlis* dan hukumannya telah dikurangkan kepada hukuman penjara seumur hidup.
- (iii) Seorang Warganegara Perancis yang ditangkap pada tahun 1980 dan dihukum mati pada tahun 1982, telah dikurangkan hukumannya ke penjara seumur hidup oleh Mahkamah Persekutuan pada bulan Ogos 1982.

**PERDAGANGAN MALAYSIA-
BURMA—KEMAJUAN**

22. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kemajuan yang tercapai di bidang perdagangan di antara Malaysia dan Burma semenjak lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke negara Burma Februari 1988. Nyatakan jenis dan jumlah perdagangan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke negara Burma pada bulan Februari 1988, hubungan perdagangan antara kedua-dua negara telah dapat dipertingkatkan, khususnya eksport dari Malaysia ke Burma. Nilai eksport Malaysia telah meningkat dari M13.3 juta pada tahun 1987 kepada \$18.4 juta dalam tahun 1988. Barang-barang yang dieksporth dari Malaysia ke Burma termasuklah minyak kelapa sawit, barang-barang plastik, alat-alat hawa dingin, "radio-broadcast receivers", alat-alat muzik, barang-barang permainan, barang-barang besi keluli dan baja. Adalah menjadi harapan agar pihak swasta mengambil peluang-peluang yang akan wujud untuk mengeksporth lebih banyak barang-barang keluaran Malaysia ke Burma.

**PASPORT ANTARABANGSA
MALAYSIA—PERMOHONAN**

23. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah seorang bumiputera tempatan (Sino-Kadazan) yang dilahirkan pada 1919 (70 tahun) memegang kad pengenalan biru tetapi tidak mempunyai surat beranak tidak dibenarkan memohon pasport untuk bercuti keluar negeri. 'Dan sama ada benar bahawa seorang yang bukan dilahirkan di sini tidak berhak memegang gelaran bumiputera. Oleh kerana itu, apakah langkah-langkah

yang akan diambil oleh Kementerian beliau supaya dapat meringankan perkara ini untuk membolehkan warganegara yang sudah tua memiliki pasport untuk keluar negeri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya minta Yang Berhormat, dari Tanjung Aru memberikan butir-butir diri pemohon berkenaan untuk siasatan lanjut. Adalah menjadi satu syarat bahawa setiap permohonan untuk mendapatkan Pasport Antarabangsa Malaysia disertai dengan Kad Pengenalan dan surat beranak. Walau bagaimanapun Kerajaan ada memberi kelonggaran kepada mereka yang tidak mempunyai surat beranak supaya dapat memiliki Pasport Antarabangsa Malaysia.

AMNESTI KEPADA PENDATANG HARAM INDONESIA

24. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Sabah pernah memohon untuk melaksanakan Amnesti kepada Pendatang-pendatang haram Indonesia di Sabah dan jika ya; apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi memberi keistimewaan tersebut; dan mengapakah ini tidak meliputi pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian berketurunan Filipina, adakah benar pemberian Amnesti ini telah mengingkari Akta Imigresen dan Ordinan Buruh negara kita, jika ya, mengapakah Kerajaan masih memilih untuk bertindak sedemikian.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kuasa mengenai hak-hak Imigresen dan buruh adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Sabah telah mengadakan program amnesti tersebut tanpa rujukan kepada Kerajaan Persekutuan dahulu. Untuk menyelaraskan perkara ini Kerajaan sedang mengambil langkah yang sesuai supaya tindakan

berkenaan dengannya adalah selaras dengan undang-undang.

JAWAPAN KEPADA SURAT-SURAT

25. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan sama ada telah menjadi tanggungjawab kepada semua Jabatan Kerajaan untuk membalas setiap surat yang dikirimkan kepada setiap jabatan oleh orang ramai atau melalui Ahli-ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri di dalam satu jangkamasa yang telah ditetapkan. Jika benar, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap seorang pegawai Kerajaan yang terus gagal ataupun enggan untuk membalas surat-surat yang dikirimkan kepada mereka.

Tuan Othman bin Abdul: Adalah menjadi tanggungjawab kepada semua Jabatan Kerajaan untuk membalas setiap surat yang memerlukan tindakan atau jawapan, yang dikirimkan kepada mana-mana Jabatan oleh orang ramai atau melalui Ahli-ahli Parlimen atau melalui Ahli Dewan Undangan Negeri dengan secepat yang mungkin. Bagi surat yang tidak dapat diberikan jawapan yang tegas dengan segera seperti kerana memerlukan kajian ataupun penyiasatan maka Jabatan adalah dikehendaki memberitahu penulis surat itu bahawa jawapan yang tegas akan diberi kemudian dalam satu jangkamasa yang ditetapkan. Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana pegawai Kerajaan yang terus gagal ataupun enggan untuk membalas surat-surat yang memerlukan jawapan yang dikirimkan kepada mereka boleh diambil tindakan tatatertib mengikut Perintah-perintah Am Kerajaan.

BEKALAN ELEKTRIK DI SEMPORNA

26. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapakah keadaan

bekalan elektrik di daerah Semporna masih belum pulih dan sering mengalami kerosakan.

- (a) adakah penjanakuasa letrik yang baru telah diberikan untuk menggantikan penjanakuasa yang lama kepada Lembaga Letrik Daerah Semporna. Jika belum bilakah penjanakuasa yang baru akan dibekalkan; dan
- (b) apakah langkah-langkah pihak Kementerian di dalam membantu menghadapi masalah ini. Oleh kerana ramai yang terlibat khususnya pekedai-pekedai yang memerlukan bekalan elektrik dan rakyat awamnya di daerah tersebut.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Izinkan saya menjawab soalan (a) dan (b) serentak kerana kedua-dua soalan itu adalah berkait.

Kementerian saya dan LLS sedar bahawa Daerah Semporna mengalami masalah bekalan elektrik dan Kementerian saya dan LLS telah mengambil tindakan-tindakan berikut untuk mengatasi masalah bekalan elektrik di Semporna bagi memperbaiki dan seterusnya menstabilkan bekalan elektrik di kawasan berkenaan dengan:

- (i) Memasang 3 X 300 kw diesel set yang baru;
- (ii) Memulihkan semula 2 x 500 kw diesel yang rosak untuk beroperasi semula selewat-lewatnya pada bulan April 1989 ini;
- (iii) Memindahkan 2 x 1 mw diesel daripada Tawau.

Dengan terlaksananya usaha-usaha ini nanti, keupayaan bekalan di Semporna akan melebihi keperluan.

ANGKATUNJUK PENGGUNA

27. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan apakah angkatunjuk pengguna bagi tahun 1988 jika dibanding 5 tahun lalu, dan apakah barang-barang yang harganya telah naik bagi tahun 1988 dan sebutkan peratusannya.

Dato' Kok Wee Kiat: Angkatunjuk pengguna bagi tahun 1988 ialah 131.3 berbanding 120.3 dalam tahun 1983 iaitu meningkat sebanyak 9.1%. Angkatunjuk pengguna bagi tahun 1988 dan lima tahun kebelakangannya pula adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>			
1988..	131.3
1987..	126.8
1986..	125.8
1985..	121.1
1984..	124.6
1983..	120.3

Turun naiknya harga barang-barang adalah satu perkara biasa kerana harga barang-barang di negara ini bergantung kepada harga bahan-bahan mentah, kuasa penawaran dan permintaan di pasaran, perubahan kadar pertukaran mata wang asing dan sebagainya. Barang-barang yang harganya telah naik dalam tahun 1988 berbanding dengan tahun 1987 ialah:

- (i) Daging, ayam dan telur ayam yang mana harga runcitnya telah meningkat di antara 1% hingga 15% iaitu bergantung kepada jenis dan mutunya;
- (ii) Minyak masak yang mana harga runcitnya telah meningkat di antara 2% hingga 22% iaitu bergantung kepada jenis, berat dan jenamanya;
- (iii) Susu, sardin dan majerin yang mana harga runcitnya telah meningkat di antara 1% hingga 21% iaitu bergantung kepada jenis, berat dan jenamanya;

- (iv) Barang-barang makanan kering seperti kacang tanah dan kacang hijau yang mana harga runcitnya telah meningkat di antara 4% hingga 25% iaitu bergantung kepada jenis barang dan mutunya;
- (v) Barang-barang petroleum kecuali minyak petrol premium yang mana harga runcitnya telah meningkat di antara 1% hingga 2%.

Berbanding dengan tahun 1983, harga runcit beberapa jenis barang-barang perlu telah meningkat di antara 2% hingga 31% dalam tahun 1988. Barang-barang yang harga runcitnya meningkat dalam tahun 1988 berbanding dengan tahun 1983 ialah daging kambing tempatan (10%), minyak masak (6%), susu (8% hingga 15%), sardin (25% hingga 31%), majerin (10% hingga 14%), bahan-bahan minuman (9% hingga 17%), barang-barang kering (9% hingga 28%) dan minyak tanah (9%).

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak semua barang-barang mengalami kenaikan harga dalam tahun 1988. Jika dibanding dengan tahun 1983, harga daging import dan ayam telah turun di antara 20% hingga 38%. Harga ikan bilis, ubi kentang, tepung gandum dan gula pasir telah turun antara 6% hingga 36%. Harga bahan-bahan petroleum kecuali minyak tanah telah turun di antara 2% hingga 13%.

Jika dibandingkan dengan tahun 1987, harga telur asin dan telur itek telah turun 9% dan 7%. Harga bahan minuman Teh Boh dan Nescafe Classic telah turun 3% dan 20%. Barang-barang kering seperti ikan bilis, ubi kentang, bawang besar, bawang merah dan bawang putih telah turun di antara 3% hingga 26%. Bagi bahan petroleum Minyak Diesel telah turun 2%.

RACUN/BAHAN PENGAWET MAKANAN—PENGUNAAN

28. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian demi mencegah penggunaan racun dan bahan pengawet makanan yang nampaknya semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini, dan seterusnya mengakibatkan keracunan;
- (b) apakah tindakan yang dikenakan terhadap pengusaha makanan yang tidak memandang berat terhadap masalah ini, selain dari tindakan amaran.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Kegunaan racun-racun perosak bagi melindungi tanaman pertanian dan bahan-bahan aditif seperti bahan awet dan sebagainya, memang telah menjadi satu yang biasa dalam industri makanan yang moden. Tetapi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 mensyaratkan cara dan tahap kegunaan bahan-bahan ini dan melarangkan kegunaan bahan-bahan yang lain.

Saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan sedang mempergiatkan lagi penguatkuasaan Akta dan Peraturan-peraturan ini untuk memastikan makanan yang dipasarkan kepada orang ramai mengandungi hanya bahan-bahan yang dibenarkan sahaja, mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh undang-undang itu. Di antara aktiviti yang dijalankan dalam kegiatan ini adalah pemeriksaan mengejut

premis-premis memproses makanan serta pengambilan sampel makanan dan mengambil contoh bahan-bahan mentah dan makanan yang diproses. Tindakan tertentu mengikut Akta Makanan 1983 akan diambil terhadap sesiapa yang didapati melanggar perundangan makanan.

Di samping itu, maklumat-maklumat amalan pengilangan yang baik juga diberi kepada pengusaha-pengusaha makanan. Kementerian Kesihatan juga sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Persatuan-Persatuan Pengguna, dalam mengadakan seminar-seminar, perbincangan dan ceramah berkaitan dengan makanan kepada pengusaha-pengusaha makanan dan orang ramai. Kementerian Kesihatan juga sentiasa memperingkatkan pengetahuan kakitangannya yang bertugas dalam hal-hal pengawasan dan pengawalan kebersihan makanan dan premis-premis makanan.

- (b) Tindakan yang boleh dikenakan terhadap pengusaha makanan yang melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 selain dari memberi amaran dan pendakwaan di Mahkamah, ialah merampas dan memusnahkan makanan yang terbukti melanggar perundangan.

KERACUNAN MAKANAN— SIASATAN

29. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa kementerianya tidak dapat mengawal

atau mencegah kes-kes keracunan yang sering berlaku di kalangan orang ramai khususnya pelajar-pelajar dan murid-murid sekolah.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiap-tiap kejadian keracunan makanan telah disiasat dengan serta-merta dan dikawal dengan jayanya oleh pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan. Untuk mencegah kejadian keracunan makanan, Kementerian Kesihatan sentiasa menguatkuasakan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain terutamanya pihak Penguasa-Penguasa Tempatan. Kementerian Kesihatan juga sedang mengadakan aktiviti khas pendidikan kesihatan kepada orang awam dan juga pelajar-pelajar sekolah dalam segi kebersihan makanan.

Bagi menentukan makanan yang dijual di kantin-kantin sekolah adalah bersih dari segi kesihatan, Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan di dalam mengeluarkan Buku Panduan Kantin Sekolah pada tahun 1983. Buku Panduan ini telahpun disemak semula dan diperbaharui pada tahun 1988 dan akan digunakan oleh Kementerian Pendidikan.

Aktiviti pemeriksaan premis makanan dan pendidikan kesihatan kepada pengendali-pengendali makanan dan orang ramai sedang juga dipertingkatkan setiap tahun. Dalam perkara ini, Kementerian Kesihatan sedang mendapat kerjasama yang meluas daripada pihak-pihak media masa.

Kebersihan makanan ialah perkara asas yang menentukan tahap kesihatan seseorang individu. Saya ingin menyebutkan di sini bahawa adalah menjadi tanggungjawab seseorang individu untuk menentukan ianya mendapat makanan yang bersih, yang

disediakan dengan cara dan dalam kawasan yang bersih.

Kementerian Kesihatan dan pihak Penguasa Tempatan menolong dari segi mengawal kebersihan dan penjualan makanan oleh penjaja dan penjual makanan. Terpujanglah kepada individu itu untuk membuat pilihan, iaitu membeli makanan hanya dari mereka yang menjual makanan yang bersih dan disediakan dalam cara yang bersih, dan dalam keadaan sekeliling yang bersih.

SURAT DITAHAN DI PUSAT TAHANAN KAMUNTING

30. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan: berapa pucuk surat daripada (a) pengirim tempatan; (b) pengirim luar negeri yang beralamat kepada tujuh orang Ahli Parlimen DAP yang ditahan di bawah ISA di Kem Penahanan Kamunting telahpun ditahan oleh pihak berkuasa Kem Tahanan. Apakah sebabnya surat-surat ini tidak dihantar kepada tujuh orang Ahli Parlimen DAP ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah surat-surat yang ditahan oleh pihak berkuasa Pusat Tahanan bagi tujuh orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dimaksudkan adalah 75 dari pengirim tempatan dan 34 dari pengirim luar negeri. Penahanan surat-surat ini selaras dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pihak berkuasa Pusat Tahanan mengikut peruntukan di bawah Peraturan 83 (2), Internal Security (Detained Persons) Rules 1960 yang berbunyi (dengan izin):

"83 (2). A Superintendent or an officer authorised by him shall read every letter written by or addressed to any detained person and if he considers it to contain any objectionable matter he shall detain it."

PENYELUDUPAN ROKOK—KES KE MAHKAMAH

31. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah berbanding dengan jumlah kes-kes yang masih di dalam siasatan berhubung dengan penyeludupan rokok ke negeri Sabah terutamanya di Tawau dari negara-negara jiran untuk tahun 1987 dan 1988.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes penyeludupan rokok masuk ke negeri Sabah adalah dari Indonesia dan Filipina. Jenis rokok yang diseludup masuk dari Indonesia adalah jenis Gudang Garam dan Djarum, manakala dari Filipina pula adalah jenis Benthol dan Champion.

Jumlah kes penyeludupan rokok ke Sabah yang telah dibawa ke mahkamah bagi tahun 1987 dan 1988 ialah masing-masing 62 kes.

Sepanjang tahun 1987 Daerah Tawau adalah merupakan tempat pendaratan 'utama penyeludupan rokok dengan catatan jumlah rampasan sebanyak 49 kes.

SISTEM PENDIDIKAN BARU

32. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kelebihan dan kebaikan sistem pendidikan yang baru diperkenalkan kini;
- (b) apakah Kerajaan sedar tentang sistem pendidikan yang dilaksanakan sekarang boleh menyebabkan para pelajar terasa terlalu lama dan kesannya pada pelajar tidak tahan dengan keadaan ini; dan
- (c) apakah Kerajaan rasa sesuai dengan kelonggaran yang diberikan kepada para pelajar

universiti terhadap kesinambungan dan kewibawaan keilmuan negara.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat—

- (a) Segala perubahan yang dilakukan dalam sistem pendidikan kini, sama ada di peringkat rendah atau menengah bertitiktolak daripada perakuan-perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979).

Perubahan-perubahan dilakukan dengan tujuan untuk memperbaiki, memperkukuh dan mempertingkatkan lagi mutu pendidikan negara. Selepas Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dilaksanakan sepenuhnya (1983-1988), kesinambungannya perlu diwujudkan di sekolah menengah.

Di peringkat sekolah menengah strategi utama adalah untuk menjamin pembentukan pelajar yang memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu. Ini adalah merupakan intipati dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

Kelebihan kurikulum baru, khasnya kurikulum menengah, ialah penumpuan yang menyeluruh dan seimbang di antara teori dan amali, pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni; dan pengembangan intelek, keyakinan dan akhlak.

- (b) Pada dasarnya Kementerian Pendidikan ingin memastikan bahawa setiap pelajar mendapat peluang belajar yang seimbang. Dalam Pekeliling 3/67 ditetapkan setiap mata pelajaran diajar selama 40 minit bagi satu waktu.

Walau bagaimanapun dalam pelaksanaannya, tidak semua sekolah telah memenuhi kehendak Pekeliling ini. Kelonggaran yang diberikan ini merugikan pelajar-pelajar dua sidang, khasnya pelajar-pelajar sidang petang. Mereka didapati mengalami kerugian kira-kira 5 minggu waktu belajar dalam setahun.

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) tindakan diambil untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang berlaku sebelum ini. Peruntukan masa bagi setiap waktu ditetapkan selama 40 minit. Pada umumnya, jumlah waktu belajar yang biasa bagi satu-satu sidang ialah 36 waktu. Oleh kerana jumlah waktu bagi semua mata pelajaran ialah 42 waktu maka peruntukan waktu yang lain perlu dilanjutkan di luar jadual waktu biasa.

Kementerian Pendidikan menyedari tentang perkara ini tetapi untuk menjamin kehendak-kehendak kurikulum dan juga matlamat pendidikan, penambahan masa belajar perlu dilaksanakan.

- (c) Kementerian Pendidikan sentiasa mengamalkan dasar kebebasan bersuara, oleh itu pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan bebas menyuarakan pendapat dan pandangan mereka kepada perkara-perkara yang berfaedah dan hendaklah bersifat lebih matang. Perlakuan mereka hendaklah bersopan dan tidak lari dari peraturan-peraturan yang telah digariskan. Adalah diharapkan dengan ini, dapat mewujudkan satu suasana yang terbuka, yang mana pelajar-pelajar didedahkan dengan masalah-masalah dan isu-isu

semasa, untuk menggerakkan daya pemikiran mereka dan bersedia mengharungi dunia keilmuan.

PENCEMARAN UDARA-KAWALAN

33. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah langkah yang berkesan untuk mempertahankan alam sekitar dari pencemaran udara, penghakisan tanah, banjir dan tanah bergaram yang semakin lama semakin serius.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Pada keseluruhannya, keadaan pencemaran udara adalah terkawal. Langkah-langkah yang berkesan daripada aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan kerjasama pihak-pihak berkuasa negeri dan tempatan serta pengusaha-pengusaha industri telah membawa hasil seperti berikut:

- (i) bilangan kenderaan yang melulusi ujian pelepasan asap hitam telah meningkat daripada kurang 50% pada tahun 1977 kepada lebih daripada 85% sehingga kini;
- (ii) paras plumbum di udara telah menurun daripada lebih kurang 6 mikrogram setiap meter padu di persimpangan jalanraya sibuk sebelum tahun 1985 kepada kurang daripada 2 mikrogram setiap meter pada masa kini;
- (iii) pelepasan asap dari cerobong kilang telah pun berkurangan, dan kebanyakan kilang dapat menepati had-had pelepasan yang dibenarkan;
- (iv) kes-kes pembakaran terbuka ke atas buangan kilang, dan pertanian serta di tapak pembinaan telah berkurangan juga.

Tambahan lagi, garis-garis panduan untuk mencegah pencemaran udara bagi beberapa jenis industri telah diedarkan kepada pihak-pihak pengusaha pada peringkat perancangan dan operasi. Jenis-jenis industri ini ialah kilang baja ikan, kilang kelapa sawit dan kilang papan.

Berkenaan dengan masalah hakisan tanah dan kelodakan, Jabatan Alam Sekitar telahpun mengedarkan garis-garis panduan untuk mencegah dan mengawal masalah itu kepada pihak-pihak Kerajaan Negeri. Tanggungjawab pelaksanaan garis-garis panduan itu adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri masing-masing. Jika garis-garis panduan itu dilaksanakan, ianya merupakan salah satu daripada langkah-langkah untuk mengatasi masalah banjir. Walaupun demikian, masalah banjir adalah diselenggarakan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair di bawah Kementerian Pertanian. Adalah difahamkan bahawa Jabatan Parit dan Taliair mempunyai program sendiri untuk melebar dan mendalamkan sungai-sungai supaya mengurangkan kejadian banjir.

Di dalam hal tanah bergaram pula, ianya juga terletak di bawah bidangkuasa Jabatan Parit dan Taliair. Namun sejauh pengetahuan saya, masalah tanah garam belum lagi menjadi nyata sehingga merupakan satu masalah di negara ini.

RUMAH KEDIAMAN ANGKATAN TENTERA

34. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pertahanan menyatakan rancangan Kementerian dari segi menyediakan rumah-rumah kediaman yang sesuai dan selesa bagi pasukan Angkatan Bersenjata Negara. Adalah Kementerian bekerjasama dengan pihak swasta dengan cara membeli atau menyewa rumah tersedia ada kalau ia, bila dan di mana rancangan itu akan diadakan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Jawapan kepada soalan ini telah pun diberi pada 9 Mac, 1989 bersama dengan jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Larut. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

AKTA PERIKANAN DI SARAWAK

35. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilakah pihak Kerajaan Persekutuan telah menguatkuasakan Akta Perikanan di Negeri Sarawak;
- (b) apakah masalah yang telah dihadapi oleh pihak berkuasa dalam melaksanakan Akta Perikanan itu di Negeri Sarawak serta seluruh Negara; dan
- (c) adakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengkaji semula Akta Perikanan pada dasarnya, serta melonggarkan penguatkuasaan Akta itu pada peringkat perlaksanaannya, memandangkan bantahan keras daripada pihak nelayan seluruh negara ini pada amnya dan di Negeri Sarawak khususnya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):

- (a) Kerajaan Persekutuan telah menguatkuasakan Akta Perikanan di Negeri Sarawak sejak 1hb Januari, 1986.
- (b) Kerajaan Persekutuan tidak menghadapi apa-apa masalah dalam melaksanakan Akta Perikanan 1985 di negeri Sarawak serta seluruh negara oleh kerana Kerajaan Persekutuan telah mengadakan

taklimat-taklimat kepada nelayan-nelayan tempatan tentang Akta Perikanan tersebut.

- (c) Buat masa ini Kerajaan Persekutuan belum lagi bercadang untuk mengkaji semula Akta Perikanan 1985 serta melonggarkan penguatkuasaannya pada peringkat pelaksanaannya memandangkan melalui penguatkuasaan Akta ini telah membolehkan pihak Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan mengawal dan menguruskan sumber-sumber perikanan negara secara berkesan. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian akan terus memberi perhatian kepada apa jua pandangan dan cadangan yang munasabah dan berasas dari mana-mana pihak termasuk nelayan-nelayan sendiri dalam memperkemaskan lagi Akta tersebut jikaperlu.

BENCANA BANJIR

36. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan kesan bencana banjir di seluruh negara pada tahun 1988 dari segi kerugian harta benda, kehilangan nyawa, kerosakan infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam dan berapakah penglibatan kewangan kerajaan untuk langkah penyelamatan dan pemulihan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Banjir pada tahun 1987 telah menyebabkan 17 kematian dan banjir pada tahun 1988 seramai 38 kematian.

Manakala bilangan rumah kediaman sama ada musnah atau rosak semasa banjir tahun 1988 ialah 1,090 buah rumah dengan nilai kerosakan dianggarkan \$1,749,501.00. Pada tahun 1987 bilangan rumah yang

rosak atau musnah ialah 116 buah dengan nilai kerosakan dianggarkan \$186,951.00.

Berhubung dengan kerosakan infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam, jumlah sebenar sedang dikaji oleh kerajaan, walaupun anggaran kasar jumlah kerugian telah diterima daripada pihak negeri-negeri.

Dalam pada itu Kementerian Kebajikan Masyarakat pula telah membelanjakan sejumlah \$1,060 juta kepada mangsa-mangsa banjir berupa bantuan barang-barang makanan dan pakaian. Ini tidak termasuk bantuan segera sebanyak \$415,000.00 daripada Tabung Bantuan Bencana Alam Negara.

Pihak kerajaan sememangnya sentiasa mengambil berat terhadap penderitaan rakyat khususnya semasa kejadian banjir dengan menyediakan berbagai bantuan, semasa dan selepas kejadian banjir, menerusi pelbagai agensi dan jabatan kerajaan di semua peringkat sama ada di peringkat daerah, negeri atau pusat. Jawatankuasa-jawatankuasa Bantuan Bencana Alam di peringkat daerah, negeri dan persekutuan pula mengambil langkah awal sebagai persiapan dengan mengadakan mesyuaratnya pada bulan September pada setiap tahun.

RANCANGAN PEMBANGUNAN DIKEPONG

37. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang tercapai dalam berbagai-bagai projek yang dilaksanakan di sekitar kawasan Kepong setakat ini. Sejauhmanakah setiap projek tersebut menepati permintaan rakyat bagi komoditi-komoditi yang ditawarkan oleh pemaju, misal dari segi perumahan, penyeliaan tapak perusahaan, kemudahan asas serta kemudahan infrastruktur, kawasan rekreasi, ketepatan masa menyelesaikan setiap

fasa projek, bayaran pampasan atau sumbangan kewangan kepada mereka yang terpaksa dipindahkan sebelum pembangunan sesuatu tempat bermula, dan lain-lain janji yang mungkin dibuat kepada orang ramai oleh pemaju serta Kerajaan. Jika gagal untuk menepati permintaan rakyat dengan 100%, apakah faktor-faktor yang telah menghalang prestasi projek dalam aspek-aspek berkenaan. Apakah jaminan beliau bahawa projek-projek tersebut tidak akan terbengkalai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Rancangan pembangunan utama di kawasan Kepong yang sedang diusahakan sekarang ialah projek-projek penswastaan bagi membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan. Pada masa ini 3 pemaju swasta telah diberikan kelulusan perancangan (Perintah Pelan Susunatur) dan sedang memohon untuk mendapatkan kelulusan Perintah Pembangunan bagi membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan. Projek ini akan melibatkan pembangunan kawasan seluas 301.32 ekar, dan apabila ia siap sepenuhnya kelak, akan dapat menyediakan sejumlah 3,310 unit kediaman dan 1,077 unit industri ringan. Dalam konteks meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan projek-projek kecil untuk kawasan-kawasan kampung, dan kawasan-kawasan setinggan. Projek-projek ini antara lainnya termasuklah penyediaan dewan, surau, longkang, lampu-lampu jalan, padang permaman dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, kerja-kerja penyenggaraan jalan, penyediaan kemudahan bekalan air dan elektrik sentiasa diteruskan dari semasa ke semasa, rnalahan kemudahan-kemudahan seperti ini telah pun disediakan di kebanyakan kampung di kawasan Kepong.

Di dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan yang melibatkan kawasan-kawasan setinggan, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan mempertimbangkan keperluan-keperluan penduduk yang berkenaan. Dialog dan perbincangan diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan sesuatu projek itu dipersetujui oleh semua pihak.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa mengambilkira segala kemudahan yang perlu disediakan di kawasan-kawasan perumahan agar taraf penghidupan penduduk dapat dipertingkatkan. Bagaimanapun, Kerajaan tidak begitu menggalakkan pihak pemaju memberi pampasan atau bantuan dalam bentuk kewangan kepada penduduk. Sebaliknya, pampasan yang diberikan merupakan dalam bentuk diskaun harga rumah. Dengan ini, secara tidak langsung memberikan galakan kepada penduduk untuk memiliki rumah sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar untuk memberi jaminan agar setiap projek tidak terbungkalai. Ini adalah kerana kejayaannya bergantung kepada keupayaan pemaju yang telah dilantik. Bagaimanapun, penduduk terlibat tidak akan mengalami kerugian, sebaliknya, pihak pemaju yang menanggung segala risiko sekiranya sesuatu projek itu gagal. Dengan penjelasan ini, saya berharap tidak ada lagi perkara-perkara berbangkit berhubung dengan peranan Kerajaan untuk membangunkan kawasan Kepong.

JAMBATAN PULAU PINANG— KUTIPAN TOL

38. Teoh Teik Huat minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada pihak Kerajaan Persekutuan akan memberi wang yang dipungut dari Tol Jambatan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri

Pulau Pinang dan jika tidak, kenapa dan sama ada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat sebarang representasi kepada Kerajaan Persekutuan bagi kutipan Tol Jambatan Pulau Pinang di ambil alih oleh Kerajaan Negeri sebagai hasil negeri.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk memberikan wang hasil kutipan tol jambatan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini adalah kerana kos pembinaan jambatan ini dibiayai sepenuhnya oleh wang pinjaman yang ditanggung dan perlu dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada representasi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan hasil tol jambatan Pulau Pinang menjadi hasil Kerajaan Negeri.

PROJEK KECIL PEMBANGUNAN DI AMPANG JAYA

39. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyenaraikan projek-projek dan wang belanjanya yang siap dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat di Kawasan Parlimen Ampang Jaya semasa tempoh kempen pilihanraya Ampang Jaya baru-baru ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Kerajaan Pusat hanya meluluskan pelaksanaan projek-projek kecil pembangunan di Kawasan Ampang Jaya semasa Kempen Pilihanraya yang lalu. Projek-projek tersebut disiapkan atau dilaksanakan selepas tempoh Kempen Pilihanraya tersebut. Ini memandangkan projek-projek berkenaan perlu dilaksanakan mengikut prosedur-prosedur tertentu.

Kerajaan akan menentukan projek-projek tersebut dilaksanakan dengan sempurna supaya rakyat dapat

menikmati dan menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut.

DASAR KERAJAAN— PENENTANGAN PEGAWAI

40. Tuan Haji Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah dan tindakan yang akan dan telah diambil terhadap pegawai-pegawai Kerajaan sama ada Persekutuan dan Negeri. Ramai daripada mereka yang menentang dasar Kerajaan dan ada juga mereka ini terang-terang menyokong parti lawan dan memberikan bahan-bahan rahsia Kerajaan untuk menghentam Kerajaan dan pemimpin parti pemerintah pada masa ini.

Tuan Othman bin Abdul: Perbuatan membocorkan rahsia rasmi Kerajaan kepada mana-mana pihak yang tidak berhak menerimanya untuk apa tujuan sekalipun adalah salah di bawah Akta Rahsia Rasmi. Mana-mana pegawai Kerajaan yang didapati melakukan kesalahan ini bolehlah dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman "penjara mandatori". Seterusnya, pegawai-pegawai ini bolehlah diambil tindakan tatatertib di bawah Perintah Am Bab "D". Setakat ini Jabatan Perkhidmatan Awam belum lagi menerima sebarang laporan mengenai pegawai-pegawai Perkhidmatan Persekutuan yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Penglibatan pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan "A" dalam mana-mana parti politik adakah melanggar peraturan Perintah Am Bab "D" yang juga membolehkan tindakan tatatertib diambil ke atas mereka. Setakat ini seramai 10 orang telah dikenakan tindakan tatatertib kerana melanggar peraturan ini.

TAHANAN ISA

41. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa

dua orang tahanan ISA di Kem Tahanan Taiping, iaitu Ketua Pembangkang Parlimen, Sdr. Lim Kit Siang (bapa) dan Ahli Parlimen Kota Melaka, Sdr. Lim Guan Eng (anak) ditahan di kawasan yang berlainan iaitu kawasan 5 dan kawasan 6 masing-masing, di mana mereka tidak dapat berjumpa dengan satu sama lain kecuali apabila keluarga mereka melawat mereka untuk selama hampir setahun sehingga bulan Disember 1988 di mana Sdr. Lim Guan Eng dipindah dari Kawasan 6 ke Kawasan 5 untuk tinggal bersama bapanya; dan tidakkah tindakan memisahkan bapa dan anak untuk selama setahun itu satu tindakan yang amat zalim dan langsung tidak mencerminkan nilai-nilai kehidupan orang-orang benua Asia yang mengutamakan konsep tinggal bersama di antara anggota-anggota keluarga.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tidak ada apa-apa peruntukan di bawah Internal Security (Detained Person) Rules 1960 yang mensyaratkan bahawa orang-orang tahanan yang mempunyai pertalian kekeluargaan seperti bapa dan anak, hendaklah ditempatkan bersama dalam satu kawasan. Asas penempatan orang-orang tahanan mengambilkira tanggungjawab pihak Pusat Tahanan untuk menjamin tatatertib suasana ketenteraman dan keselamatan dalam pusat tahanan keseluruhannya selain dari aspek pemulihan.

KEMALANGAN LAUT

42. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan laut yang tepat dalam tahun 1988;
- (b) hasil siasatan kemalangan laut itu tentu telah diketahui dapatkah diterangkan punca-puncunya dan kesannya ke atas pengangkutan laut; dan

- (c) nyatakan langkah yang akan diambil bagi mengelakkan kemalangan itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Bilangan kemalangan laut dalam tahun 1988 adalah seperti berikut:

Semenanjung	—	35
Sabah	—	7
Sarawak	—	14

- (b) Hasil siasatan kemalangan menunjukkan bahawa kebanyakannya berlaku atas sebab-sebab berikut:

- kelalaian dan kecuai manusia;
- menggunakan kapal/bot yang tidak layak belayar (unseaworthy vessels);
- muatan yang berlebihan daripada dihadkan sama ada penumpang ataupun kargo;
- keadaan laut dalam cuaca yang buruk; dan
- tidak mengikut garispanduan di dalam peraturan-peraturan undang.

- (c) Langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kemalangan-kemalangan tersebut ialah dengan sentiasa memastikan bahawa kapal/bot dilesenkan dalam keadaan yang baik dan layak layar serta mengikut ciri-ciri keselamatan yang diperlukan. Kapal/bot berkenaan perlu melalui pemeriksaan berjadual bagi memastikan taraf keselamatan yang mencukupi. Jabatan Laut dan Polis Merin sentiasa menjalankan rondaan penguatkuasaan bagi memastikan peraturan-peraturan dipatuhi.

Latihan kepada anak-anak kapal juga diteruskan dengan pengeluaran sijil-sijil kecekapan kepada mereka-mereka yang lulus ujian. Tindakan yang sewajarnya akan diambil bagi mereka-mereka yang cuai dan terlibat dengan kemalangan.

**SIJIL KELAHIRAN
LEWAT—PERMOHONAN**

43. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar bahawa banyak permohonan Sijil Kelahiran Lewat khasnya di negeri Sarawak telah memakan masa beberapa tahun;
- (b) apakah sebab-sebab proses membuat Sijil Kelahiran Lewat memakan masa begitu panjang;
- (c) apakah cadangan Kerajaan mempercepatkan proses pembuatan ini;
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan perkhidmatan komputer untuk menolong mempercepatkan proses membuat Sijil Kelahiran Lewat di Negara ini; dan
- (e) sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Undang-undang supaya masa melaporkan seseorang bayi itu dapat dipanjangkan kepada tempoh yang lebih panjang tidak seperti sekarang iaitu 14 hari sesudah tempoh itu dan akan dikatakan lewat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan sedar bahawa proses pemberian Sijil Kelahiran Lewat di Negeri Sarawak telah mengambil masa beberapa tahun.
- (b) Proses tersebut memakan masa bagi memastikan hanya kanak-kanak yang benar-benar lahir di

Sarawak sahaja dikeluarkan sijil berkerraan. Sehubungan dengan itu kelewatan biasanya disebabkan oleh:

- (i) borang permohonan tidak lengkap;
 - (ii) pemohon tidak segera menjawab pertanyaan yang dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara; dan
 - (iii) pemohon, pemaklum atau saksi tidak hadir untuk ditemuduga pada tarikh yang ditetapkan.
- (c) Saya telah menjawab soalan yang sama pada 17-3-1989.
- (d) Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan perkhidmatan komputer kerana setiap permohonan terpaksa disiasat secara manual yang melibatkan temuduga dengan pemaklum serta saksi-saksi.
- (e) Buat masa ini Kerajaan belum bercadang lagi untuk memanjangkan tempoh 14 hari yang ada sekarang.

HARGA BARANG KEPERLUAN

44. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hari ini harga kebanyakan barang-barang keperluan asas seperti barangan makanan telah melambung naik adakah ini ada kena mengena dengan kenaikan gaji dan adakah kenaikan harga barang-barang yang tersebut suatu yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Dato' Kok Wee Kiat: Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Tebrau pada 8-3-89. Jawapan tersebut telah disampaikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi, disebabkan jawapan tersebut terlalu panjang

maka Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju supaya jawapan ini diberi secara bertulis. Oleh itu, saya berhajat tidak akan mengulanginya lagi.

PENDUDUK SETINGGAN

45. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bilangan setinggan yang masih belum ditempatkan semula di Wilayah Persekutuan. Berapa banyakkah daripada bilangan setinggan ini yang berada di kawasan Kepong. Dalam sepuluh tahun yang lepas ini, apakah bilangan setinggan yang sudahpun ditempatkan semula di Kepong, khususnya, dan di seluruh Wilayah pada amnya. Berapa projek pembangunankah yang perlu dilaksanakan untuk mencapai penempatan semula bilangan setinggan ini. Berapakah projek pembangunan lagikah yang akan perlu lagi menempatkan semula penduduk setinggan yang masih tertinggal. Bilakah agaknya matlamat menempatkan ke semua setinggan di kawasan Kepong dan seterusnya di seluruh Wilayah Persekutuan akan tercapai.

Drs Suleiman bin Mohamed: Sehingga tahun 1988 sejumlah 185,240 orang penduduk setinggan yang masih lagi belum ditempatkan semula di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 20,167 orang penduduk setinggan adalah mendiami kawasan Parlimen Kepong. Dalam tempoh sepuluh tahun ini, bilangan setinggan yang terlibat di dalam penempatan semula kawasan setinggan ialah seramai 16,775 keluarga di Wilayah Persekutuan pada keseluruhannya dan 1,700 keluarga daripadanya di kawasan Kepong. Jumlah tersebut melibatkan 21 buah projek bagi menempatkan keluarga setinggan yang tertibat.

Untuk membangunkan kawasan-kawasan setinggan, Kerajaan telah dan akan membina rumah-rumah kos

rendah sama ada dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau usahasama DBKL dengan pihak swasta atau dikendalikan oleh pihak swasta sendiri. Ini bertujuan menampung keperluan rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan. Di samping itu, Kerajaan melalui DBKL juga membina rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah panjang untuk disewakan kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan berusaha untuk membangunkan kawasan-kawasan setinggan yang masih belum dimajukan lagi dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus memberikan segala kemudahan asas kepada kampung-kampung setinggan yang terlibat dengan menyediakan bekalan elektrik, air, jalan dan sebagainya untuk kemudahan dan keselesaan mereka agar mereka turut sama menikmati kehidupan yang lebih selesa di bandaraya ini. Matlamat menempatkan semula ke semua setinggan ini akan tercapai setelah ke semua perancangan penempatan semula setinggan dapat dilaksanakan sepenuhnya kelak. Penempatan semula ini adalah bergantung kepada kemampuan ekonomi negara pada masa ini.

KERACUNAN MAKANAN— PUNCA

46. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengenalpasti punca-punca keracunan makanan khususnya di kalangan murid-murid sekolah yang sudah menjadi leluasa di seluruh Negara kita dan senaraikan punca-punca keracunan tersebut serta langkah-langkah untuk mencegahnya.

Dato' K. Pathmanaban:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah mengambil

tindakan-tindakan berikut untuk mengenalpasti punca-punca keracunan makanan,

- (i) Menanyakan kepada mereka yang terlibat akan jenis makanan-makanan yang disyaki menyebabkan keracunan itu, serta bila dan siapa yang menyediakannya.
 - (ii) Mengambil contoh makanan yang disyaki itu untuk dianalisa oleh makmal bagi mengesan kuman atau bahan toksik yang menyebabkan keracunan.
 - (iii) Mengambil contoh najis, "throat swab/nasal swab" dan sebagainya dari pengendali-pengendali makanan untuk mengesan sama ada mereka adalah pembawa kuman.
- (b) Punca-punca keracunan yang telah dikenalpasti ialah:
- (i) makanan yang telah dicemari oleh bakteria, kulat dan bahan kimia; dan
 - (ii) tumbuhan seperti ubi dan cendawan liar.
- (c) Untuk mencegah berlakunya keracunan makanan, Kementerian Kesihatan sedang mempertingkatkan usaha pelajaran kesihatan, khususnya dalam perkara kebersihan makanan kepada pengusaha-pengusaha makanan, pengendali-pengendali makanan dan kepada orang ramai termasuklah murid-murid sekolah. Dalam usaha-usaha ini Kementerian Kesihatan berkerjasama dengan eratnya dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Penguasa-Penguasa Tempatan dan Persatuan-Persatuan Pengguna. Kementerian Kesihatan

dan Penguasa-Penguasa Tempatan juga sedang mempergiatkan lagi penguatkuasaan undang-undang makanan yang tertentu seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985.

PENJAJA MAKANAN—KAWALAN KEBERSIHAN

47. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar usaha-usaha menguatkuasakan peraturan dan syarat-syarat kesihatan di kalangan penjaja-penjaja makanan tidak dijalankan dengan rapi memandangkan bahawa akhir-akhir ini banyak kejadian keracunan makanan berlaku di seluruh negara. Apakah Kerajaan berura-ura mengetatkan lagi undang-undang mengawal kebersihan penjaja makanan.

Dato' K. Pathmanaban: Adalah tidak benar bahawa usaha-usaha tidak dijalankan dengan rapi dalam menguatkuasakan peraturan dan syarat-syarat kesihatan di kalangan penjaja-penjaja makanan. Pihak Penguasa-Penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan giat mengawasi dan menguatkuasakan peraturan dan syarat-syarat kesihatan yang sedia ada, termasuk kebersihan makanan, pengendalian makanan dan premis-premis pembuatan dan penjualan makanan, di kawasan tanggungjawab masing-masing. Pada tahun 1988 sahaja sebanyak 29,546 pemeriksaan premis makanan telah dilakukan bagi tujuan ini.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa memberikan pendidikan mengenai kebersihan makanan kepada masyarakat, khususnya kepada pengusaha dan pengendali-pengendali makanan.

Walau bagaimanapun, dengan bertambahnya bilangan pengusaha dan pengendali makanan

yang berlipat-ganda, usaha-usaha kawalan seratus peratus tidak dapat dibuat setiap masa. Kerjasama pihak pengusaha makanan untuk menentukan makanan disediakan dalam keadaan memuaskan, dan pihak pelanggan untuk meneliti dan seterusnya menolak makanan yang tidak bersih juga sangat diperlukan. Saya ingin menitikberatkan di sini peranan penting seseorang pelanggan dalam menentukan ianya mendapat makanan yang bersih. Kebersihan makanan ialah perkara asas dalam menentukan tahap kesihatan seseorang dan harus menjadi tanggungjawab semua pihak. Kementerian Kesihatan serta pihak Penguasa Tempatan akan terus memainkan peranannya dan menolong dari segi menguatkuasakan peraturan dan syarat-syarat kesihatan yang ada, yang melibatkan kebersihan pembuat dan penjaja makanan.

KUASA KEHAKIMAN

48. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedia memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa kehakiman akan diberi kebebasan tradisionalnya tanpa campur tangan pihak-pihak eksekutif.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Pihak Kehakiman adalah sentiasa bebas di sisi Perlembagaan dan Undang-undang Negara. Oleh itu soalan sama ada jaminan tentang pemberian kebebasan tradisional kepada pihak kehakiman tidak timbul. Sebaliknya soalan itu adalah sangat jahat dan bermaksud hendak mengelirukan orang ramai.

JALAN SIMPANG BATU LINTANG-SARIKEI— MENGETARKAN

49. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (i) mengapa projek untuk membina dan mengetarkan

jalan raya dari Simpang Batu Lintang ke Sarikei di negeri Sarawak telah dipanggil tender tiga kali tetapi masih belum dilaksanakan; dan

- (ii) bilakah projek tersebut akan siap dilaksanakan sebahagian projek sistem jalan raya utama negeri Sarawak—tanpa kelewatan lagi.

Dato' S. Samy Vellu:

- (i) Tawaran tender kerja-kerja membina dan mengetarkan jalan-jalan dari Simpang Batu Lintang ke Sarikei belum dapat dilaksanakan kerana tawaran tender projek ini telah terpaksa dibuat kali yang ke 3. Bagi 2 tawaran tender yang pertama yang telah dibuat dahulu, Kerajaan mendapati harga yang ditawarkan oleh kontraktor tidak dapat disetujui terima oleh Kerajaan. Tawaran tender yang ketiga telahpun dipanggil pada bulan November 1988 dan telahpun ditutup pada bulan Disember 1988 yang lalu, dan sekarang ini masih di dalam pertimbangan Lembaga tender.
- (ii) sekiranya tawaran tender projek yang baru ini diberikan kepada kontraktor yang berjaya pada pertengahan tahun 1989 ini, kerja-kerja pembinaan projek boleh dimulakan dengan segera dan dijangka dapat disiapkan keseluruhannya pada pertengahan tahun 1991 yang akan datang ini.

HONG KONG BANK—SPEKULASI MATAWANG RINGGIT

50. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil ke atas Hong Kong

Bank kerana membuat atau menjalankan spekulasi terhadap matawang ringgit;

- (b) sama ada Bank-bank yang lain terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang sama, namakan mereka dan tindakan yang diambil terhadap mereka;
- (c) jumlah yang terlibat dalam spekulasi tersebut oleh Hong Kong Bank dan bank-bank yang lain; dan
- (d) sama ada spekulasi tersebut merupakan sebab kemerosotan nilai ringgit.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Jawapan untuk bahagian (a), (b), dan (c) kepada soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka tidak dapat saya berikan kerana pendedahan maklumat berkaitan dengan urusan Bank Negara dengan institusi-institusi kewangan lain adalah dilarang oleh Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa kegiatan spekulasi ke atas matawang ringgit adalah diawasi dengan rapi oleh Bank Negara Malaysia dan pihak-pihak yang terlibat akan menghadapi tindakan sewajarnya.

Mengenai soalan (d), jawabnya tidak.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURANMESYUARAT 18

3.37ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Speaker, mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1), pagi ini saya sudah kemukakan satu usul untuk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Dr Chen Man Hin: Ya, saya menjelaskan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat telah menerima surat.

Dr Chen Man Hin: Saya terima, saya sudah baca tetapi saya akan beri satu penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa Yang Berhormat tidak boleh, sebab satu ruling telah dibuat oleh Tuan Speaker.

Dr Chen Man Hin: Tetapi beri kepada rakyat, Ahli-ahli di sini dengar apa saya sudah tuntutan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat akan menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat dalam surat Yang Berhormat, perkara itu telah diselesaikan dengan satu keputusan oleh Tuan Speaker dan keputusan itu mengikut

Dr Chen Man Hin: Tetapi, saya rasa, Tuan Speaker langsung tidak ada sebut merit atau demerit berkenaan kes-kes yang ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, walau bagaimanapun Yang Berhormat sedar, sebab Yang Berhormat ada pengalaman lama dalam Dewan ini. Yang Berhormat, duduk sekejap! Saya rasa Yang Berhormat mesti sedar akan Peraturan Mesyuarat 43 yang mengatakan keputusan Pengerusi atau Tuan Speaker adalah muktamad yang tidak boleh dipersoalkan dalam Dewan ini kecuali dengan satu "substantive motion". Dan kalau Yang Berhormat hendak menyoalkan keputusan itu, saya jemput Yang Berhormat menyediakan satu "substantive motion" dan mencabarkan ruling itu. Saya minta maaf Yang Berhormat, saya tidak boleh dibenarkan Yang Berhormat.

Dr Chen Man Hin: Langsung tak adil!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat itu terpulang kepada Yang Berhormat

Dr Chen Man Hin: Langsung tak ada sebut merit atau demerit kes itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tetapi, saya rasa kita tidak boleh bincang itu.

Tuan P. Patto: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Point of Order. Keputusan itu adalah dibuat di bawah 36 (2) dan 36 (2) berbunyi, dengan izin:

"(2) Reference shall not be made to any matter which is *sub judice* in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice the interests of parties thereto."

Jadi saya harap, Tuan Speaker boleh menerangkan bagaimanakah ia boleh memperjudicekan opinion ataupun interests mana-mana pihak yang disebut dalam surat itu kelima-lima kes yang setahu saya kes Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang adalah dalam mahkamah dan beliau sudahpun menimbang untuk menarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat, saya boleh buat satu penjelasan. Yang Berhormat, apabila surat telah diterima daripada Yang Berhormat dari Seremban, surat itu telah dibaca dengan teliti oleh Tuan Speaker dan dia telah meneliti kandungan-kandungan, ' butir-butir dan juga hujah-hujah dalam surat itu.

Selepas itu dalam pertimbangan Tuan Speaker, dia rasa kalau perkara-perkara yang disebutkan di dalam surat itu dibahaskan dalam Dewan ini kemungkinan besar kepentingan pihak

yang berbicara dalam kes itu akan dirosakkan. Itulah asasnya, sebab itu dia buat satu keputusan dan keputusan itu muktamad dan saya rasa sudahlah, saya sudah menjelaskan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker sendiri menjadi ketua delegasi Parlimen Malaysia ke IPU dan resolusi yang akan dibaca oleh rakan saya daripada Seremban adalah resolusi yang diluluskan oleh IPU.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan. Saya minta Yang Berhormat jangan sentuh perkara itu.

Tuan P. Patto: Saya rayu supaya Yang Berhormat Tuan Speaker boleh benarkan ia aca dan selepas itu kita bahas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh Yang Berhormat, kita telah buat satu keputusan. Saya minta Yang Berhormat, menghormati keputusan yang telah dibuat. Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju ataupun Yang Berhormat hendak mencabar keputusan itu, ada peraturan mesyuarat yang membolehkan Yang Berhormat membuat itu, cara lain bukan cara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988)" dan "Anggaran Pembangunan

(Tambahan) (Bil. 3) 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kedua)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sila sambung. Sila, Yang Berhormat.

Maksud B.30 (Jadual)—

3,42ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, kelmarin semasa saya diminta duduk apabila cukup masanya, wakil dari Arau telah membangkitkan mengapakah perlu tanah dijadikan sebagai cagaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Arau, pada masa ini cagaran tanah adalah menjadi syarat untuk mendapatkan pinjaman di bawah skim ini. Bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini adalah di dalam perhatian dan akan dirujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan penyebaran di peringkat negeri, skim ini iaitu skim pinjaman untuk perumahan bagi pendapatan orang-orang miskin ataupun yang berpendapatan rendah di peringkat negeri ia dimaklumkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan tiap-tiap negeri yang akan memaklumkan kepada Pegawai-pegawai Daerah. Di peringkat Daerah pula perkara ini dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung/Daerah yang berkenaan, di mana penghulu-penghulu menjadi salah seorang ahlinya. Penghulu-penghulu pula akan menyebarkan kemudahan tersebut kepada anak-anak buahnya. Selain daripada itu taklimat dan risalah juga

telah diberi di tiap-tiap negeri bila skim ini dilancarkan.

Bagi penyebaran di Kampung-kampung Baru pula, Pegawai Daerah akan menyalurkan maklumat-maklumat tersebut menerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung atau Kampung-kampung baru di daerah masing-masing. Dari segi pendapatan untuk melayakkan seseorang itu mendapat pinjaman di bawah skim ini, pendapatan suami-isteri mestilah kurang daripada \$700 sebulan. Syarat-syarat lain telah pun saya beritahu kelmarin. Walau bagaimanapun, sebagai tambahan daripada syarat-syarat tersebut, ingin saya nyatakan di sini bahawa tanah untuk tapak yang akan dicagarkan mestilah kepunyaan ataupun atas nama pemohon ataupun isteri pemohon sendiri ataupun atas nama ibu bapa kandung pemohon ataupun ibu bapa kandung isteri pemohon sendiri.

Tanah hakmilik bersama boleh juga dikenakan sebagai cagarar tetapi penama-penama yang lain mestilah memberi akuan berkanun ataupun, statutory declaration. Tanah untuk dicagarkan juga boleh menggunakan tanah orang lain ataupun milik sesiapa sahaja asalkan pemilik tersebut memberi kebenaran secara bertulis sekiranya pemohon-pemohon tidak mahu mencagarkan tanah sendiri. Tanah pajakan negeri juga boleh dikenakan, tetapi tempoh bayaran balik mestilah tidak melebihi tempoh pajakan tersebut. Seperti yang saya maklumkan kelmarin, jumlah maksima pinjaman tersebut ialah \$7,500—faedahnya ialah 5.5% setahun dan tempoh bayaran balik adalah antara 5 tahun hingga 25 tahun mengikut umur pemohon. Skim ini dikendalikan oleh Bahagian Skim Pinjaman Perumahan Golongan Berpendapatan Rendah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$10,000,000 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10,000,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Perusahaan Awam hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988.

Maksud B.34 (Jadual)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang sejumlah \$25,330,000 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$25,330,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.36 dan B.42 (Jadual)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah Maksud B.36 dan B.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

3.52ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil sedikit bahagian dalam Maksud B.42 Jabatan Percetakan Negara, Butiran 010000—Percetakan.

Tambahan yang diperuntukkan sebanyak \$4,113,600 adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran emolumen pembelian kertas-kertas keselamatan bagi percetakan kertas pemeriksaan dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, Jabatan Percetakan Negara ini sebagaimana yang telah diumumkan mungkin akan diwastakan. Apa yang diketahui pada masa ini Perkhidmatan Percetakan Keselamatan adalah di dalam proses penswastan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan dijangka bahagian yang lain dan pejabat-pejabat cawangannya lambat-laun akan diwastakan selaras dengan dasar Kerajaan untuk memberi seluas kebebasan kepada agensi berkenaan beroperasi tanpa sekatan agar ia dapat meningkatkan lagi prestasi kepada satu tahap yang boleh membawa keuntungan kepada organisasi tersebut pada masa yang akan datang. Walaupun dalam kegiatan kita untuk melaksanakan penswastan sesuatu agensi, kita tidak boleh sama sekali mengorbankan keselamatan dan kepentingan negara walaupun kita terpaksa memikul beban kewangan.

Tuan Pengerusi, selama ini Jabatan Percetakan Negara telah membenarkan perkhidmatan percetakan kepada negara khususnya kepada Parlimen dengan cemerlangnya. Kita belum lagi mendengar adanya kebocoran maklumat sulit atau rahsia berlaku di dalam Jabatan tersebut, lebih-lebih lagi sewaktu menjelang persidangan Belanjawan Parlimen. Kita ucapkan terima kasih dan syabas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Percetakan Negara.

Yang menjadi soal sekarang, jika sekiranya keseluruhan Jabatan itu diwastakan, siapakah yang akan bertanggungjawab berkenaan dengan bahan-bahan percetakan Kerajaan khususnya untuk Parlimen yang perlu disulitkan, dirahsia atau diembargo untuk sesuatu ketika sebelum Parlimen membahas dan meluluskan sesuatu undang-undang dan lain-lain. Saya khuatir jika dokumen-dokumen ini dicetak oleh pihak swasta, kemungkinan berlakunya kebocoran maklumat rahsia, sulit dan terhad adalah membimbangkan walaupun di kalangan swasta ada pencetak-pencetak keselamatan tetapi kawalan keselamatan tidaklah begitu rapi dan terjamin seperti di Jabatan Percetakan Negara.

Sepertimana yang kita sedia maklum, kebanyakan negara seperti United Kingdom, Australia dan New Zealand serta Kanada, Parlimen mempunyai Bahagian Percetakan mereka sendiri dan kemudahan perkhidmatan percetakan dapat dinikmati dan digunakan oleh Ahli sendiri selain daripada kemudahan khusus untuk pentadbiran Parlimen. Saya difahamkan di Jabatan Percetakan Negara sekarang ini mempunyai Bahagian Percetakan Undang-undang dan Parlimen dan Bahagian ini pada waktu ini adalah dalam proses pembesaran dan ubahsuam dan akan diperlengkapkan dengan alat kelengkapan moden unit

komputer. Apakah akan jadi dengan bahagian ini jika Jabatan Percetakan Negara diswastakan keseluruhannya.

Di sini suka saya mencadangkan jika sekiranya bahagian ini dapat dipisahkan dari lain-lain Bahagian sekarang juga, Parlimen hendaklah mengambilalih bahagian Percetakan Undang-undang dan Parlimen ini dan bertanggungjawab sepenuhnya di atas pentadbiran dan pengurusan bahagian ini. Dengan lain perkataan, Bahagian Percetakan Undang-undang dan Parlimen ini menjadi sebahagian daripada Jabatan Parlimen. Sesungguhnya masih beroperasi di tempatnya sekarang, mungkin satu hari Jabatan Parlimen dapat mengadakan bengkel percetakan sendiri dalam kawasan Parlimen ini. Ini adalah lebih baik dan memang wajar. Jika peralihan milik kuasa ini tidak dapat dijalankan sekarang, saya syorkan pula, apabila Jabatan Percetakan hendak melaksanakan proses penswastaaan organisasinya, ia hendaklah mengasingkan Bahagian Percetakan Undang-undang dan Parlimen ini agar tidak terlibat di dalam proses penswastaaan itu. Sebaliknya Bahagian Percetakan Undang-undang dan Parlimen ini hendaklah diserahkan kepada Jabatan Parlimen bagi mentadbir dan menguruskannya.

Dalam tahun 1987, syor ini telah dibangkitkan, cuma pihak Jabatan Parlimen dan Jabatan Percetakan Negara membincangkan balik perkara ini untuk meningkatkan perkhidmatan bidang "type-setting" bagi kerja mencetak Hansard untuk Parlimen ini. Sehingga sekarang ini tidak kedengaran sama ada ia akan dilaksanakan. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan memberi perhatian yang serius atas cadangan saya ini dan pelaksanaan seberapa segera yang boleh.

Oleh itu, itu sahajalah pandangan saya, Tuan Pengerusi, berhubung

dengan Maksud B.42 ini mengenai Jabatan Percetakan Negara yang mana saya ingat ini amat perlu kerana rahsia-rahsia Kerajaan patut kita rahsiakan. Kalau diswastakan nanti, mungkin sebelum Parlimen bersidang, ramai orang-orang luar lebih awal lagi sudah tahu hal-hal keadaan yang akan berlaku di Parlimen ini. Sekian, terima kasih.

5.55 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Pengerusi, saya mohon menjawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang telah memberi pandangan dan teguran bagi Maksud B.42 Kementerian Dalam Negeri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tambahan peruntukan sebanyak \$4,113,600 adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran emolumen pembelian kertas-kertas keselamatan bagi percetakan kertas peperiksaan, "Road Tax Disk", baucar-baucar, resit dan sebagainya; bayaran sewaan bangunan dan mesin-mesin kepunyaan FIMA Metal Box Bhd memandangkan penswastaaan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bahawa penswastaaan bagi cawangan Percetakan Keselamatan masih belum dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, Jabatan Percetakan Negara "terpaksa menjalankan kerja-kerja pencetakan keselamatan supaya keperluan agensi-agensi yang terlibat tidak terjejas.

Menyentuh soal Bahagian Pencetakan yang hendak diletak di bawah Parlimen, Kerajaan akan ambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$14,580,000 untuk Maksud B.36 dan \$4,113,600 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah di-setujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$14,580,000 untuk Maksud B.36 dan \$4,113,600 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.49 (Jadual)—

Maksud P.49 dan P.50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.49, P.49 dan P.50 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.—(Tiada perbahasan)

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,213,600 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,213,600 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.49 dan \$7,000,000 dalam Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.49 dan \$7,000,000 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian

daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988.

Maksud B.51 (Jadual)—

Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.51 dan P.51 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat dari Kepong.

4.04 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong); Tuan Pengerusi, tambahan peruntukan sebanyak \$2 juta pada anggaran harga \$882,800 diberi kepada Kementerian di bawah Butiran 010000 Khidmat Bantuan bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan.

Menurut penjelasan yang diberi wang ini dikehendaki untuk membiayai kerja pembersihan di kawasan Tasik Kenyir untuk dijadikan sebagai Pusat Pelancongan. Tasik Kenyir merupakan sebuah tasik buatan manusia yang telah menenggelamkan hampir 40,000 hektar khazanah hutan rimba simpanan dan alam semula jadi negeri Terengganu.

Empangan Kenyir juga menelan belanja sejumlah \$7,000,000 akan tetapi bagi rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu dan pencinta-pencinta alam ianya melambangkan kehilangan kayu balak yang bernilai, kemungkinannya kehilangan lain sumber semula jadi, contohnya galian, terpususnya sesetengah kehidupan liar dan tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan ubat. Semasa pembinaan Empangan Kenyir, monyet, jenis-jenis ungka, kera, cenakah, lotong yang paling banyak mati sebab mereka lebih rela mati daripada meninggalkan habitat mereka.

Apabila loji penjana elektrik yang kedua Stesen Paka mula beroperasi

terdapat dakwaan-dakwaan bahawa Sungai Terengganu dicemari oleh hidrogen sulphate.

Tuan Pengerusi, perkara ini, masalah ini adalah serius dan saya tidak pernah dengar perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang yang sentiasa membangkitkan perkara-perkara yang lain tetapi perkara seperti ini dan seperti CCB dan seperti KPJ pun tidak pernah disuarakan oleh pihak Yang Berhormat dari Marang. Seperti KPJ yang mempunyai 20,000 ahli dan projek perumahan yang lebih daripada 20 yang sekarang ini dapat aduan-aduan yang banyak dan laporan polis yang banyak mengenai KPJ.

Tuan Pengerusi, apa yang rakyat Terengganu terutamanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil tidak dapat daripada 2 loji janakuasa elektrik dan bersama-sama menjana 1,300 megawatt bekalan elektrik ialah bekalan elektrik. Sungutan penduduk malah Kerajaan Negeri terhadap perkara ini masih kedengaran pada akhir tahun 1987. Sekarang Kerajaan pula perlu melabur lebih daripada \$2 juta untuk membersihkan kawasan Tasik Kenyir menjadi Pusat Pelancongan. Berapa banyak wangkah yang akan diperlukan untuk menggantikan keindahan alam sekitar serta kehidupan liar, selepas membinasakan sebahagian daripada alam sekitar dengan pembinaan sebuah empangan, kini berusaha pula untuk memperolehi sedikit-sebanyak khazanah yang pupus itu kerana Kerajaan sekarang berminat memperkembangkan industri perlancongan. Jelas sekali bahawa Kerajaan gagal meimkir dengan semasak-masaknya semasa merancang pembinaan Empangan Kenyir dan sekarang terpaksa menanggung akibatnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kepong. Perkara yang dibangkitkan membawa kita kepada keperluannya untuk kita mengimbangkan antara matlamat membangunkan ekonomi dan masyarakat di negara kita ini dan juga untuk kita memelihara khazanah negara melalui pemeliharaan alam semulajadi. Maka peruntukan yang diminta untuk diluluskan oleh Dewan ini sebanyak \$2 juta itu adalah merupakan sebagai satu daripada usaha-usaha untuk terus mengimbangkan antara dua matlamat tersebut.

Melalui kajian yang telah dibuat pada masa-masa yang lalu bahawa kawasan yang berkenaan adalah amat sesuai untuk dijadikan sebagai tempat mewujudkan penjana kuasa elektrik melalui sistem hidro kerana sumber-sumber air yang mengalir di situ supaya dapat disalurkan dan ditampung dan seterusnya dihalakan ke arah untuk menjana kuasa elektrik. Dan mengikut keperluan negara kapasiti kuasa yang diperlukan daripada masa ke semasa perlu ditambah dari masa ke semasa. Dan cara penjaan hidro adalah cara yang paling murah dari segi kos operasi yang kita harap kalau sekiranya ditambah daripada sumber ini akan dapat mengurangkan kos penjaan kuasa di negara kita ini dan ini adalah keperluan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara. Oleh yang demikian, walaupun apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa ada pengorbanan yang perlu dibuat terhadap alam sekitar oleh kerana tanah-tanah yang dimaksudkan terpaksa ditenggelami oleh air maka ini adalah salah satu pengorbanan dari segi alam sekitarnya. Dan kita memastikan

bahawa dalam projek-projek yang akan dilaksanakan pada masa-masa yang akan datang maka perlu dikaji sebaik-baiknya tentang kesan dan akibat daripada pembinaan sistem hidro ini. Dan untuk mengambil kira tentang kesudahan daripada pengorbanan alam sekitar ini maka perlu pula kita menggunakan segala kepakaran yang ada pada kita untuk memenuhi keperluan masyarakat dan dengan cara demikian meningkatkan pula kegiatan ekonomi. Maka, Tuan Pengerusi, keperluan dan peruntukan sebanyak \$2 juta ini diperlukan untuk sekurang-kurangnya menjadikan kawasan Kenyir itu sebagai gantian kepada alam semula jadi yang sebelum pembinaan Kenyir Dam ini. Dan kalau kita lihat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya kurang faham mengenai bagaimana kita dapat gantikan yang sebelum ini tidak ada air, sekarang ada air. Bagaimana kita gantikan hal seperti ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya bermula dengan mengatakan perlu mengimbangkan antara keperluan pembangunan masyarakat dan juga ekonomi negara. Kemudian saya mengatakan bahawa kalau mengimbangkan itu dengan menghayati seterusnya alam semulajadi di kawasan yang dimaksudkan. Jadi mengambikiira tentang perlunya mengimbangkan antara dua itu. Maka kita mengoptimalkan apa yang ada pada hari ini dengan cara menggunakan sepenuhnya keindahan yang ada pada hari ini. Jadi, keindahan yang ada pada hari ini juga satu yang boleh dihayati, yang boleh memberi manfaat dan faedah kerana kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada kesempatan untuk melawat ke

kawasan ini ianya memberi satu suasana yang amat menyamankan juga kerana kalau dulu sekadar hutan untuk beratus ekar, sekarang ini sebahagian daripada hutan ini telah dilimpahl oleh air dan \$2 juta ini diperlukan untuk kita mencabut apa juga akar umbi yang ditenggelami supaya kita membersihkan dam tersebut dan boleh digunakan untuk riadah dan juga untuk masyarakat umum dapat menikmati keindahan di sekitar dam tersebut. Jadi ini maksud saya untuk apa yang saya katakan mengoptimalkan apa yang boleh diwarisi oleh masyarakat daripada proses pembangunan melalui pembinaan dam tersebut. Walaupun begitu, Tuan Pengerusi, saya mengambil perhatian berat apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong untuk projek-projek akan datang supaya pengorbanan alam sekitar diminimalkan untuk menambah capacity penjaan elektrik melalui sistem haidro. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,000,000 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,000,000 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$21,400,000 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$21,400,000 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi

sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988.

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.54 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$150,000,020 yang disebutkan dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$150,000,020 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988.

Maksud P.56 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.56 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P.56 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1988.

Tuan Pengerusi: Pasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$284, 855,780 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$284,855,780 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-perojek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988) telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan

iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$284,855,780 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan (bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung) sejumlah \$284,855,780 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Printah 2 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas nyata tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$284,855,780 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$284,855,780 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas nyata tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesatuan Sekerja 1959 telah dipinda beberapa kali dan pindaan terakhir telah dibuat pada tahun 1988. Selepas pindaan ini dibuat adalah didapati bahawa amalan Kerajaan berkaitan dengan pendaftaran kesatuan sekerja yang diamalkan sejak tahun 1946 lagi masih dipersoalkan oleh kesatuan-kesatuan sekerja. Mereka ini berpendapat bahawa sesebuah kesatuan sekerja yang menghadkan keahlian kepada pekerja-pekerja di sesuatu tempat pekerjaan tidak boleh didaftarkan selagi wujudnya sebuah kesatuan bercorak kebangsaan yang layak mewakili pekerja-pekerja itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan membenarkan pendaftaran kesatuan sekerja berdasarkan atas sokongan pekerja-pekerja dengan syarat kepentingan negara pada keseluruhannya tidak terjejas. Di dalam suasana ini, pergerakan kesatuan sekerja di negara ini telah berkembang dengan pesat. Pada masa sekarang terdapat 616,636 orang pekerja yang menjadi ahli di dalam 392 buah Kesatuan Sekerja Pecahan bilangan Kesatuan dan keahliannya adalah seperti berikut, iaitu:

Kesatuan Sekerja	Keahlian	Sektor
185	318,044 orang	Swasta
126	195,176 orang	Perkhidmatan Kerajaan
81	103,406 orang	Badan-badan Berkanun

Angka-angka tersebut termasuklah 244 buah kesatuan sekerja yang menghadkan keahlian mereka kepada satu tempat pekerjaan. Kesatuan-kesatuan seperti ini biasanya digelar sebagai kesatuan sekerja dalaman atau "in-house union". Pecahan bilangan kesatuan-kesatuan sekerja seperti ini dan keahliannya adalah seperti berikut iaitu 88 buah kesatuan dengan keahlian seramai 59,402 orang bagi sektor swasta; 59 buah kesatuan dengan keahlian seramai 62,889 orang bagi sektor perkhidmatan Kerajaan; dan 77 buah kesatuan dengan keahlian

seramai 81,935 orang bagi sektor badan-badan berkanun.

Kerajaan pada masa ini menggalakan penubuhan dan pendaftaran kesatuan-kesatuan sekerja dalaman. Galakan tidak bererti paksaan dan seperti lain-lain golongan rakyat para pekerjaan adalah biasa untuk menubuhkan atau menyertai sebuah kesatuan sekerja yang mereka pilih selaras dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia yang menjamin kebebasan berkesatuan selagi kepentingan pekerja-pekerja secara umum dan ekonomi negara pada keseluruhannya tidak terjejas. Di dalam konteks ini, keinginan pekerja di sebuah syarikat yang bercadang hendak menyertai kesatuan sekerja dalaman atau sebaliknya menyertai kesatuan sekerja kebangsaan berkenaan haruslah dihormati. Untuk menentukan supaya permohonan bagi pendaftaran sebuah kesatuan sekerja dalaman dapat diluluskan dengan sah dan teratur maka pindaan kepada Akta ini adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya bercadang untuk menghuraikan fasal-fasal Rang Undang-undang ini bagi meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Fasal 2 adalah bertujuan untuk mengadakan takrif baru bagi tujuan takrif "trade union" di dalam seksyen 2 (1). Takrif baru yang dicadangkan adalah seperti berikut:

"establishment" means any place of business or employment belonging to an employer and includes any division or branch thereof;"

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan adalah pindaan-pindaan yang kecil dan semata-mata merupakan pindaan-pindaan berbangkit,

Pindaan ini perlu dilakukan supaya kuasa Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja untuk mendaftar kesatuan

sekerja dalaman adalah jelas dan tidak lagi dipersoalkan dari segi undang-undang. Pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan kesatuan-kesatuan sekerja kebangsaan yang sedia wujud pada masa sekarang atau yang wujud pada masa akan datang. Dengan pindaan ini, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja akan terus menimbang dan mendaftarkan kesatuan-kesatuan mengikut trade, pekerjaan, industri atau establishment selepas memastikan agar segala kehendak Akta Kesatuan Sekerja 1959 dipatuhi dan kepentingan pekerja-pekerja serta negara terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan bahawa perkara ini telah dibincang dan dirundingkan banyak kali di dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Teknik Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan dilogue dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan lain-lain perbincangkan tripartite sejak tahun 1986 lagi. Kali terakhir perkara ini dibincangkan di peringkat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan ialah pada 28hb Julai, 1988. Walau bagaimanapun, seperti yang diketahui umum, MTUC tidak bersetuju dengan pindaan ini. Pandangan MTUC telah diambil kira oleh Jemaah Menteri dan pada tahun lepas Jemaah Menteri semasa menimbang-kaji kajian menyeluruh kepada Undang-undang Buruh telahpun mengambil keputusan untuk mengemukakan pindaan ini. Walaupun begitu ia tidak dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada sesi yang lepas kerana pada waktu itu satu kes mengenai perkara ini adalah masih di dalam pertimbangan Mahkamah Agung. Keputusan Mahkamah Agung yang dibuat baru-baru ini membuktikan bahawa kuasa Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja untuk mendaftar kesatuan-kesatuan sekerja dalaman

adalah tidak begitu jelas. Oleh yang demikian pindaan yang dicadangkan kali ini adalah perlu untuk menjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja untuk mendaftarkan kesatuan sekerja yang menghadkan keahliannya kepada satu-satu tempat pekerjaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kcrajaan buat masa ini tidak ada cadangan untuk melemahkan pergerakan kesatuan sekerja mahupun menyekat kegiatan-kegiatan sah kesatuan-kesatuan sekerja yang lain dan pindaan kali ini tidak akan menyekat hak-hak kesatuan sekerja sama ada kesatuan kebangsaan mahupun kesatuan dalaman,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.27 ptg,

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di atas perbincangan Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959, sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh.

Akta ini pada amnya memperlihatkan satu pindaan yang agak simple tetapi mempunyai implikasi dan kesan yang mendalam terhadap pergerakan buruh di negara kita. Apabila disebut soal kesan dan implikasi yang

mendalam terhadap pergerakan buruh di negara kita ianya dapat dibuktikan bahawa Akta ini terpaksa ditanggihkan untuk dibawa ke Dewan yang mulia ini pada sesi yang lepas dan urutan daripada polimik-polimik yang kita membaca dalam akhbar-akhbar bersabit dengan tentangan MTUC terhadap pindaan ini. Pihak MTUC cuba memboikot Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan akhirnya dua hari yang lalu sudah bersetuju supaya Akta ini dibentang dalam Dewan yang mulia ini, sesudah ada perjanjian dan persetujuan bersama.

Satu perkara yang harus diberi perhatian terhadap pindaan ini ialah pihak pergerakan buruh yang diwakili oleh MTUC secara tidak langsung bersetuju bahawa Akta ini dibawa ke Dewan yang mulia ini pada hari ini. Dan persetujuan ini haruslah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan di atas sikap tanggungjawab dan kesediaan bertolak ansur pihak kesatuan sekerja dalam memainkan peranan mereka dalam negara ini.

Ini bererti, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin menegaskan bahawa sikap ini melambangkan bahawa kesatuan sekerja dalam negara kita ini adalah merupakan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab. Walaupun sebelum ini ada kecaman-kecaman kepada pertubuhan-pertubuhan seperti ini, manakala kita lihat dalam keadaan-keadaan yang sebegitu genting, mereka masih lagi mampu menunjukkan sikap kerjasama, bertanggungjawab terhadap apa yang tidak dipersetujui seperti cadangan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 ini.

Perkara yang besar dalam pindaan ini ialah terhadap penubuhan kesatuan sekerja dalaman. Kuasa yang akan diberi kepada Ketua Pengarah untuk mendaftarkan kesatuan-kesatuan dalaman, tetapi apa yang dimaksudkan dalam hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa pihak pekerja mempunyai

kebebasan dalam menentukan pertubuhan mana yang mereka ingin sertai, pertubuhan kebangsaan ataupun kesatuan sekerja dalaman.

Apa yang ingin saya tarik perhatian ialah bahawa Kerajaan dalam melaksanakan pindaan itu sesudah kesatuan sekerja dalaman dibenarkan untuk didaftarkan supaya jangan sekali-sekali diamalkan sikap pecah dan perintah di kalangan kesatuan buruh. Kita bimbang pecah dan perintah ini yang akan mendapat untung nanti ialah pihak gergasi besar, terutama dalam sektor swasta yang akan mengaup keuntungan dan memerah tenaga buruh di dalam negara ini.

Sebenarnya, kita harus sedar bahawa pembelaan terhadap masa depan kaum buruh adalah bergantung kepada pergerakan kesatuan sekerja. Tanpa keberkesanan kesatuan sekerja maka nasib kaum buruh di dalam tanahair kita akan terbiar begitu sahaja. Sebab itulah pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong kuat peranan kesatuan sekerja dalam sistem ekonomi *laissez faire* negara kita ini yang mengamalkan dasar ekonomi kapitalis. Tanpa pembelaan yang kuat terhadap tenaga buruh sudah tentu mereka ini akan diperah tenaganya, manakala negara kita ini sudahpun mempunyai banyak kelonggaran kepada syarikat-syarikat besar, pelabur-pelabur asing untuk meraih keuntungan dan sudah banyak konsesi-konsesi yang diberikan yang menyebabkan mereka mengaup keuntungan seperti yang saya katakan tadi lebih daripada apa yang sepatutnya. Tetapi nasib kaum pekerja masih terbiar begitu sahaja, dari segi kebajikan, dari segi tanggaji, dari segi kemudahan-kemudahan lain. Tidak ada siapa yang dapat membela, suara mereka tidak akan didengar kalau pergerakan kesatuan buruh tidak diberi peranan dengan berkesan.

Saya percaya inilah juga tujuan dan matlamat Kerajaan, tetapi apa pun kita buat, tanpa pengawasan yang tegas dan teliti, maka sudah barang tentu apa yang kita bimbangkan ialah apa yang dipinda ini akan mewujudkan lagi satu suasana pecah dan perintah di kalangan pergerakan kaum buruh dalam negara kita ini. Inilah perkara yang saya ingin register, dengan izin, Tuan Pengerusi, di atas kebimbangan terhadap pindaan Akta Kesatuan Sekerja ini.

Kerajaan boleh memberikan jaminan demi jaminan, apa yang hendak dibuat itu sudah barang tentu kononnya akan dipastikan tidak akan berlaku pilih kasih, tidak akan berlaku penindasan atau tekanan tetapi pada amalannya nanti tanpa pengawasan, tanpa penelitian yang tegas, maka berlakulah pecah dan perintah. Bila berlaku pecah dan perintah, maka lemahlah pergerakan kaum buruh, apabila lemah pergerakan kaum buruh, maka tidak terbelalah kaum pekerja.

Saya percaya inilah yang menyebabkan pihak kesatuan sekerja pada menentang pindaan ini dan saya percaya sikap mereka masih dalam keadaan apa yang saya sebutkan tadi, walaupun sudah ada sedikit sebanyak persetujuan dan kata sepakat seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tetapi di dalam pada itu di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin turut menyatakan kebimbangan dan ingin meminta penegasan dan jaminan daripada Kementerian Buruh supaya jangan menggunakan pindaan ini untuk memecah-belahkan pergerakan kesatuan sekerja dalam negara kita.

Kesatuan sekerja dalam negara kita ini telah menunjukkan peranan dan tanggungjawab yang agak berkesan. Walaupun ada sekali-sekala yang kita dapati tindakan-tindakan mereka tidak menyenangkan oleh pihak pemerintah tetapi cuba kita

bandingkan dengan pergerakan kaum buruh di lain-lain negara, di lain-lain tempat yang kita lihat kebangkitan mereka memang boleh menggugat kestabilan politik negara dan kita juga tidak bersetuju kalau pergerakan buruh menuju ke arah itu. Tetapi kita yakin bahawa kesatuan sekerja yang berkesan boleh membantu, membela nasib kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit-sebanyak pandangan saya terhadap pindaan ini bersabit dengan cadangan untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membahaskan Rang Undang-undang pindaan yang dinamakan Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989 yang telah dibentangkan sekejap tadi oleh Timbalan Menteri Buruh. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan pandangan saya dan juga bagi pihak Parti DAP mengenai perkara yang dibahaskan pada hari ini.

Tuan Pengerusi, kami memandang berat tentang Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989 dan kebimbangan kami berasaskan kepada hakikat bahawa sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab mewujudkan keharmonian perindustrian, ia tidak sepatutnya mencuba memperkenalkan undang-undang secara piecemeal ataupun sedikit demi sedikit sebagaimana yang terjadi kepada Rang Undang-undang (Pindaan) yang dicadangkan pada hari ini yang pada anggapan saya akan menjejaskan lagi perhubungan antara para majikan dan pekerja-pekerja dan boleh menimbulkan pertikaian antara kesatuan-kesatuan sekerja kebangsaan (national union) dengan kesatuan-kesatuan sekerja dalaman (in-house

union) dan akibatnya akan menimbulkan keresahan perindustrian.

Apabila diteliti Rang Undang-undang (Pindaan) yang akan dicadangkan ini, saya tidak ragu-ragu menyatakan bahawa dalam membentangkan Rang Undang-undang ini, Kerjaan adalah bertentangan dengan janjinya ataupun jaminannya untuk mewujudkan sebuah kesatuan sahaja dalam sektor industri oleh kerana Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989 ini bertujuan membenarkan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mendaftarkan kesatuan-kesatuan sekerja dalaman ataupun in-house union dalam sektor industri yang mana memang sudah terdapat sebuah kesatuan kebangsaan.

Adalah perlu dijelaskan bahawa kewujudan dua buah kesatuan sekerja yang mewakili kategori pekerja yang sama akan hanya mewujudkan salah faham dan menimbulkan lebih banyak masalah perhubungan perindustrian antara pekerja-pekerja dan para majikan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dilaporkan baru-baru ini bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh telah menjelaskan kepada pegawai-pegawai MTUC dan Cuepacs bahawa Kerajaan tidak akan membenarkan penubuhan sebuah kesatuan dalaman dalam sebuah industri ataupun perdagangan tertentu yang telah pun mempunyai sebuah kesatuan. Beliau memberitahu pegawai-pegawai kedua-dua badan iaitu MTUC dan CUEPACS bahawa garis panduan-garis panduan mengenai perkara ini akan dibentangkan di sidang mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) yang akan datang.

Pada pandangan saya ini adalah tidak memuaskan. Apa yang Kerajaan patut buat ialah menanggukhkan dulu pembentangan Rang Undang-undang ini untuk dibaca kali yang kedua sehingga kesemua masalah-masalah

berkaitan penubuhan kesatuan-kesatuan dalaman diselesaikan sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen. Keputusan untuk meneruskan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini sebelum Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan menyiapkan hujah dan pandangan mereka akan hanya membangkitkan persoalan berkaitan dengan integriti Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan. Dalam apa-apa keadaan, adalah menjadi pandangan saya bahawa penjelasan yang diberikan ataupun jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri adalah jelas bertentangan dengan pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini yang jelas bertujuan membenarkan Kerajaan mendaftarkan sebuah kesatuan dalaman dalam sebuah industri yang mana sudah ada sebuah kesatuan kebangsaan ataupun di mana sebuah kesatuan kebangsaan telah pun wujud.

Jadi, sepertimana yang kita sedia maklum tujuan Kerajaan untuk memperkenalkan Rang Undang-undang Pindaan ini ialah untuk membenarkan pendaftaran kesatuan-kesatuan dalaman. Ini adalah jelas bahawa pindaan ini dibentangkan memandangkan keputusan Persatuan Pegawai-pegawai Bank Semenanjung Malaysia untuk apabila mereka telah mengambil satu kes terhadap Kerajaan, terhadap Pendaftar Kesatuan Sekerja dan Yang Berhormat Menteri Buruh dalam Mahkamah Agung yang lalu yang menolak keputusan Pendaftar Kesatuan Sekerja untuk mendaftar Persatuan Pegawai-pegawai Maybank. Sebagai akibat pendaftaran Persatuan Pegawai-pegawai Maybank maka Malayan Banking Berhad telah menarik balik pengiktirafannya kepada Persatuan Pegawai-pegawai Bank.

Persatuan Pegawai-pegawai Bank Semenanjung Malaysia telah merayu

terhadap keputusan Menteri tetapi rayuan itu ditolak. Kemudian Persatuan Pegawai-pegawai Bank telah memohon satu perintah mahkamah ataupun *order of certiorari* untuk menolak keputusan Yang Berhormat Menteri yang menolak rayuan tersebut tetapi itu juga telah ditolak dan kemudiannya Persatuan Pegawai-pegawai Bank telah merayu kepada Mahkamah Agung. Dalam keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agung; saya harap boleh mendapat izin dari Tuan Yang di-Pertua, untuk membacakan teks yang berkenaan. Mahkamah Agung dalam kes itu iaitu kes di antara Pegawai Bank dengan Menteri Buruh ada mengatakan. (Dengan izin):

- (i) "The registration of the association as a trade union was a nullity as the Registrar had failed to take into consideration the interest of the workmen in particular occupation which he was required to under Section 12 (2) of the Trade Union Act, 1959 and he had no power to register the association without considering their interest.
- (ii) The decision of the Minister on appeal in conforming the registration was a nullity because it cannot be said that all matters required by the law to be taken into consideration had in fact been taken into consideration by him."

Itu ialah keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agung dalam kes berkenaan.

Memandangkan kepada keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agung ini maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh yang berkenaan sama ada menjadi tujuan Kerajaan dalam membawa Rang Undang-undang pindaan kepada Akta Kesatuan Sekerja untuk mengesahkan ataupun menghalalkan sesuatu yang tidak sah. Soalan pokok

Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh seharusnya menjawab ialah sama ada dengan membawa Rang Undang-undang ini dan selepas meluluskannya Kerajaan tidak akan bercadang membenarkan penubuhan kesatuan-kesatuan dalaman atau in-house union untuk sesuatu perniagaan atau untuk sesuatu pekerjaan di mana sudah wujudnya sesuatu kesatuan kebangsaan.

Jika sekiranya ini adalah tidak begini, saya boleh menganggap bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan pada hari ini akan menimbulkan sesuatu keadaan di mana splinter union akan timbul dan ini akan mengakibatkan keresahan perindustrian dan pada akhirnya akan menjadi satu ancaman kepada Kesatuan-kesatuan Kebangsaan yang telah wujud di dalam negara kita.

Pada akhirnya, saya ingin menyatakan di sini bahawa yang sebenarnya pada hari ini sudah wujud banyak kesatuan-kesatuan dalaman di dalam negara kita. Misalnya, in-house Union untuk pekerja Genting Berhad, Syarikat Rothmans Berhad dan syarikat-syarikat yang lain. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Buruh sama ada menjadi tujuan Kerajaan apabila membentangkan Rang Undang-undang ini, maka semua in-house union atau kesatuan-kesatuan dalaman yang telah ditubuhkan sehingga hari ini adalah tidak sah ataupun tidak legal, dengan izin, dan akhirnya memerlukan satu pindaan seperti ini untuk menghalalkan in-house unions itu.

Maka dengan pandangan ini saya sekali lagi ingin menyatakan di sini bahawa saya tidak bersetuju dengan pembentangan Rang Undang-undang ini dan saya ingin mengesyorkan di sini bahawa pembentangan Rang Undang-undang ini harus ditangguhkan sehingga.....

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli dari Ampang Jaya bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Ong Tee Keat: Minta jalan boleh?

Tuan Lee Lam Thye: Boleh.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, selepas saya sabar mendengar ucapan Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi, saya dapat satu gambaran bahawa beliau juga sedar tempoh hari Yang Berhormat Menteri Buruh telah pun membuat satu jaminan, satu undertaking, dengan izin, dengan persetujuan daripada pihak MTUC dan juga CUEPACS bahawa kesatuan sekerja dalaman tidak akan ditubuhkan selagi Kesatuan-kesatuan Sekerja Kebangsaan masih memperoleh penyertaan ataupun sokongan majoritt daripada kalangan pekerja. Tetapi apa yang saya rasa hairan ialah rupanya Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak sedar bahawa rakan seperjuangannya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Puchong yang juga memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung MTUC telah pun mempersetujui undertaking, dengan izin, yang tersebut.

Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang bahawa adakah apa yang beliau lafazkan tadi menggambarkan ataupun mencerminkan pendirian DAP ataupun fikiran atau pendapat beliau cuma merupakan pendapat peribadi sebab saya mendapati bahawa terdapat percanggahan yang ketara di antara pendapat beliau jika dibandingkan dengan pendapat Yang Berhormat dari Puchong. Sekian.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya pandangan yang disuarakan oleh saya ialah bagi pihak pekerja-pekerja di negara kita dan pihak DAP. Adalah tidak adil

bagi Yang Berhormat dari Ampang Jaya menyebut nama wakil dari Puchong oleh sebab wakil dari Puchong tidak dapat hadir sidang pada hari ini dan mungkin Yang Berhormat dari Ampang Jaya tidak sedar tentang pendapat ataupun pandangan sebenar wakil dari Puchong mengenai perkara ini. Yang sebenarnya apa yang saya difahamkan ialah Yang Berhormat dari Puchong pada peringkat permulaannya pun telah menentang sekeras-kerasnya tentang pembentangan Rang Undang-undang ini di Parlimen mengenai perkara yang kita bincangkan pada hari ini. Oleh hal yang demikian, saya sekali lagi bagi pihak parti DAP dan juga bagi pihak pekerja yang saya wakili dalam kawasan saya dan juga untuk kawasan-kawasan yang lain, saya masih berpendapat bahawa Kerajaan tidak seharusnya membentangkan Rang Undang-undang ini dan haruslah menangguhkannya sehingga perkara ini dapat dibincangkan oleh Majlis Buruh (NJLAC).....

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ampang Jaya bangun pula.

Tuan Lee Lam Thye: Saya tidak mahu beri jalan oleh sebab saya tidak mahu membazirkan masa, saya telah jawab dan saya telah menyampaikan pendirian saya dengan tegasnya mengenai hal ini dan saya tidak mahu diganggu oleh sesiapa. Maka dengan pandangan ini, saya menentang Rang Undang-undang (Pindaan) ini, Sekian.

4.56 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta yang bernama Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989. Saya sebenarnya telah menyokong Akta yang telah pun dibentangkan kepada Dewan yang mulia pada bulan Disember, 1988 di mana beberapa

pindaan telah pun dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini. Dewan telah pun mengkaji dengan sedalam-dalamnya dan juga telah menyokong dengan sepenuh-penuhnya. Tetapi semasa saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya rasa sedikit kesal oleh kerana di dalam ucapan saya di dalam menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan pada Dewan ini pada bulan Disember, 1988, saya telah menyatakan masih ada beberapa kelemahan yang sedang dirasakan oleh pihak-pihak employers ataupun majikan untuk membenarkan kesatuan-kesatuan in-house di antara kalangan mereka. Pada akhirnya kita dapat satu lagi pindaan telah dibentangkan kepada Dewan yang mulia untuk pada akhirnya membenarkan majikan-majikan untuk membenarkan kesatuan-kesatuan in-house dalam Persidangan ini juga.

Kita dapati baru-baru ini kelemahan telah wujud dengan satu secret understanding ataupun satu per-sefahaman rahsia di antara Menteri Buruh dengan kesatuan-kesatuan untuk tidak membawa apa-apa pertikaian di atas Rang Undang-undang yang telah pun dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini pada tahun lalu. Saya ingin memohon pihak Kementerian Buruh dan pihak-pihak yang berkuasa, saya rasa untuk kita menjaga kepentingan negara kita, kepentingan pembangunan negara kita, kita tidak boleh masukkan di dalam satu persefahaman seperti yang berlaku di antara pihak Menteri dan juga kesatuan-kesatuan ini oleh kerana dengan keadaan itu kita telah mewujudkan beberapa masalah untuk membenarkan in-house union dalam tiga, empat bulan yang lalu ini.

Dengan kata-kata ini, saya ingin memohon sekali lagi kepada pihak berkuasa negara mengkaji sedalam-dalamnya semua Rang Undang-undang (Pindaan), yang akan

dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk kita mendapat tahu apa sebenarnya keadaan di antara semua pihak yang terlibat dalam pindaan-pindaan itu, jika boleh sepertimana yang saya telah bangkitkan di dalam Dewan yang mulia yang telah lalu satu perbincangan di antara pihak-pihak Ahli Parlimen, kesatuan-kesatuan dan juga pihak Kementerian diadakan sebelum Rang Undang-undang seperti ini dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong dengan sepenuhnya Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988. Sekian, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.00 ptg.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959. Kementerian Buruh akan mengambil perhatian serta mengkaji segala teguran dan cadangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang mana perlu dan teratur akan diguna dan dilaksanakan dengan cara-cara yang sepatutnya di masa-masa yang akan datang. Di dalam menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan, saya akan menumpukan jawapan kepada perkara-perkara yang ada hubungkait sahaja secara terus dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak bermaksud untuk menggunakan pindaan ini untuk menghalang kebebasan pekerja-pekerja untuk memilih jenis kesatuan sekerja untuk

menjaga kepentingan mereka. Pindaan ini hanya bermaksud untuk membolehkan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mendaftarkan kesatuan dalaman semata-mata di tempat pekerjaan jika mengikut kehendak pekerja-pekerja itu sendiri.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa mengenai peranan MTUC, Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang pandangan MTUC daripada masa ke semasa dan apa juga dasar ataupun pindaan yang dibuat, Kerajaan sentiasa mengambil semangat tripartite dalam usahanya untuk membuat pindaan ataupun membuat sebarang dasar buruh.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah memberi pandangannya bahawa sepatutnya pindaan ini tidak diteruskan. Saya di sini ingin menegaskan bahawa mesyuarat telah berjalan begitu lama dengan pihak MTUC walaupun MTUC baru-baru ini seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat tidak bersetuju pada awal-awalnya, tetapi perkara ini tidak timbul sebab pada akhir-akhir ini MTUC telah pun menandatangani satu memorandum bahawa mem-persetujui dan memperakukan pindaan ini dan perkara yang dibangkitkan itu tidak timbul sama sekali.

Tentang usaha untuk mewujudkan keharmonian, memanglah menjadi dasar Kerajaan bahawa tujuan utama NJLAC adalah mengambilkira semua pandangan daripada pihak pekerja, pihak majikan dan ketiga-tiga pihak (tripartite) untuk mengkaji dan menggariskan dasar mengenai buruh. Dalam hal ini juga khususnya pindaan ini semata-mata untuk membolehkan Ketua Pengarah menyenangkan untuk pendaftaran kesatuan dalaman.

Mengenai perkara yang dibangkitkan mengenai Malayan

Banking Bhd. itu seperti diputuskan oleh Mahkamah Agung, oleh kerana Mahkamah Agung telah tidak mengesahkan pendaftaran kesatuan-kesatuan dalaman maka itu Kerajaan mengambilkira dengan secara mendalam kepentingan-kepentingan pekerja-pekerja, baik dalam kesatuan dalaman atau kesatuan kebangsaan. Maka pindaan ini perlu dibuat untuk melicinkan lagi pendaftaran kesatuan-kesatuan yang sudah didaftarkan dan juga kesatuan-kesatuan dalaman yang bakal ditubuhkan di masa-masa akan datang.

Mengenai dengan kelemahan atau semangat kesatuan bukan hanya bergantung kepada kesatuan kebangsaan, kesatuan dalaman juga lebih efektif. Ini bergantung kepada leadership dan bukan bergantung kepada jenis kesatuan.

Itu sahaja jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawa-tankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PENDAFTARAN
DAN PELESENAN MINYAK
KELAPA SAWIT
(PEMERBADANAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama Dato' Alias bin Md. Ali; Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta yang berkenaan ini adalah bertujuan untuk memesatkan pelaksanaan usaha-usaha galakan pasaran dan juga untuk mengemaskini beberapa peruntukan mengenai program kawalan mutu minyak kelapa sawit. Di samping itu beberapa peruntukan lain juga dicadangkan dikemaskini dan diselaraskan. Pindaan-pindaan yang dikemukakan ini adalah dipersetujui dan disokong oleh wakil-wakil perusahaan minyak kelapa sawit yang menganggotai Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit atau PORLA sebagai anggotanya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lerabaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 telah diluluskan oleh Parlimen pada 16hb Julai 1976 dan setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mula dikuatkuasakan pada 16hb Mei 1977.

Di bawah Akta ini PORLA telah ditubuhkan pada 30hb Oktober, 1977. Lembaga ini adalah ditugaskan untuk mengawal, menyelaras dan memajukan aktiviti-aktiviti pembelian pemasaran dan pengedaran

minyak kelapa sawit di negara ini untuk terus membangunkan industri yang berkenaan termasuk memupuk pasaran-pasaran untuk keluaran-keluaran minyak kelapa sawit Malaysia di dalam dan luar negeri.

Sejak tahun 1977 iaitu tahun PORLA ditubuhkan pengeluaran minyak kelapa sawit mentah Malaysia telah meningkat dari 1.6 juta tan metrik setahun kepada 5.03 juta tan metrik pada tahun 1988. Dalam tempoh yang sama pengeluaran minyak isi rong kelapa sawit telah juga bertambah dari 142,000 tan metrik kepada hampir 500,000 tan metrik. Jumlah pendapatan eksport negara dari keluaran-keluaran kelapa sawit dalam tahun 1988 ialah kira-kira 5.6 ribu juta ringgit. Malaysia telah dapat mengekalkan kedudukannya sebagai negara pengeksporth minyak kelapa sawit yang utama di dunia sejak tahun 1967. Sebagai suatu komoditi, minyak kelapa sawit telah menjadi minyak sayuran yang utama yang dieksporth di pasaran-pasaran minyak dan lemak antarabangsa sejak tahun 1982.

Sungguhpun demikian, beberapa masalah telah timbul dalam pelaksanaan program kawalan mutu minyak kelapa sawit serta keluaran-keluarannya. Di samping itu dalam pasaran dunia yang semakin menjadi rumit perusahaan minyak kelapa sawit negara menghadapi berbagai cabaran yang berbangkit daripada persaingan yang sengit termasuk kempen anti minyak tropika yang ditaja oleh Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat (ASA). Masalah-masalah dan cabaran-cabaran ini perlu diatasi dan dibanteras demi kepentingan pihak pengusaha, para pekerja ladang, pekebun-pekebun kecil dan negara keseluruhannya. Berbangkit dari |>ertimbangan-pertimbangan tersebutlah maka dua kategori pindaan dicadangkan iaitu pindaan yang berkaitan dengan program galakan pasaran dan pindaan-pindaan

yang berkaitan dengan kawalan mutu, pelesenan dan penguatkuasaan. Pindaan yang berkaitan dengan program galakan pasaran iaitu untuk memasukkan satu peruntukan baru seksyen kecil 15 (3) (c), bertujuan membolehkan Lembaga membuat sumbangan kewangan kepada mana-mana organisasi sama ada organisasi tempatan atau organisasi untuk maksud menggalakkan pemasaran minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berbagai cabaran yang dihadapi oleh minyak kelapa sawit Malaysia dalam pasaran antarabangsa adalah wajar jika pertubuhan-pertubuhan tertentu termasuk pertubuhan-pertubuhan yang mewakili perusahaan minyak kelapa sawit tempatan dapat diberi sokongan kewangan oleh PORLA untuk melaksanakan usaha-usaha yang akan membantu memajukan pasaran untuk minyak kelapa sawit Malaysia. Walau pun Akta Pمبرadanan membolehkan PORLA, saya quote, "amnya melakukan apa juga perkara untuk memajukan lagi dan menjadikan dengan sepenuhnya perusahaan minyak kelapa sawit" dan PORLA kini mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tugasnya, namun demikian flexibility diperlukan kerana terdapat masalah-masalah tertentu yang lebih sesuai dihadapi dengan menggunakan jentera pertubuhan luar. Dalam keadaan lain, satu cabaran itu mungkin sementara sahaja dan oleh itu tidak wajar bagi PORLA mengambil kakitangan tambahan yang akan berkhidmat secara tetap semata-mata bagi maksud melaksanakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah itu. Faktor ini adalah amat pertinent, dengan izin, apabila keadaan pasaran dan cabaran-cabaran yang dihadapi sentiasa berubah-ubah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak perusahaan minyak kelapa sawit telah melancarkan satu tabung yang diberi nama Tabung Galakan Pasaran

Minyak Kelapa Sawit (POPF) pada 7hb November, 1988. Penubuhan Tabung itu menandakan kesediaan yang lebih oleh pihak perusahaan untuk bergiat cergas dalam usaha memajukan pasaran minyak kelapa sawit keluaran negara kita. Akan tetapi usaha-usaha galakan pasaran memerlukan perbelanjaan yang besar, apatah lagi minyak kelapa sawit Malaysia adalah dieksport ke setiap penjuru dunia ini. Oleh itu POPF akan menjadi pertubuhan yang penting dari segi pemberian sumbangan oleh PORLA di bawah peruntukan baru yang dicadangkan ini. Ini adalah kerana Kerajaan memang berpendapat pihak perusahaan sendiri harus memainkan peranan yang lebih giat di dalam bidang galakan pasaran dan tidak menyerahkan tugas ini kepada agensi-agensi Kerajaan semata-mata, khususnya usaha membanteras kempen anti minyak kelapa sawit memerlukan usaha-usaha bersama dari pihak industri dan Kerajaan, memandangkan objektif ASA ialah untuk menjejaskan penggunaan minyak kelapa sawit bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi juga di pasaran-pasaran lain di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, program kawalan mutu minyak kelapa sawit oleh PORLA juga merupakan aspek penting yang telah membolehkan perusahaan minyak kelapa sawit negara terus maju tahun demi tahun. Ini adalah kerana mutunya yang tinggi dan konsisten adalah perlu untuk menjamin kepuasan pengguna. Tanpa jaminan mutu kepada para pengguna, pasaran akan segera diragut oleh barang-barang pesaing. Perkara ini amat penting bagi minyak kelapa sawit oleh kerana ianya 90% digunakan untuk maksud pemakanan dan terdapat kira-kira 17 jenis barangan yang bersaing dalam pasaran minyak dan lemak di dunia. Program kawalan mutu minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh PORLA adalah dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti

yang termasuk pelesenan dan penguatkuasaan.

Sehubungan dengan itu berasaskan pengalaman PORLA, peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta yang berkenaan dicadangkan dipinda untuk menjadikannya lebih jelas, lebih terselaras dan menepati keperluan semasa. Saya ingin menegaskan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini tidak bertujuan memperluaskan kuasa-kuasa kawalan, dengan izin, regulatory, yang ada pada PORLA pada masa ini. Cadangan-cadangan pindaan ini adalah selaras dengan dasar mengurangkan karenah-karenah pentadbiran yang boleh menjadi beban kepada perjalanan urusan perniagaan di negara kita. Pindaan-pindaan ini telah dibincangkan dengan teliti dengan sektor swasta dan mereka menyokong cadangan-cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan-pindaan mengenai aspek kawalan mutu yang dicadangkan ialah Fasal 5, yang bertujuan membolehkan Lembaga PORLA membatalkan atau mengkensel sesuatu lesen yang telah dikeluarkan. Pada masa ini hanya terdapat peruntukan untuk sesuatu lesen itu digantung. Pindaan ini dianggap perlu untuk membolehkan tindakan setimpal diambil ke atas mereka yang melakukan perbuatan yang membawa akibat buruk kepada penjualan minyak kelapa sawit Malaysia di luar negeri atau yang melakukan kesalahan-kesalahan cara berulang-ulang dan penggantungan sementara lesen tidak membawa kesan positif yang diharapkan. Wujudnya peruntukan baru ini akan membolehkan PORLA memenuhi kehendak pihak industri supaya mutu minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit yang lain seperti kek isi rong dikawal dengan lebih ketat.

Fasal 11 bertujuan memperkenalkan satu seksyen baru 24A bagi membolehkan dilak atau to

seal, dengan izin, mana-mana keluaran kelapa sawit, kereta, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain, jika barang-barang itu tidak praktikal untuk dipindahkan dari tempat ianya ditemui. Ini adalah satu peruntukan yang didapati perlu membanteras dengan lebih cekap perbuatan-perbuatan yang menyalahi Akta yang berkenaan. Ianya juga merupakan satu extension kepada peruntukan yang membolehkan disita barang-barang yang digunakan dengan cara yang melanggar Akta PORLA.

Fasal 14 dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini memperkenalkan satu seksyen baru 27A yang bertujuan membotehkan mahkamah memulangkan secara sementara apa-apa juga barang yang disita iaitu sementara keputusan kes yang berkenaan ditentukan. Pemulangan itu adalah dengan syarat jaminan yang memadai diberikan. Ini adalah satu peruntukan baru yang dicadangkan dengan tujuan membolehkan satu perniagaan itu diteruskan sementara menunggu apa-apa pertuduhan terhadapnya diputuskan. Ianya juga adalah untuk menjamin seseorang atau sesebuah syarikat itu tidak mengalami apa-apa kesukaran yang tidak wajar tatkala ianya belum disabit melakukan kesalahan.

Fasal 21 bertujuan memperkenalkan 3 seksyen kecil baru dalam Seksyen 34 untuk membolehkan seseorang Merinyu Minyak kelapa sawit membuat salinan atau cabutan dari buku atau dokumen yang hendak disifatkan sebagai salinan dan cabutan benar dan betul dari salinan asal yang boleh diterima sebagai keterangan. Ini juga merupakan peruntukan yang bertujuan mengelakkan sesuatu perniagaan itu menghadapi kesukaran yang tidak wajar sementara

penyiasatan dan perbicaraan belum selesai.

Seksyen kecil (4) dan (5) yang juga dicadangkan dimasukkan dalam seksyen 34 adalah herhubung dengan perekodan pernyataan oleh Merinyu-merinyu Minyak Kelapa Sawit. Pada masa mi tidak terdapat peruntukan mengenai perekodan pernyataan oleh pegawai-pegawai PORLA dan ini didapati menjadi suatu kesukaran terutamanya dalam kes-kes di mana tidak terdapat keterangan bertulis.

Satu seksyen baru iaitu seksyen 35A menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang mengubah mana-mana lesen, buku, rekod atau dokumen yang dikeluarkan atau dikehendaki disimpan mengikut peruntukan Akta PORLA. Ahli-ahli Yang Berhormat akan sedia memahami bahawa pindaan ini dicadangkan dengan tujuan menghalang pemalsuan atau dengan izin, fraud.

Di bawah seksyen 35B seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit itu dikehendaki menyatakan jawatan dan kuasanya di bawah Akta apabila menjalankan kerja-kerja penyiasatan dan penguatkuasaan. Ini samalah seperti Fasal 14 dan 21 bertujuan menjaga kepentingan para pengusaha iaitu supaya mereka tidak menjadi mangsa orang-orang yang mungkin menyamar sebagai Merinyu Minyak Kelapa Sawit.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya cadangan meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, 1976 ini adalah bertujuan membolehkan usaha-usaha untuk terus memajukan perusahaan minyak kelapa sawit di negara kita dilaksanakan dengan lebih giat dan berkesan. Usaha-usaha ini adalah penting oleh kerana perlunya didapati pasaran-pasaran baru bagi minyak kelapa sawit keluaran negara kita di samping mengekal dan mengukuhkan kedudukan dalam

pasaran-pasaran yang sedia ada serta mengatasi dengan jayanya pelbagai cabaran yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kluang.

5.22 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon menyokong Rang Undang-undang ini yang dinamakan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan pengeluar minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia. Kita telah mengeluarkan lebih dari 4 juta tan minyak kelapa sawit dengan lebih daripada 100,0(X) pekerja dan lebih daripada 600,000 isirumah terlibat dalam industri ini. Saya memang bersetuju bahawa industri ini patut dikawal. Ini kerana kita memerlukan ses dan sumbangan yang diperolehi supaya wang itu boleh digunakan untuk tujuan lebih baik khasnya dalam pemasaran dan memajukan kegunaan hasil minyak kelapa sawit di seluruh dunia.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini akan tetapi saya juga ingin memperingatkan Kerajaan bahawa

peraturan mewujudkan red tape, dengan izin, menimbulkan birokrasi yang menghalang atau dengan izin, unwieldy bureaucracy. Di mana yang boleh, saya mencadangkan kita melonggarkan peraturan dan menggalakkan sektor swasta mencaburi dalam bidang pemasaran, penyelidikan dan pembangunan. Kerajaan patut memberi segala insentif yang diperlukan melalui pengecualian cukai tetapi juga menggalakkan mereka mengendalikan kerja-kerja yang dijalankan oleh PORLA.

Dalam bidang pemasaran minyak kelapa sawit dan hasil-hasilnya, saya ingin tahu setakat manakah Kerajaan telah memajukan kegunaan minyak kelapa sawit dan hasilnya di negara China. Saya telah diberitahu bahawa negeri India telah mengimport 900,000 tan setahun dari Malaysia. Jika negara Chihua juga mengimport 900,000 tan setahun atau lebih dari itu, kita akan dapat memperoleh pembeli bagi hampir setengah hasil pengeluaran kita setahun. Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada Amerika Syarikat yang sedang menentang penggunaan hasil minyak kelapa sawit kita. Kita patut mengadakan sebuah badan pemasaran yang agresif untuk menjual ke negara China.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut membantu sektor swasta dalam memaju dan memasarkan minyak kelapa sawit di negara China kerana kebanyakan agensi-agensi pembelian di negara China masih dikendalikan oleh Kerajaan Republik Rakyat China.

Dengan kata-kata ini, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong.

5.26ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan) 1989, selain dari pindaan untuk membolehkan pihak PORLA menyumbangkan kepada mana-mana organisasi sama ada tempatan atau antarabangsa bagi tujuan menggalakkan pemasaran keluaran kelapa sawit, pindaan-pindaan yang lain nampaknya sama ada menyekat atau memperluaskan lagi bidang penguasaan pihak PORLA dalam hal-hal pelesenan dan pemeriksaan keluaran kelapa sawit termasuk menyita, kenderaan, jentera, kelengkapan dan rekod yang terlibat dalam kes-kes melanggar peruntukan Akta PORLA, 1976.

Mengenai hal membenarkan PORLA membuat sumbangan wang kepada mana-mana organisasi, menggalakkan pemasaran keluaran kelapa sawit, difahamkan bahawa pindaan ini ialah bagi melicinkan halangan perundangan terhadap proses pemindahan wang daripada kutipan ses yang dikenakan ke atas pengeluaran minyak kelapa sawit, palm and palm kernel oil products, dengan izin, kepada Palm Oil Promotion Fund (POPF), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. POPF akan diuruskan oleh POPFCOM atau Jawatankuasa Menggalakkan Pemasaran Kelapa Sawit, sebuah badan yang baru ditubuhkan untuk memeringi Kempen Anti Kelapa Sawit oleh Persatuan Pengeluar Kacang Soya (ASA). Persatuan ini dianggotai oleh 2 orang wakil daripada setiap satu persatuan-persatuan berikut:

- (1) Palm Oil Refiners Association;
- (2) Palm Oil Millers Association;
- (3) Malaysian Edible Oil Manufacturers Association: dan

(4) Malaysian Oil Palm Growers Council.

Selain dari pegawai-pegawai PORLA dan PORIM, Pengerusi Malaysian Oil Palm Growers Council secara automatiknya menjadi Pengerusi POPFCOM.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah \$10 juta dipercayai akan disumbang kepada POPF pada tahun pertama dan dalam tiga tahun berikutnya sekurang-kurangnya \$30 juta. PORLA selain daripada bertanggungjawab bagi kutipan bayaran ses itu, akan juga menyumbang satu jumlah wang yang senilai dengan jumlah kutipan ses kepada POPF. Ini bermakna bagi setiap tan minyak sawit yang dikeluarkan, industri akan menyumbang \$1.00 dan PORLA juga \$1.00 dan POPF.

Beberapa soalan yang timbul dengan penubuhan POPF serta POPFCOM ini, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah sungutan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil atau National Association of Small-holders (NASH), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang mereka tidak mempunyai perwakilan sendiri di dalam POPFCOM dan seterusnya tidak dapat menyertai pengambilan keputusan mengenai cara bagaimana Tabung POPF harus digunakan. Ini satu masalah yang serius yang setakat ini diketepikan oleh pihak Kementerian. Kepentingan NASH diwakili secara tidak langsung oleh PORLA maka NASH bimbang bahawa kegunaan Tabung POPF yang dibuat mungkin memanfaatkan mereka yang membuat keputusan serta mengurus Tabungan tersebut daripada industri kelapa sawit secara keseluruhannya terutama sekali ahli-ahli industri yang tidak mempunyai perwakilan maka tidak berhak memutuskan penggunaan POPF. Apakah tindakan membina dan konkrit yang sedang diambil oleh

Kerajaan untuk menenangkan fikiran kumpulan yang tidak diwakili di POPFCOM?

Pengerusi POPFCOM menidakkan dakwaan ini dengan menyatakan bahawa lebih daripada 70% daripada keluaran minyak kelapa sawit di dalam Malaysia adalah dikeluarkan oleh ahli-ahli POPFCOM yang jugalah Pengurus POPF. Narnun kita tidak harus melupakan bahawa sungguhpun pekebun-pekebun kecil mungkin tidak dapat menandingi bahagian pengeluaran minyak kelapa sawit ahli-ahli POPFCOM mereka tetap telah turut menyumbang kepada Tabung POPF.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, memandangkan pihak Kementerian Perusahaan Utama hanya akan hadir sebagai pemerhati dalam POPFCOM kerana jawatankuasa tersebut ditanggap sebagai satu usaha sektor swasta dan dikelolakan juga oleh sektor swasta maka adakah kita masih berhak mempersoal dengan terperinci cara-cara bagaimana wang POPF diguna oleh pengurus-pengurusnya.

Apakah pengesyoran Kerajaan yang dalam hal membuat keputusan mengenai cara Tabungan diguna, kepentingan pekebun-pekebun kecil tidak diketepikan kerana PORLA dan PORIM tidak berdaya mempengaruhi keputusan yang dibuat kerana kekurangan undi.

Yang ketiganya, difahamkan bahawa sebahagian daripada Tabungan juga diguna untuk membiayai penyelidikan ke atas tuntutan pihak anti kelapa sawit mencerca nilai-nilai minyak kelapa sawit di segi kesihatan. Pada masa ini Kerajaan yang membiayai kos penyelidikan ini. Adakah ini bermakna yang PORLA mahupun PORIM, kedua-duanya perbadanan Kerajaan tidak akan lagi menjalankan penyelidikan berbentuk ini?

Pada bulan April tahun lalu Kerajaan mengatakan bahawa setiap pihak akan mempunyai fungsi atau peranannya yang tersendiri dalam pemasaran minyak kelapa sawit. Bolehkah Kerajaan memberi huraian yang lebih teliti mengenai peranan pemasaran yang akan dimainkan oleh setiap pihak yang terlibat? Ini penting Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tidak puas hati dengan organisasi yang ada sekarang, dengan itu perkhidmatan yang ada sekarang dan ada unsur-unsur yang tidak diingini yang meresap masuk ke organisasi termasuk PORLA dan saya berharap pihak Kementerian dapat mengkaji sungutan-sungutan ini supaya kita dapat memperbaiki sebelum terlewat.

Tambahan pula dengan itu dasar-dasar Kerajaan untuk mengambil alih beberapa ladang-ladang yang besar sekarang ada pakar-pakar dan kakitangan-kakitangan yang mahir yang lari ke negara-negara jiran seperti Indonesia, yang mempunyai tanah yang besar dan subur yang dapat mengeluarkan kelapa sawit dengan kos yang lebih rendah dan kalau kita tidak berwaspada, beberapa tahun hadapan negara seperti negara Indonesia akan menjadi pengeluar minyak sawit yang utama di dunia.

Tadi Timbalan Menteri merasa bangga Malaysia masih lagi menjadi sebagai negara yang utama, pengeluar minyak sawit dengan lebih daripada 4 juta tan, dia kata. Walau bagaimanapun, bolehkah kita kekalkan kedudukan seperti ini kalau organisasi tidak dikemaskinikan, kalau bakat-bakat dan orang-orang yang berpotensi tidak digunakan dengan sepenuhnya, kalau nasihat-nasihat yang bernas tidak diterima dengan baik, kalau unsur-unsur yang lain termasuk unsur-unsur perkauman dikekalkan di dalam organisasi seperti PORLA?

Tuan Yang di-Pertua, yang keempatnya, Tabungan ini dikatakan

diguna bagi memerangi kempen anti minyak kelapa sawit. Seandainya kempen yang sebegitu agresif tidak lagi diperlukan maka apakah yang akan terjadi kepada Tabungan POPF serta baki wangnya jika kutipan ses akan diberhentikan selepas tahun ketiga apabila didapati tidak lagi diperlukan maka apakah pula had tempoh masa bagi mengekalkan Tabungan ini? Tidak disebutkan di dalam itu Rang Undang-undang ini tempoh masa ataupun nasib Tabungan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pengetatan serta memperluaskan bidang kekuasaan pihak PORLA, persoalan kita ialah apakah tujuan-tujuan serta keadaan-keadaan yang memaksa Kerajaan meminda Akta terutama sekali dalam aspek-aspek yang ada kaitan dengan pindaan. Adakah pengetatan undang-undang dibuat untuk mengawal kejadian mencampuradukkan minyak kelapa sawit? Setahu kita pihak Persatuan Penapis Minyak Kelapa Sawit (PORAM), menuntut bahawa kerana mencampuradukkan minyak kelapa sawit tidak terjejas mutu dan dibuat mengikut kehendak pembeli dan mengikut pengkhususan tertentu menggunakan teknologi komputer moden. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya pun kurang pasti pada mulanya apabila ada kempen anti kelapa sawit yang kempen ini tidak patut diadakan di Amerika Syarikat oleh pihak kacang soya itu. Saya tidak setuju dengan mereka, saya pun berpendapat itu satu perbuatan yang tidak munasabah yang kita hendak berusaha untuk memberhentikan. Tetapi walau bagaimanapun, saya pun tidak begitu puas hati kepada permulaan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan sama ada Kerajaan ada berusaha untuk mencegah daripada mula lagi ataupun Kerajaan mengambil sikap yang tidak betul sehingga kempen anti kelapa sawit dapat dijalankan oleh pihak musuh dengan begitu hebat sehingga

menjejaskan jualan kelapa sawit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jika beginilah halnya maka mengapakah pindaan-pindaan dibuat. Perkara ini amat mengkagumkan. Selama ini perhatian ditumpukan kepada kempen anti minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat adakah sebarang kejadian lain yang serius telah berlaku di dalam industri minyak kelapa sawit di dalam negeri sendiri sehingga memerlukan pengetatan undang-undang tetapi tidak diumumkan kepada orang ramai. Ini satu perkara yang saya berharap pihak Kementerian dapat menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini sama ada ada kejadian-kejadian yang lain selain dari kempen anti kelapa sawit.

Pindaan dibuat kerana undang-undang kurang cekap mengawal daripada berlakunya kesalahan melanggar akta. Ianya tanggungjawab Kerajaan untuk memberitahu rakyat peristiwa-peristiwa yang berlaku. Kegagalan untuk berbuat demikian bererti Kerajaan turut serta dalam usaha tipu muslihat rakyat dengan mengalihkan perhatian orang ramai kepada kempen anti minyak kelapa sawit dan pada masa yang sama menyembunyikan masalah tempatan lain yang mungkir lebih buruk padahnya. Misalnya, aktiviti penye- ludupan minyak kelapa sawit. Kita tidak dapat tahu hakikatnya berapa tan diseludup keluar daripada negara. Mungkin pihak Kementerian sengaja hendak menyembunyikan peristiwa seperti ini. Tidak pernah kita dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri mengenai hal seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh salah seorang pakar industri kelapa sawit, persaingan sebenarnya datang daripada kumpulan perladangan multi national yang memutuskan sama ada untuk terus

melabur dalam industri kelapa sawit Malaysia atau lain negara serta rancangan-rancangan mereka bagi masa hadapan, industri ini di negara masing-masing. Jika syarikat-syarikat ihi mengambil keputusari untuk memperluaskan kawasan penanaman kelapa' sawit di lain-lain negara dan tidak di Malaysia maka kedudukan Malaysia sebagai pengeluar minyak kelapa sawit yang utama sekali di dunia akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita haruslah mengesyorkan yang pengeluaran kelapa sawit kita adalah pada paras yang paling cekap dengan kos yang paling rendah daripada setiap hektar kawasan yang bertanaman dengan tumbuhan itu dan mustahak sekali bermutu tinggi. Kalau kita hendak mencapai mutu yang tinggi dan kos yang rendah, ini bermakna kita menggunakan segala sumber, segala bakat dan orang-orang yang berpotensi untuk berkhidmat di dalam perindustrian kelapa sawit Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.44 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya inehgucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat kenyataan-kenyataan dan teguran-teguran mengenai Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang-Berhormat dari Kluang telah menyebut tentang setakat mana Kerajaan telah menjalankan penyelidikan mengenai penggunaan minyak kelapa sawit. Suka saya menjelaskan bahawa pihak PORIM telah dan sedang membuat banyak kajian dan experiment, dengan izin, untuk bukah sahaja memperbaiki

mutu minyak kelapa sawit keluaran negara kita tetapi juga menjalankan kajian-kajian yang bertujuan untuk memperbaiki dan mempelbagaikan kegunaan minyak kelapa sawit supaya dapat dipasarkan minyak kelapa sawit dalam bentuk yang berbagai-bagai ke luar negara. Malangnya setengah-setengah daripada kajian-kajian yang dibuat ini tidak dapat kita umumkan oleh kerana kita perlu menjaga kerahsiaan setengah-setengah daripada kajian-kajian yang dibuat ini untuk menjaga kepentingan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan soal pergantungan kita kepada pasaran Amerika Syarikat. Perlu saya tegaskan bahawa eksport minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat tidaklah begitu besar. Amerika Syarikat sebagai sebuah negara pembeli minyak kelapa sawit bukanlah merupakan suatu negara yang boleh mempengaruhi harga minyak kelapa sawit. Namun demikian, apa yang kita bimbangkan ialah usaha-usaha kempen yang dijalankan oleh ASA ini bukan sahaja setakat berlaku di Amerika Syarikat tetapi juga mungkin merebak di luar negara tersebut terutama di negara-negara pengekspornya kita yang penting seperti India, Pakistan dan beberapa negara lain di Timur Tengah. Kita tidak sama sekali bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, sebarang kekurangan atau penurunan eksport kita ke Amerika Syarikat tidaklah menjejaskan harga minyak kelapa sawit kita dan sebaliknya kita telah berjaya memasarkan semua pengeluaran minyak kelapa sawit kita setakat ini. Walaupun sejak beberapa tahun yang akhir ini eksport minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat telah turun sebanyak 30%.

Ahli Yang Berhormat juga telah menarik perhatian kita tentang perlunya

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejab. Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, dikatakan eksport kurang pada Amerika Syarikat ini, adakah kerana faktor kempen anti kelapa sawit oleh ASA ataupun oleh kerana faktor-faktor yang lain?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk memastikan apakah faktor yang menyebabkan penurunan eksport minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat tetapi kita agak satu daripada sebabnya ialah beberapa tahun yang akhir ini sejak tahun lalu harga kelapa sawit telah meningkat tinggi di pasaran dunia dan mungkin ini menjadi satu daripada punca menyebabkan pengimport-pengimport Amerika Syarikat beralih kepada minyak kelapa sawit yang lain. Mungkin kempen anti minyak kelapa sawit oleh ASA juga mempunyai peranan dalam mengurangkan eksport itu. Tetapi ini hanyalah satu kemungkinan dan tidak dapat dipastikan sebab yang sebenarnya. Ahli Yang Berhormat dari Kepong kalau beliau boleh tahu sebab yang sebenarnya, saya harap berilah tahu kepada kita supaya dapat kita ambil langkah yang sewajarnya untuk membetulkan keadaan ini.

Saya beralih kembali kepada Ahli Yang Berhormat dari Kluang yang telah menyebut tentang pentingnya kita membuat strategi pemasaran yang lebih agresif di negeri China. Saya bersetuju sepenuhnya dengan Ahli Yang Berhormat dari Kluang dan pasaran di negeri China adalah terbuka luas oleh kerana pada masa ini menurut laporan yang kita terima, pengguna minyak dan lemak di negeri China masih lagi berada di bawah paras yang diprakarakan oleh Pertubuhan Pemakanan Sedunia. Dan

oleh kerana itu banyak ruang untuk kita menamhahkan eksport minyak kelapa sawit kita seperti juga banyak ruang untuk lain-lain minyak dan lemak masuk ke negeri China.

Satu perkara yang menarik perhatian kita dalam soal penggunaan minyak kelapa sawit ini ialah bahawa taraf hidup di negeri China makin tahun makin meningkat dan ini bererti bahawa penggunaan minyak makan juga akan meningkat di negeri China dan pihak Kementerian sedang mengatur strategi-strategi yang terperinci untuk meningkatkan pemasaran minyak kelapa sawit kita di negeri China dan beberapa misi promosi akan dihantar ke negeri China pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang. Sama-samalah kita berdoa supaya rakyat negeri China akan dapat menambah penggunaan minyak kelapa sawit. Kalau mereka tambah satu kilo

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang.

Puan Ling Chooi Sieng: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapa tan minyak kelapa sawit yang dibeli oleh Negeri China setiap tahun. Terima kasih.

Dato' Alias bin Md. Ali: Pada masa ini Negeri China membeli kira-kira dalam lingkungan 400,000 tan minyak kelapa sawit setahun. Kalau setiap orang seperti yang saya kata tadi dapat tambah satu kilo setahun, maka kita akan mendapat kira-kira 1,000 juta kilo minyak kelapa sawit bertambah setiap tahun di Negeri China.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong mempunyai daya imaginasi yang amat kuat, terlampau imagmatif sehingga beliau menyiksa dirinya sendiri, (*Ketawa*) Saya berkata demikian oleh kerana

bahawa pindaan Rang Undang-undang ini adalah sangat jelas dan sangat simple. Tujuannya dua, yang pertama kita hendak beri sumbangan membolehkan PORLA memberi sumbangan kepada POPF. Akta yang ada sekarang tidak membolehkan PORLA memberi sumbangan kepada mana-mana pertubuhan swasta. Kita pinda ini "to legalise", dengan izin, sumbangan itu untuk membolehkan POPF memainkan peranannya dengan lebih aktif. Ahli Yang Berhormat setuju dengan saya. Agensi-agensi Kerajaan mempunyai batas-batas yang tersendiri yang tertakluk kepada banyak karenah-karenah pentadbiran dalam menjalankan tugas oleh kerana kalau kita terlalu flexible. Ahli Yang Berhormat juga yang akan bangun dalam Dewan ini dan menuntut accountability seperti yang selalu dilauung-laungkan dalam Dewan ini. Oleh kerana kita mahu accountability itulah

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Biarlah saya habis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dia habiskan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Biarlah saya habiskan ayat dahulu, baruiah bangun. Oleh kerana kita mempertahankan accountability itulah maka kita membawa pindaan ini supaya PORLA dapat memberikan sumbangan dan POPF dapat memainkan peranannya secara legal, secara efektif dan berkesan. Sekarang dipersilakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah saya menyiksakan

diri kerana nak memelihara hak orang ramai saya mengakui menyiksa diri sendiri tetapi adalah tanggungjawab Kementerian sama ada Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri untuk menjawab dengan tepat dan jitu dan bukan untuk menjawab dengan sembarangan sahaja. Accountability itu perlu sama ada dengan Rang Undang-undang dibentangkan ataupun tidak, perlu diperketatkan lagi. Saya nampak tidak begitu ketat dalam Menteriannya termasuk di dalam PORLA.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soal ketat atau tidak ketat itu soal pemikiran masing-masing, soal yang amat subjektif kalau Yang Berhormat bersetuju dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menghuraikan apa yang cuba kita buat iaitu pindaan ini ada dua perkara. Pertama, membolehkan PORLA memberi sumbangan. Yang kedua, ialah menutup lobang-lobang, ruang-ruang kekurangan-kekurangan yang terdapat pada Akta lama dalam usaha menjalankan penguatkuasaan, dalam mutu dan sebagainya. Kalau kita hendak menjaga mutu kita, ia perlu langkah-langkah penguatkuasaan. Langkah-langkah penguatkuasaan tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa adanya provisi-provisi undang-undang. Dan inilah yang cuba kita bawa ke dalam Dewan yang mulia ini, tidak lebih daripada itu. Tetapi kalau kita benarkan imaginasi kita melayang-layang di ruang udara tanpa batas, kita akan menemui hantu-hantu di angkasa lepas pun ada hantu. Saya tidak pernah mendengar tidak ada laporan mengenai perbuatan-perbuatan yang serius yang berlaku di dalam perusahaan kelapa sawit seperti yang dihayalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Beliau terlalu hayal sehingga memikirkan bahawa pindaan yang kita bawa dalam Dewan yang mulia ini dan juga kempen menentang ASA merupakan suatu muslihat Kerajaan dan bahawa

kita cuba sembunyikan suatu hakikat yang buruk yang sedang berlaku di dalam perusahaan kelapa sawit. Saya tidak tahu apa maksud beliau. Kalau beliau seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, silalah terangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah yang berlaku sebenarnya supaya kita tahu dan kita ambil tindakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kempen anti kelapa sawit dan usaha-usaha yang dijalankan di dalam Dewan yang mulia ini ada melaung-laungkan langkah-langkah yang diambil, kita tidak dengar cara-cara untuk mencegah aktiviti-aktiviti penyeludupan minyak kelapa sawit.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tidak faham apa penyeludupan minyak kelapa sawit daripada negara kita keluar negeri atau penyeludupan minyak kelapa sawit daripada luar negeri ke negara kita. Kalau boleh Yang Berhormat itu jelaskan dan beri maklumat yang tepat. Kalau beliau dengar maklumat itu, sila beritahu Jabatan Kastam sebab Kementerian saya tidak terlibat dalam kerja-kerja mengawal penyeludupan. Ahli Yang Berhormat tentu tahu ada pemisahan tugas. Kalau ada perkara-perkara penyeludupan seperti itu berlaku, pihak Kastam tentu tahu sebab semua pintu masuk keluar negara kita ini dikawal rapi oleh Kastam dan Kastam kita tidaklah begitu upaya dan tidak begitu daif sehingga tidak dapat mengesan minyak kelapa sawit yang diseludup melalui lori tangki yang begitu besar atau melalui tanker dari laut misalnya, terlalu daiflah Kastam kita kalau sekiranya mereka tidak dapat mengesan semuanya ini. Pada hakikat yang sebenarnya ialah tidak ada berlaku perkara-perkara seperti yang dihayalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mungkin ada berlaku sedikit-sedikit penyeludupan di sempadan Thailand atau sempadan mana-mana, itu perkara biasa yang tidak menjejaskan sedikit pun perusahaan

kita. Kalau penyeludupan berlaku secara besar-besaran tentulah pihak Kerajaan akan dapat tahu dan kita tidak ada sebab untuk sembunyi perkara-perkara seperti ini. Tidak ada sedikit pun niat kita untuk sembunyi perkara-perkara yang tidak baik. Tidak ada sedikit pun tipu muslihat kita untuk mengalih pandangan rakyat negara kita ini dengan melalui kempen menentang kempen ASA atau mengadakan pindaan-pindaan seperti ini. Ini hanyalah untuk mengemaskan langkah-langkah pentadbiran. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong ingin berhayal bersendirian, biarlah dia berhayal dan itu memanglah kerja dia barangkali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada membawa perkara ke pihak wakil-wakil NAS, Perusahaan Pekebun Kecil tidak puas hati tidak diwakili dalam POPF. Ini perkara bukanlah susah sangat. Kalau perlu pada satu ketika nanti kita jemput wakil NAS masuk di dalam POPF. Kalau mereka dapat memberi sumbangan dan bersedia bersama-sama, kita sanggup terima. Kita bukanlah orang yang degil sangat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Lagi Yang Berhormat.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ada lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan khayalan, semua ucapan saya tadi adalah kenyataan dan ini bukan khayalan termasuklah ketidakpuasan pihak NASH pun bukanlah khayalan dan bilakah pihak Yang Berhormat dapat melantik wakil daripada NASH untuk mereka memberikan sumbangan yang bernas.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tentang perlantikan NASH dalam POPF itu bukan khayalan, itu betul dan saya

bersetuju, tetapi nampak yang mengatakan bahawa ada muslihat di sebalik pindaan ini, ada muslihat di sebalik kempen anti-ASA, itu suatu khayalan, itu satu imiginasi, sebab tidak ada muslihat langsung bagi pihak kita. Tentang bilakah hendak dilantik wakil NASH ini, serahkanlah kepada kita. Jangan pula kalau kita sudah bersetuju, tanya pula bila. Serahkanlah kepada kita untuk membuat keputusan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong terus mengganggu saya, kita tidak akan habis Bill ini pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah mempersoalkan sama ada cara kita menggunakan, cara POPF menggunakan tabung ini boleh dipertanggungjawabkan.

Saya ingin menjelaskan dan memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa anggota-anggota pentadbiran yang mentadbirkan tabung ini adalah orang-orang yang cukup bertanggungjawab yang mempunyai himah yang tinggi dan kita percaya mereka akan menggunakan tabung ini dengan sebaik-baiknya untuk faedah perusahaan seluruhnya dan tabung Lembaga ini mempunyai sistem dalaman dalam mengawal wang yang dibelanjakan dan mereka bukan sahaja bertanggungjawab kepada Lembaga ini tetapi juga bertanggungjawab kepada Tuhan, kepada rakyat dan kepada negara.

Kalau kita asaskan sesuatu tanggungjawab itu kepada tidak percaya, saya yakin dan percaya kita tidak boleh buat sesuatu apa pun dalam dunia ini. Kita mesti asaskan sesuatu pekerjaan itu atas dasar kepercayaan, kecuali sehingga mereka melanggar atau mencabuli kepercayaan kita itu, maka barulah kita ada asas untuk tidak percaya kepada mereka. Buat masa ini pihak Kementerian percaya sepenuhnya bahawa tabung ini akan dikendalikan dan dibelanjakan secara yang sewajar-wajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah mempersoalkan sama ada selepas ini pihak PORIM dan PORLA tidak lagi akan menjalankan kerja-kerja Research and Development (R & D), dengan izin. Saya suka menjelaskan bahawa POPF ini ditugaskan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan promosi pemasaran. Kerja-kerja promosi dan pembangunan akan terus dijalankan juga oleh pihak PORLA dan PORIM dan tidak akan berlaku sebarang percanggahan antara kedua-dua pihak ini, bahkan antara pihak agensi Kerajaan dengan badan yang ditubuhkan POPF ini akan sentiasa berjalan berasingan, berjalan bersama-sama dalam ertikata complementation, dengan izin, dalam tugas-tugas mereka dan kita percaya cara seperti ini akan menghasilkan sesuatu yang baik untuk perusahaan kelapa sawit.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyebut perkara pakar-pakar minyak kelapa sawit kita oleh kerana tenaga mereka tidak digunakan, maka mereka telah lari dan berkhidmat di luar negeri menyebabkan kemungkinan suatu masa negeri itu akan lebih maju dalam bidang kelapa sawit dan kita akan ketinggalan di belakang.

Dalam negara kita ini kita mengamalkan demokrasi, tidak ada sesiapa pun yang boleh memaksa sesiapa untuk terus bekerja sehingga mati di dalam sesuatu jabatan. Kalau beliau tak puas hati dan dapat peluang pekerjaan di mana-mana, mereka boleh keluar bila-bila masa sahaja dan tidak adil untuk Kerajaan menyekat mereka keluar bekerja di tempat lain kalau pendapatan mereka lebih baik.

Dr Tan Seng Giaw: Saya hendak minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu berfikir dengan sematang-matangnya, kalau kita tidak wujudkan suasana yang lebih sihat untuk pakar-pakar dan kakitangan yang mahir itu di dalam perindustrian kelapa sawit dan mereka

itu lari daripada negara ini dengan beramai-ramai, apakah akibatnya, apakah consequencynya. Kalau setakat satu dua orang, segelintir sahaja, itu kita boleh mengeneppikan. Kalau beramai-ramai, kita tak boleh mengeneppikan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Alias bin Md. Ali: Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Kepong itu berkhayal yakni soal lari beramai-ramai, soal jika jika-jikaan, kalau jika-jikaan kita tak akan dapat menyelesaikan masalah, kalau kita terus bercakap tentang jika-jikaan. Ini soalan yang highly hypothetical, dengan izin, saya tidak mahu menjawab soalan seperti ini.

Seperti yang saya katakan tadi, mereka boleh berkhidmat di mana-mana juga. Yang penting bagi kita ialah perusahaan kita terus maju. Itu yang penting. Sama ada mereka keluar negeri, tetapi pakar-pakar kelapa sawit masih ramai yang ingin berkhidmat di dalam negara kita. Kita boleh mengadakan suatu perkhidmatan yang sehabis baik tetapi kita mesti ingat juga bahawa perkhidmatan, imbuhan gaji dan sebagainya bagi orang-orang yang pakar yang berkhidmat di dalam perusahaan kelapa sawit ini haruslah juga diseimbangkan dengan pakar-pakar di dalam bidang yang lain. Oleh yang demikian, kita tidaklah berasa bimbang kalau ada seorang dua yang lari ke negara lain, berkhidmat dengan syarikat multi-national. Ini adalah perkara biasa. Yang penting ialah tidak ada berlaku brain drain, dengan izin, di dalam industri ini secara besar-besaran seperti yang dikhayalkan. Ahli Yang Berhormat bangun lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan. Ini bukan suatu khayalan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila ahli-ahli pakar dan sebagainya lari daripada satu perbadanan, satu Kementerian ataupun di bidang kelapa sawit ini, kita tak nampak lagi sekarang ini, tetapi dalam masa hadapan, 15-20 tahun lagi kenyataan itu sangat ketara.

Apabila perkara yang serius itu berlaku, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak ada di sini lagi. Itulah yang penting sekali yang hendak difikirkan dengan sematangmatangnya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga tidak akan ada dalam Dewan ini pada masa itu.

Apakah yang akan berlaku dalam masa 15-20 tahun akan datang tidak dapat siapa pun meneka, tetapi yang penting ialah kita menyusun perusahaan ini sekarang supaya kita dapat mengekalkan sebahagian besar daripada orang-orang yang tahu atau yang berilmu dalam bidang kelapa sawit ini untuk menjaga kepentingan perusahaan kelapa sawit kita.

Ahli Yang Berhormat itu telah menimbulkan soal perkauman yang berlaku dalam PORLA. Saya tidak faham apakah maksud Ahli Yang Berhormat. Kalau sekiranya beliau dapat memberikan kepada kita suatu maklumat yang jelas tentang apakah maksud beliau dan ada insiden-insiden yang khusus mengenai unsur-unsur diskriminasi perkauman di dalam PORLA, kita akan membuat siasatan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah beliau menyiasat sama ada di dalam pengambilan kakitangan, sama ada di peringkat pegawai atau kakitangan yang lain di semua jabatan di dalam PORLA sama ada masih ikut apa yang dikatakan sebagai Dasar Ekonomi Baru ataupun dasar yang direka-rekakan oleh pihak-pihak tertentu sahaja. Bolehkah Yang Berhormat menyiasat dengan teliti sama ada pengambilan kakitangan, pegawai dan sebagainya itu menurut merit dan sebagainya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bukan kerja saya untuk menyiasat. Kerja saya ialah menerima rayuan. Kalau ada rayuan kita siasat. Kalau tidak ada rayuan atau rayuan

dibuat secara umum untuk kita siasat samalah seperti kita menembak itik liar; kita tidak boleh membuang masa lagi. Kalau Yang Berhormat ada maklumat yang khusus tentang nama siapa, ada diskriminasi, semata-mata ada perkauman, kerana dia daripada lain-lain kaum, sila beri maklumat itu kepada saya. Tetapi untuk suruh saya pergi siasat berapa beratus orang pekerja-pekerja, record of service setiap orang, minta maaf Yang Berhormat, saya banyak kerja lain lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu jawapan tidak bertanggungjawab. Seolah-olah beliau bukan seorang Timbalan Menteri. Bukankah tugasnya untuk menjaga suasana kerja untuk memastikan bahawa semua yang bekerja di situ puas hati dan sebagainya. Kalau tidak berniat untuk menyiasat ini satu ketidak tanggungjawapan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai sistem yang tersendiri dalam negara ini.

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti biar dia jawab dulu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Biar saya jawab dulu. Kalau tidak ada aduan, kita tahamkan bahawa semua orang puas hati. Kalau ada rayuan, ada komplek baru kita siasat. Ini aduan dibuat secara umum macam manakah kita hendak siasat. Itu sebab saya kata be specific, dengan izin. Sila hantar nama orang yang kena diskriminasi itu supaya kita siasat. Jangan buat tuduhan liar yang mengatakan PORLA buat diskriminasi kerana perkauman, itu tuduhan liar yang tidak bertanggungjawab. Mudah membuat tuduhan tetapi sama ada tuduhan itu bertanggungjawab atau tidak, Ahli Yang Berhormat ialah Ahli yang dipilih oleh rakyat patut bertanggungjawab di dalam Dewan ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Mendengar jawapan yang diberikan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dari DAP yang menimbulkan soal perkauman dalam pengambilan kakitangan di PORLA suatu institusi Kerajaan. Apakah Yang Berhormat memikirkan bahawa isu yang dibangkitkan ini merupakan satu isu yang baru atau satu isu yang lama, yang mungkin diberi nafas baru seperti oleh Yang Berhormat dari Kepong. Dan kalau kita mengkaji dalam badan-badan Kerajaan seperti PORLA atau mungkin RRI apakah pernah di dalam Dewan ini, dalam pengalaman Yang Berhormat sudah selama 3 penggal DAP membangkitkan soal yang sama apabila di RRI dalam tahun 70an di mana dalam bilangan 100 lebih kakitangan RRI hanya belasan sahaja terdiri daripada anak-anak Melayu yang menduduki jawatan dalam RRI.

Apakah DAP membangkitkan soal ini sebagai diskriminasi perkauman? Kenapa apabila sahaja bilangan kaum orang-orang bukan Melayu itu kurang daripada orang Melayu itu dikatakan sebagai perkauman? Mengapa bila orang-orang Melayu kurang, bilangan orang-orang bukan Melayu ramai tidak dibangkitkan soal perkauman? Apakah pandangan Dato' Timbalan Menteri ini sebagai satu keadilan. Di mana perkauman dan di mana tidak perkauman. Dan mungkin pengambilan itu berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru ataupun mengikut peruntukan Perlembagaan yang tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa, yang telah dipersetujui sejak

dari mula lagi. Apakah perkara yang dibangkitkan oleh DAP ini menggambarkan satu sifat perkauman yang sempit, politik yang sempit, yang terlalu chauvinistic?

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya rasa saya boleh bersetuju 100% dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ini tidak puas hati lagi.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tidak puas hati lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada penyanyi berduet atau dwi-penyanyi di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan serius di sini, tidak membangkitkan RRI kerana kita di sini membincangkan PORLA. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu itu dia tidak tahu, kita hendak bincangkan PORLA, dia bincangkan RRI. Hendak bincangkan chauvinist dan sebagainya walhal yang dikatakan oleh beliau itu sangat chauvinist. Itulah yang penting. Saya dengar rayuan dan sungutan daripada pihak-pihak yang bekerja di PORLA dan sebagainya. Saya mengemukakan hal ini di dalam Dewan. Kalau saya ada kes spesifik saya laporkan kepada Polis dan sebagainya. Tetapi sangat susah untuk mendapat itu nama-nama dan sebagainya kerana orang enggan kerana ada terlibat dengan pencen dan sebagainya. Itulah yang penting, Tuan Yang di-Pertua. Di sini kita hendak menentukan mutu pengeluaran minyak kelapa sawit di negara ini. Kalau hendak menentukan, hendak memastikan, mengekalkan keadaan ini, kita mesti menggunakan orang-orang yang berbakat, pakar-pakar, orang-orang yang berpotensi dengan sepenuhnya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak mempunyai kes. . . .

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Dato' Alias bin Md. Ali: Nanti saya jawab dulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dia jawab dulu Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dato' Alias bin Md. Ali: DAP ini kata Democratic Action Party, tetapi dia tidak democratic, hanya pandai menyoal tak mahu mendengar orang menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak ada kes spesifik untuk diadakan kepada Dewan yang mulia ini mengenai unsur perkauman dalam PORLA. Oleh kerana tidak ada kes spesifik maka Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak mempunyai kes.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh perkara sampai bila POPF ini akan berjalan dan Rang Undang-undang ini tidak menyebut tempoh masa sumbangan tersebut akan diteruskan. Kita memang tidak mempunyai jangka masa yang tertentu untuk menjalankan promosi. Promosi seharusnya berjalan sepanjang masa. Tetapi di dalam soal mengutip untuk Tabung yang dikelolakan oleh POPF ini kita membuat anggaran bahawa dalam masa 3 tahun akan datang ini kita memerlukan wang sejumlah \$30 juta. Lepas itu kita akan memikirkan semula sama ada kita akan teruskan atau tidak bergantung kepada keadaan yang berlaku selepas 3 tahun daripada sekarang. Kalau pada masa itu tidak ada lagi kempen memburukkan minyak kelapa sawit, tidak ada lagi kerja-kerja promosi yang perlu dijalankan, semuanya sudah berjalan beres kita

akan berhenti setakat itu. Kalau keperluannya masih ada kita akan teruskan dengan tabungan itu.

Saya fikir saya telah menjawab sebahagian besar daripada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada apa-apa yang ketinggalan, perkara-perkara yang dibangkitkan itu diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5—

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 5. Pindaan Seksyen 13 Akta Ibu. Tujuan pindaan ialah untuk membolehkan Lembaga membatalkan lesen dalam keadaan yang disifatkan sesuai olehnya.

Pertama, Kerajaan seharusnya menetapkan dengan telitinya keadaan-keadaan di bawah mana tindakan membatalkan lesen diwajibkan dengan mengumpulkan ke semua keadaan di mana sesuatu tindak harus diperlakukan maka manalah diketahui oleh orang yang terlibat dalam industri ini perbezaan darjat kesalahan yang

menentukan sama ada lesennya dibatalkan atau digantung sahaja. Bukankah ini memberi peluang kepada peluang kepada setengah-setengah Pegawai Penguatkuasa mencari makan sampingan, menggertak wang daripada pengusaha supaya lesen tidak dibatal atau digantung buat sementara waktu. Apakah pengesyoran Kerajaan yang garis-garis panduan bagi mengenakan tindakan membatalkan lesen dengan menggantung lesen buat sementara waktu tidak akan dikelirukan bagi kepentingan pihak yang menguatkuasakan undang-undang.

Tuan Pengerusi, perkara lain ialah mengapakah perkataan "cancel" digunakan dan bukan "dibatalkan". Daftar Ejaan Rumi Edisi Kedua Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mencatatkan penggunaan perkataan "cancel". Apakah perbezaan di segi perundangan yang wujud daripada penggunaan "dibatalkan" dengan "di cancel" yang menyebabkan Kerajaan menggunakan istilah kedua dan bukan yang pertama. Penjelasan mesti diberi kerana ini mungkin satu misalan yang baik sekali untuk menunjukkan kekurangan-kekurangan menggunakan Bahasa Malaysia di dalam merangka undang-undang di Malaysia. Cara penggunaan bahasa amat penting dalam menentukan bagaimana sesuatu perundangan itu harus ditafsirkan supaya kemuskilan tidak timbul pada kemudian hari kelak semata-mata kerana disebabkan oleh bahasa yang digunakan.

Tuan Pengerusi, Fasal 6 Seksyen baru 13A. Seksyen baru ini menghendaki ketua-ketua eksekutif menyiarkan dalam apa-apa penerbitan atau penerbitan sebagaimana yang disifatkannya patut, nama dan alamat mana-mana pemegang lesen yang lesennya telah digantung atau dikensel. Berkenaan dengan hal ini, adakah satu had tempoh masa diadakan bagi masa di antara lesen digantung atau dikensel dengan masa penyiaran dibuat? Jika faktor masa tidak ditetapkan, maka

sekiranya pihak ketua eksekutif lalai untuk menyiarkan dengan secepat mungkin maklumat tersebut dan dalam masa penyiaran ditangguhkan, parti ketiga berurusan dengan pemegang lesen dibatal atau digantung, bukannya pihak ketua eksekutif juga harus bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin dialami oleh parti ketiga.

Tuan Pengerusi, kita sedar yang ianya satu kesalahan bagi pemegang lesen yang telah dibatal atau digantung untuk menjalankan kegiatannya, akan tetapi apakah pengesyoran yang peraturan ini boleh mengelakkan pemegang lesen bertindak secara tidak jujur, menipu pihak ketiga dan melarikan diri selepas itu. Bukankah disebabkan pendalihan dalam menyiarkan nama dan pemegang lesen itu di pihak ketua eksekutif memberi pemegang kesempatan menipu pihak ketiga yang tidak menerima maklumat itu tepat pada masanya.

Tuan Pengerusi, sebaik-baiknya Kerajaan harus menambah lagi ungkapan "serentak dengan penggantungan atau pembatalan lesen" supaya dikehendaki pihak ketua eksekutif menyiarkan maklumat pembatalan atau penggantungan seseorang pemegang lesen pada masa yang sama tindakan tersebut diambil atau diberitahu kepada pemegang.

Tuan Pengerusi, Fasal 10, Pindaan Seksyen 23 kepada Akta ibu. Jelas sekali daripada pindaan yang dibuat di bawah seksyen ini ialah kegagalan pihak berkuasa untuk mendakwa mereka yang melanggar Undang-undang Akta PORLA 1976 disebabkan tidak mempunyai bukti-bukti yang mencukupi. Adakah ini benar? Jika ya, berapa banyakkah kes serta nilai tan metrik dan jumlah wang keluaran kelapa sawit yang terlepas daripada dakwaan disebabkan oleh kekurangan bahagian Akta ibu ini. Pada masa yang sama bagi mengesyorkan keadilan dalam tindakan pihak berkuasa yang

ingin menyita sesuatu barangan yang dapat memberi keterangan terhadap pelanggaran Akta harus memberitahu secara bertulis sebab-sebab bagi penyitaan barang-barang tersebut. Surat menguatkuasakan penyitaan dibuat harus mengandungi sebanyak mana yang boleh butir-butir yang tepat mengenai kesalahan yang disyaki telah dilakukan oleh seseorang yang didakwa termasuk alasan bagi menyita barang-barang tertentu.

Tuan Pengerusi.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong pergi kepada perbincangan secara umum. Dia nampaknya tidak membahaskan butir-butir di dalam Rang Undang-undang ini apabila beliau meminta maklumat-maklumat tambahan demi tambahan, beliau kembali kepada perbahasan umum. Kita sekarang dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Kita dalam Jawatankuasa ini, pindaan Seksyen 5 dibangkitkan. Dalam pada itu Yang Berhormat dari Kepong sudah pergi kepada Fasal 10. Kalau boleh menjawab dahulu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Kepong mengenai pindaan seksyen 5. Ada apa-apa hendak dijawab atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Kepong?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, boleh saya jelaskan sekarang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh,

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai, pertamanya, istilah "cancel". "Cancel" dengan "batal" itu serupa.

Sekarang ini orang-orang kampung pun faham perkataan "cancel". Pihak Jabatan Peguam Negara menggunakan perkataan "cancel" dan kita pun ikutlah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya pun kurang pasti sama ada "cancel" dengan "batal" itu serupa sahaja dari segi undang-undang. Cuma perasaan Yang Berhormat sahaja.

Dato' Alias bin Md. Ali: Dari segi makna biasanya serupa, dari segi makna undang-undang saya kena consult orang yang tahu tentang undang-undang. Tetapi istilah yang digunakan ini "cancel" keluar daripada Jabatan Peguam Negara, orang yang arif tentang undang-undang.

Mengenai perkara yang disentuh, apakah sebelum diambil tindakan cancel itu, apakah langkah-langkah yang dibuat sebelum dikensel sesuatu lesen itu. Kita di dalam negara ini mengamalkan keadilan dan kita mengamalkan apa yang kita panggil natural justice. Sebelum sesuatu tindakan diambil untuk membatalkan atau cancel sesuatu lesen, biasanya kita minta dia show cause, selepas kita terima show cause, kalau kita tidak puas hati juga, maka kes itu akan dibawa kepada Lembaga untuk ditimbangkan oleh ahli-ahli Lembaga seluruhnya, bukan keputusan satu orang iaitu ketua eksekutif semata-mata.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.